

**KEDUDUKAN DAN PERLINDUNGAN HAK ANAK  
BUANGAN ( *AL-LAQĪT* ) MENURUT  
UNDANG-UNDANG ISLAM DAN MASYARAKAT  
DI MALAYSIA**

**MOHD ALIMIN BIN ALIAS**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II  
( SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI )**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011**

## **ABSTRAK**

### **KEDUDUKAN DAN PERLINDUNGAN HAK ANAK BUANGAN(*AL-LAQIȚ*) MENURUT UNDANG-UNDANG ISLAM DAN MASYARAKAT DI MALAYSIA**

Kajian ini membincangkan perkara yang berkaitan dengan masalah gejala sosial yang berlaku di Malaysia. Kajian ini menfokuskan kepada masalah anak buangan (*Al-Laqiț*) yang wujud dari segi kedudukan dan perlindungan menurut undang-undang dan masyarakat. *Al-Laqiț* ialah anak yang ditemui terbuang dijalanan dan tidak diketahui keturunan mereka. Di Malaysia, kewujudan *Al-Laqiț* masih sedikit, namun begitu, hasil daripada masalah pembuangan anak yang semakin menjadi-jadi dewasa ini akan menyebabkan bertambahnya *Al-Laqiț* ini. Dalam menghasilkan kajian ini, penulis menggunakan dua kaedah untuk memperolehi maklumat iaitu kaedah temubual dan kaedah pemerhatian. Penulis merujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Rumah Kebajikan Kanak-Kanak (RKK) sebagai tempat perlindungan kanak-kanak. Disertasi ini dibuat untuk mengkaji kewujudan *Al-Laqiț* meliputi kedudukan status dan perlindungan mereka menurut undang-undang di Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa kanak-kanak ini berada di bawah perlindungan mahkamah dan kanak-kanak yang tidak dituntut oleh keluarga akan dipelihara di Rumah Kebajikan Kanak-Kanak (RKK) sehingga berumur 18 tahun. Selain itu juga, penulis membuat analisa tentang fenomena pembuangan anak yang merupakan punca utama masalah *Al-Laqiț* di Malaysia .

## **ABSTRACT**

### **STATUS AND PROTECTION OF THE RIGHTS OF ABANDONED CHILD (*AL-LAQIT*) ACCORDING TO ISLAMIC LAWS AND SOCIETY IN MALAYSIA**

This study discusses the issues related to the social degradation problems that is happening in Malaysia. This study focuses to the problem of abandoned children (*Al-Laquit*) as a result of the aforementioned problems in regards of their status and protection according to the law and society. *Al-Laquit* are the children that are found abandoned and their history and families are unknown. In Malaysia, the existence of *Al-Laquit* is still small, although with cases of child abandonment is growing rampant nowadays, no doubt the problem of *Al-Laquit* will grow exponentially. In producing this study, the writer employs two methods to obtain data; namely through interviews and observations. The writer has referred to the Department of Welfare (JKM) and Childrens Welfare Homes (RKK) as a sanctuary for children. This dissertation is done to study the existence of *Al-Laquit* including their status and protection under the laws of Malaysia. Study shows that these children is under the protection of the court and children who are not claimed by their families will be put under the care of Children Welfare Homes (RKK) until 18 years of age. Besides that, the writer also made an analysis on the phenomenon of child abandonment which is the major cause of this problem.

## **PENGHARGAAN**

Terima kasih yang tak terhingga kepada penyelia dan pembimbing disertasiku ini, Al-Façil Prof. Madya Dr. Raihanah Bt Abdullah, selaku Pensyarah di Jabatan Shariah dan Undang-undang , Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur yang sentiasa bersabar dengan karenahku. Beliau telah banyak memberikan bimbingan, semangat, motivasi, pengorbanan, dan tunjuk ajar untuk menjayakan penulisan disertasi ini. Hanya kepada Allah anugerah dan keredaanNya jua dipohon.

Buat Ibu tersayang...sesungguhnya keringat, airmata dan doamu terlalu besar ertiaya bagiku! Terima kasih pada setiap doa quodus yang mek iringkan...dengannya. anakmu menjadi insan yang yakin dan tabah. Al-fatihah kepada ayahku , abang Ayubku, semoga mendapat rahmat daripada Allah yang telah menyahut seruan Nya menuju ke alam baqa'. Seluruh adik- beradik, anak-anak saudara serta saudara mara sekeluarga di Kampung Jerus,16800 Pasir Puteh, Kelantan, yang sentiasa memberikan perhatian dan sokongan kepadaku.

Teman-teman yang banyak menolong dalam menyelesaikan disertasi ini, Akeng,Sumie, Pokku , Iskandar, Aznan, Joraimee, Nasa, Syed , Faisan, Ust Din dan tidak lupa kepada Ust. Dr.Azhar Bin Yaakub, terima kasih buat kalian semua, jasa-jasa kalian tidak dapat dilupakan , hanya Allah yang mampu membalaunya.

Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada pihak Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan Cawangan Nilam Puri, Perpustakaan Awam Islam Dār Nūr Al-Zahra Kelantan, Perpustakaan Awam Islam Wilayah Persekutuan dan Perpustakaan Majlis Agama Islam Kelantan yang telah menyediakan sebahagian besar bahan-bahan bercetak kearah penyempurnaan disertasi ini.

Terima kasih kepada semua pihak atau individu lain yang turut sama membantuku samada secara langsung atau tidak demi menyempurnakan disertasi ini.

Sekian,

Salam penghargaan daripada penulis.

Mohd Alimin Bin Alias

06 MUHARAM 1433H

Kg Jerus Bukit Jawa

02 DISEMBER 2011M

16800 Pasir Puteh,

Kelantan.

# MOTTO

## DARI KHAZANAH ILMU

“ Sesungguhnya kita adalah satu umat yang diberi kemuliaan oleh Allah dengan Islam, walaubagaimanapun masih ada di kalangan kita yang mencari lain daripada Islam sebagai *al-dīn*, maka dengan itu kita akhirnya mendapat hukuman penghinaan dari Allah yang maha dahsyat di dunia dan di akhirat”

... dengan itu benarlah Firman Allah yang berbunyi:

(وَلِلّٰهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ)

(Al-Munafiqun : 8)

Bermaksud:

“*Dan hanya untuk Allah akan kemuliaan, untuk rasulNya, dan untuk orang-orang yang beriman !*”

## DEDIKASI

Yā Ma‘sharal-Muslimīn!

Hiduplah kamu di dunia ini seperti seorang dagang dalam perantauan

Ataupun seolah-olah sedang musafir dalam perjalanan

Justeru itu ...

Persiapkanlah diri kamu masing-masing

Dengan sesuatu yang paling berharga

Iaitu...

**ILMU, IMAN DAN AMAL YANG SOLEH !**

## JADUAL TRANSLITERASI

### Konsonen

Konsonan pada huruf Arab tidak selamanya sepadan dengan konsonan huruf Rumi. Pada beberapa konsonan tertentu, konsonan tersebut boleh dirumikan, tetapi pada beberapa konsonan tertentu, terpaksa dilakukan beberapa tambahan. Hal tersebut dapat dilihat seperti di bawah:

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Rumi</u>
ا، ئ	a, ' (Hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	Dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ş
ض	đ

ط t

ظ z

ع ‘

غ gh

ف f

ق q

ك k

ل l

م m

ن n

و w

ه h

ء ’

ي y

ة H

## 2. Vokal

Dalam sistem vokal Arab ada vokal pendek, vokal panjang dan diftong.

Vokal pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
◦(Fāthāh)	A	فَتْ	qanata
◦(Kāṣrāh)	I	سَلْمٌ	salima
◦ (Dāmmāh)	U	جَعْلٌ	Ju‘ila

Vokal panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا/ى	ā	كَبِيرٍ/بَابٍ	bāb/kubrā
ي	ī	وَكِيلٍ	wakīl
و	ū	سُورَةً	sūrah

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
وَ	aw	قُولٌ	qawl
يَ	ay	خَيْرٌ	khayr
وُ	uww	قُوَّةٌ	quwwah
يُ	iyy	عَرَبِيٌّ	‘Arabiyy/i

Beberapa istilah Arab yang telah di melayukan digunakan serta kekal dalam Bahasa Melayu dari sudut ejaannya seperti: al-Qur'an, ulama, shariah' redha dan sebagainya. Demikian juga istilah Inggeris yang telah di melayukan seperti spesifik, fenomena, globalisasi, silibus dan lain-lain.

Terjemahan ayat-ayat al-Qur'an di dalam disertasi ini berpandukan kepada *Al-Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Quran*, Darul fikir Malaysia, 1422H, Dengan izin dan di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

## **SENARAI KEPENDEKAN**

1. ‘Abd : ‘Abdul
2. bil : Bilangan
3. c. : Cetakan
4. DBP : Dewan Bahasa dan Pustaka
5. Dr. : Doktor
6. h. : halaman
7. HAWA : Jabatan Hal Ehwal Wanita
8. *Ibid* : (Latin:Ibidem) pada tempat, kitab, fasal atau halaman
9. j. : Jilid
10. JAKIM : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
11. JKM : Jabatan Kebajikan masyarakat
12. JPN : Jabatan Pendaftaran Negara
13. KPWKM : Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia
14. LPPKN : Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
15. no : Nombor
16. *op-cit* : (Latin:opere citato) dalam rujukan yang telah Diterangkan
17. PPKK : Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan
18. r.a : Radiallahu ‘Anhu
19. RBL : Rumah Budak Lelaki
20. RKK : Rumah Kebajikan Kanak-kanak
21. s.a.w : Sallallahu ‘Alaihi wa Sallam

22. sdn. bhd. : Sendirian Berhad
23. s. w. t : Subhanahu wa Ta‘ala
24. terj. : Terjemahan
25. t.t : Tanpa tahun
26. UKM : Universiti Kebangsaan Malaysia
27. UM : Universiti Malaya

## **DAFTAR ISI**

HALAMAN TAJUK	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	
HALAMAN PENGAKUAN	
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
MOTTO	vi
DEDIKASI	vii
JADUAL TRANSLITERASI	viii
SENARAI KEPENDEKAN	xi
DAFTAR ISI	xiii

## BAB I

### KEDUDUKAN DAN PERLINDUNGAN HAK ANAK BUANGAN(*AL-LAQĪT*) MENURUT UNDANG-UNDANG ISLAM DAN MASYARAKAT DI MALAYSIA

1.1	PENDAHULUAN	1
1.2	LATAR BELAKANG KAJIAN	4
1.3	PERMASALAHAN KAJIAN	6
1.4	PERNYATAAN MASALAH KAJIAN	7
1.5	OBJEKTIF KAJIAN	8
1.6	SKOP KAJIAN	8
1.7	SOROTAN LITERATUR	8
1.8	METODOLOGI	12

## **BAB II**

### **PEMBUANGAN ANAK DAN KESANNYA DALAM MASYARAKAT DI MALAYSIA**

2.1	PENDAHULUAN	16
2.2	PEMBUANGAN ANAK	21
2.3	FAKTOR PEMBUANGAN ANAK	24
2.3.1	FAKTOR DALAMAN	24
	2.3.1.1     Kejahilan	24
	2.3.1.2     Keghairahan mengikut hawa nafsu	28
	2.3.1.3     Percintaan	30
2.3.2	FAKTOR LUARAN	32
	2.3.2.1     Pengaruh Budaya Barat	32
	2.3.2.2     Pengaruh Rakan Sebaya	34
	2.3.2.3     Pengaruh Media Massa Dan Teknologi Maklumat	35
	2.3.2.4     Sikap Keluarga	36
2.4	STATISTIK PEMBUANGAN ANAK DAN <i>AL-LAQI</i> DI JKM	40
2.5	KESAN PEMBUANGAN ANAK	47
	2.5.1    Ke Atas Individu	47
	2.5.2    Ke Atas Keluarga	48
	2.5.3    Ke Atas Masyarakat	49
	2.5.4    Ke Atas Negara	49
2.6	KESIMPULAN	50

## BAB III

### ANAK BUANGAN (*AL-LAQĪT*) MENURUT HUKUM SHARA'

3.1	DEFINISI ANAK BUANGAN ( <i>AL-LAQĪT</i> )	52
3.2	DALIL TENTANG <i>AL-LAQĪT</i>	55
3.3	KONSEP <i>AL-LAQĪT</i> ATAU <i>AL-MANBŪDH</i> MENURUT ISLAM	57
3.3.1	Hukum Memungut <i>Al-Laqaṭ</i>	57
3.3.2	Hak Penjagaan <i>Al-Laqaṭ</i>	58
3.3.3	Syarat Orang Yang Hendak mengambil <i>Al-Laqaṭ</i>	59
3.3.4	Nafkah	61
3.3.5	Kedudukan Agama	63
3.3.6	Hukum Nasab <i>Al-Laqaṭ</i>	64
3.4	KATEGORI <i>AL-LAQĪT</i>	68
3.5	PERBEZAAN ANTARA <i>AL-LAQĪT</i> DAN <i>WALAD ZINA</i> .	69
a)	Nasab	70
b)	Nafkah	71
c)	Pusaka	71
d)	Wali	72
e)	Perkahwinan	73
f)	Penjagaan	73
g)	Kematian	73
3.7	KESIMPULAN	74

## BAB IV

### KEDUDUKAN DAN PERLINDUNGAN ANAK BUANGAN (*AL-LAQĪT*) MENURUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

4.1	KEDUDUKAN DAN PERLINDUNGAN MENURUT UNDANG-UNDANG	76
4.1.1	Akta kanak-kanak 2001(Akta 611)	77
4.1.2	Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952	80
4.1.3	Kanun Keseksaan (Akta 574)	82
4.1.4	Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506)	85
4.2	KEDUDUKAN DAN PERLINDUNGAN DALAM MASYARAKAT	86
4.2.1	KementerianPembangunan Wanita, Keluarga dan masyarakat(KPWKM)	86
4.2.2	Jabatan Kebajikan Masyarakat	88
4.2.3	Jabatan Pendaftaran Negara	90
4.3	MEKANISME PERLINDUNGAN	92
4.3.1	Pengangkatan	92
4.3.2	Pemeliharaan	93
4.4	KESIMPULAN	95

# **BAB V**

## **PENUTUP**

<b>5.1</b>	<b>KESIMPULAN</b>	<b>97</b>
<b>5.2</b>	<b>CADANGAN</b>	<b>100</b>
5.2.1	Cadangan Kepada Individu	100
5.2.2	Cadangan Kepada Keluarga	101
5.2.3	Cadangan Kepada Pihak Berkuasa	103
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>107</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>114</b>

## BAB 1

# KEDUDUKAN DAN PERLINDUNGAN HAK ANAK BUANGAN (*AL-LAQĪT*) MENURUT UNDANG-UNDANG ISLAM DAN MASYARAKAT DI MALAYSIA

### 1.1 PENDAHULUAN

Anak merupakan satu anugerah Allah s.w.t yang tidak ternilai harganya dalam kehidupan seseorang insan. Kehadiran anak dalam kehidupan sesebuah rumah tangga adalah sebagai penyeri dan pelengkap kepada hubungan sesebuah perkahwinan. Anak-anak juga boleh disifatkan sebagai perhiasan kehidupan dunia sebagaimana yang digambarkan oleh Allah s.w.t menerusi firmanNya yang berbunyi:

الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا

Surāh Al-Kahfī (18):46

Maksudnya:

“Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia”.<sup>1</sup>

‘Perhiasan’ yang dimaksudkan dalam ayat ini sebagaimana yang telah ditafsirkan oleh ulama tafsīr antaranya, Sheikh Muḥamad Muttawalī Al-Sha‘rāwī menegaskan bahawa anak dan harta bukanlah merupakan perkara penting dalam hidup. Ia hanyalah perhiasan semata-mata. Kerana seorang mukmin itu redha dengan ketetapan yang diberikan kepadanya dan menjalani kehidupan yang bahagia walaupun tanpa anak dan harta kerana ia sedar bahawa kadang-kadang harta akan hilang dan kadang-kadang

<sup>1</sup>Semua terjemahan ayat-ayat al Quran dalam tulisan ini adalah berdasarkan kepada *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, Darul fikir Malaysia, 1422H

anak akan mencelakakannya. Namun begitu beliau dapat menjalani kehidupan dengan baik dan redha dengan tuhannya.<sup>2</sup> Manakala dalam *tafsīr Al-Azhar* pula, Profesor Dr. Hamka menyatakan yang perhiasan itu merupakan perkara yang terbatas. Harta akan menjadi perhiasan ketika badan kita sehat. Tetapi apabila kita sakit atau tua, harta bukan lagi sebagai perhiasan. Begitu juga dengan anak, anak ketika kecil adalah perhiasan, tetapi apabila sudah besar, kadang-kadang anak akan menderhaka dan melupakan ibubapanya. Justeru itu Allah s.w.t nak memberikan peringatan supaya dalam usaha hendak mengumpulkan harta dan anak, jangan lupa kehidupan yang di hadapan.<sup>3</sup> Begitu juga dalam *Tafsīr Al-Kabīr*, Imām Fakhr Al-Dīn menyatakan bahawa harta dan anak sebahagian daripada perhiasan dunia. Perhiasan dunia adalah suatu yang hilang dan binasa. Tetapi manusia suka dan bangga dengannya.<sup>4</sup>

Menerusi ayat di atas ia menjelaskan kepada kita bahawa harta kekayaan dan anak-anak adalah kurniaan dari Allah s.w.t malah ia adalah kebanggaan seseorang dan merupakan perhiasan hidup seorang manusia di dunia. Ini bermakna anak adalah sesuatu yang indah dan mengindahkan serta melengkapkan hidup manusia. Tanpa anak, sesebuah keluarga adalah tidak lengkap, tidak sempurna dan tidak indah. Islam telah menggariskan cara dan panduan untuk mendapat anak yang mengindahkan dan melengkapkan sebuah keluarga mengikut syariat Islam iaitu perkahwinan.

Walau bagaimanapun melalui ayat ini, ia tidak bermaksud untuk menyatakan bahawa semua itu adalah perhiasan semata-mata malah ia juga adalah satu nikmat yang dikurniakan Allah s.w.t kepada hambaNya. Jadi Allah s.w.t menerusi ayat ini ingin menyampaikan mesej kepada manusia keseluruhannya bahawa seandainya nikmat yang dikurniakan tidak digunakan dan dimanfaatkan sepenuhnya, ia hanyalah semata-mata

<sup>2</sup> Muḥammad Muttawalli Al-Sha’rāwī(1991), *Tafsīr Al-Sha’rāwī*, j. 4, , Dār Akhbār Al-Yawm Qiṭā‘u Al-Thaqāfah, h. 8924-8926

<sup>3</sup> Profesor Dr. Hamka(1990) *Tafsīr Al-Azhar*, j. 6, c 1, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, h. 4205

<sup>4</sup> Fakhr Al-Dīn Muḥammad Bin ‘Umar(2000), *Tafsīr Al-Kabīr (Mafātih Al-Ghaib)*, j. 11, c. 1, Beirūt, Lubnān: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyah, h. 111

perhiasan dunia dan tidak mempunyai apa-apa nilai.<sup>5</sup> Harta kekayaan adalah milik mutlak Allah s.w.t dan ia akan dikurniakan kepada sesiapa sahaja di dunia ini tanpa mengira bangsa dan agama sekiranya manusia itu berusaha. Ini adalah satu manifestasi dari sifat *Al- Rahmān* (Maha Pemurah) Allah s.w.t dan akan diberikan kepada sesiapa sahaja yang memohon dariNya dengan usaha yang gigih dan tekun menjalankan kerja.

Justeru, anak-anak perlu diberi belaian kasih sayang, didikan dan pembelaan yang paling sempurna dari ibubapa agar mereka dapat menunaikan tugas-tugas Khalifah Allah di muka bumi sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Al Quran yang berbunyi:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ  
فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَخَنْ حُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ  
لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Sūrah Al-Baqarah (2):30

Maksudnya:

“ Dan(Ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat:” Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi”. Mereka bertanya(tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata):” Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu itu rang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah(berbunuh-bunuhan) padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?” Tuhan berfirman:” Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang Kamu tidak mengetahuinya”.

<sup>5</sup> Muḥammad Muttawalli Al-Sha’rāwī(1991), *Tafsīr Al-Sha’rāwī*, j. 4, Dār Akhbar Al-Yawm Qiṭa’u Al-Thaqāfah, h. 8924-8926

Namun sejak akhir-akhir ini, telah berlaku suatu masalah sedang berlaku di sekeliling kita di mana anak-anak menjadi mangsa penyeksaan, penderaan, penindasan dan pembuangan oleh insan yang tidak berperikemanusiaan. Anak-anak yang menjadi mangsa buangan ditemui di tandas, longkang, masjid, tong sampah dan sebagainya. Mereka dikira bernasib baik jika dijumpai dalam keadaan masih bernyawa<sup>6</sup>, tetapi amat malang jika dijumpai dalam keadaan sudah meninggal dunia.<sup>7</sup> Sedangkan Allah menjadikan manusia sebagai sebaik-baik kejadian.<sup>8</sup> Tidakkah mereka sedar yang mereka akan dipertanggungjawabkan dan diadili oleh Allah di *Akhirat* nanti. Kesan dari pembuangan anak ini mewujudkan *Al-Laqaṭ*

*Al-Laqaṭ* ialah anak yang yang terbiar, tersesat di jalanan dan tidak diketahui siapa ibubapa mereka.<sup>9</sup> Sebagai makhluk Allah, sudah pastilah anak yang dibuang dan ditemui ini memerlukan perlindungan dan hak yang sewajarnya. Maka di sinilah penulis ingin melihat kewujudan *Al-Laqaṭ* dan bagaimana mereka ditangani oleh undang-undang di Malaysia terutamanya undang-undang Islam dan masyarakat terhadap mereka?

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kewujudan *Al-Laqaṭ* ini adalah akibat daripada hendak mengelakkan diri dari tanggungjawab, mlarikan diri dari tohmahan syak wasangka, mlarikan diri dari tohmah zina atau atas sebab-sebab lain<sup>10</sup> seumpama bencana alam seperti tsunami, kebakaran, banjir dan musibah seperti kemalangan, kematian ibubapa dan penjaga.

---

<sup>6</sup> Berita Harian , Jun 30 , 2010 “ Dua Bayi Lagi Dibuang”

<sup>7</sup> Utusan Malaysia, Februari 12, 2010 “Buang Bayi Tindakan Kejam”

<sup>8</sup> Petikan ayat dari surah Al-Tin ( 95): 4

<sup>9</sup> Wahbah Al-Zuhailī (1989), *Al-Fiqh Al-Islām Wa Adillatuh*, j. 5. Damshīq: Dār Al-Fikr, h. 764

<sup>10</sup> *Ibid* h.. 764

Namun di Malaysia kewujudan *Al-Laqaṭ* adalah kesan dari pembuangan anak yang berlaku dan inilah yang cuba dikaji oleh penulis. Penulis ingin mengetahui kewujudan *Al-Laqaṭ* yang terdapat di Malaysia adalah hasil daripada pembuangan anak. Biasanya anak yang menjadi mangsa buangan adalah anak luar nikah atau anak tak sah taraf<sup>11</sup>. Anak tak sah taraf adalah anak yang terhasil dari hubungan luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan shubbah.<sup>12</sup> Pada dasarnya, anak tak sah taraf berbeza dengan *Al-Laqaṭ*. Namun anak tak sah taraf boleh menjadi *Al-Laqaṭ* sekiranya tidak diketahui asal usulnya.

Di Malaysia, tugas untuk melindungi anak ini diserahkan di tangan Jabatan Kebajikan Masyarakat(JKM), Menurut Puan Wan Zabariah, setakat ini, anak-anak yang dijumpai masih hidup akan diletakkan di JKM setelah mendapat kebenaran dari Mahkamah. Manakala proses pendaftaran mereka pula diuruskan oleh Jabatan Pendaftaran Negara ( JPN ) dalam memberi status warganegara kepada mereka.<sup>13</sup> Persoalannya setakat mana peranan dan tanggungjawab JKM sebagai tempat perlindungan untuk mereka dan apakah peranan kerajaan melalui JKM ini sudah mencukupi?

---

<sup>11</sup> Safura Bt Shaari, Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan, RKK Tengku Budriah, Cheras. Temubual pada 16 September 2009

<sup>12</sup> Akta Undang-Undang Keluarga Islam ( Wilayah- Wilayah Persekutuan) 1984 ( Akta 303 )

<sup>13</sup> Wan Zabariah Bt Wan Harun, Penolong Pengarah Kanak-Kanak, JKM. Temubual pada 17 September 2009

### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Di dalam masalah *Al-Laqaṭ* ini, tujuan kajian adalah untuk melihat kewujudan *Al-Laqaṭ* serta kedudukan mereka dari segi undang-undang terutamanya undang-undang Islam dan masyarakat di Malaysia. Masalah ini berpunca dari pembuangan bayi yang melibatkan remaja-remaja yang terlanjur, apabila mereka takut perlakuan mereka diketahui oleh keluarga, mereka mengambil keputusan nekad untuk membuang anak tersebut samada dengan cara pengguguran atau pembuangan setelah dilahirkan. Islam memandang serius masalah ini kerana fenomena ini memberi kesan buruk kepada institusi kekeluargaan Islam. Islam amat mementingkan kebajikan kanak-kanak tanpa mengira apa status mereka. Justeru itu Islam mewajibkan perkahwinan yang sah mengikut shara<sup>14</sup>. Ini bukan sahaja dapat menjaga kebajikan anak-anak malah dapat menjaga kesahtarafan mereka.

Sebagaimana Menteri Pembangunan wanita, keluarga dan Masyarakat, Senator Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berasa bimbang tentang pembuangan anak ini kerana perbuatan ini amat amat kejam dan menjadi satu petanda yang membahayakan masyarakat Malaysia pada hari ini.<sup>14</sup> Penulis ingin mengkaji dan menganalisa tentang fenomena pembuangan bayi serta kewujudan *Al-Laqaṭ* di Malaysia

---

<sup>14</sup> Utusan Malaysia, Februari 12, 2010” Buang Bayi Tindakan Kejam”

#### **1.4 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN**

Persoalan *Al-Laqaṭ* ini amat penting memandangkan ia sebahagian masalah sosial yang berlaku di negara kita. Perlu ada satu cara yang sesuai untuk mengatasi masalah sosial ini. Kebanyakkan yang terlibat dalam masalah pembuangan anak adalah merupakan remaja Melayu yang beragama Islam<sup>15</sup>.

Memang tidak dinafikan pihak kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin tentang masalah pembuangan bayi ini. Malah menjadi tanggungjawab JKM untuk menjaga dan melindungi mereka. Pihak JKM juga berusaha untuk mencari dan mengesan ibubapa atau waris-waris bayi berkenaan.<sup>16</sup> Persoalannya sejauh mana peranan yang dimainkan oleh kerajaan melalui JKM dalam menangani masalah *Al-Laqaṭ*?

Jadi, fokus kajian ini adalah untuk mengkaji tentang kedudukan *Al-Laqaṭ* dan sejauhmana mereka mendapat perlindungan dari undang-undang dan kerajaan.

---

<sup>15</sup> Utusan Malaysia, Julai 2, 2010” 257000 sijil kelahiran tanpa bapa”

<sup>16</sup> Safura Bt Shaari, Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan, RKK Tengku Budriah, Cheras. Temubual pada 16 September 2009

## **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Dalam menyatakan persoalan ini, penulis ingin mencapai beberapa objektif kajian dalam disertasi ini antaranya:-

1.5.1. Menghuraikan tentang *Al-Laqaṭ* dari perspektif Islam.

1.5.2. Mengkaji perlindungan yang diberikan oleh undang-undang kepada *Al-Laqaṭ*

1.5.3. Mengenalpasti peranan kerajaan melalui JKM dalam memberi perlindungan kepada *Al-Laqaṭ*.

## **1.6 . SKOP KAJIAN**

Di dalam kajian ini penulis memfokuskan tentang *Al-Laqaṭ* dan kedudukannya menurut undang-undang Islam dan dalam masyarakat di Malaysia. Penulis juga merujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai agensi kerajaan yang diberikan tanggungjawab untuk menguruskan kebajikan serta memberi perlindungan kepada mereka.

## **1.7 SOROTAN LITERATUR**

Penulisan tentang *Al-Laqaṭ* sudah banyak dibincangkan dalam kitab-kitab Feqah seperti *Al-Fiqh Al-Manhaji*, *Al-Fiqh Al-Islām Wa Adillatuh*, *Nihāyah Al-Muḥtāj* , *Al-Mabsūt*, *Bidāyah Al-Mujtahid Wa Nihāyah Al-Muqtaṣid* dan *Mughnī Al-Muḥtāj*. Namun di Malaysia penulisan tentang persoalan ini masih berkurangan mungkin disebabkan

masalah ini kurang berlaku dan memadai dengan kitab-kitah yang sudah ada. Di dalam kitab-kitab Feqah sudah dibincangkan tentang *Al-Laqaṭ* yang meliputi pengertian, kepentingan menjaga *Al-Laqaṭ*, status agama dan sebagainya. Kebanyakan masalah *Al-Laqaṭ* berlaku adalah disebabkan hendak mengelakkan diri dari tanggungjawab, mlarikan diri dari tohmah syak wasangka, mlarikan diri dari tohmah zina atau atas sebab-sebab lain<sup>17</sup> seperti kematian ibubapa, bencana alam dan musibah menyebabkan mereka tinggal keseorangan dan tidak tahu siapa ibubapa dan keturunan mereka. Tetapi hari ini, timbul masalah *Al-Laqaṭ* yang berpunca dari masalah pembuangan bayi. Masalah pembuangan bayi semakin teruk sehingga membimbangkan semua pihak pada masa ini<sup>18</sup>. Permasalahan ini tidak dibincangkan secara mendalam dalam kitab-kitab Feqah yang meliputi kedudukan dan perlindungan mereka. Justeru, penulis ingin mengkaji tentang kedudukan anak –anak ini dari sudut undang-undang Islam dan penerimaan masyarakat.

Semasa membuat kajian ini, kebanyakan penulisan yang penulis jumpai adalah berkaitan dengan anak angkat dan anak tak sah taraf. Namun begitu, ia ada juga mempunyai kaitan dengan kajian penulis. Dalam Seminar Isu-Isu Mahkamah Syariah ke 8 :Anak Tak Sah Taraf perlindungan dan kebajikan di bawah tajuk “*Perlindungan Hak Anak tak sah taraf di bawah Undang-Undang Malaysia*”. Dr. Azizah Mohamad<sup>19</sup> ada menyebut tentang perbezaan antara anak tak sah taraf dengan *Al-Laqaṭ*. Dalam kertas kerja ini beliau hanya menyentuh tentang perbezaan sahaja dan tidak perkara-perkara lain. Walaupun penulisan itu lebih khusus kepada perbincangan anak tak sah taraf, namun dapat membantu penulis dalam membuat penulisan ini dari segi perlindungan undang-undang terhadap *Al-Laqaṭ*.

<sup>17</sup> Wahbah Al-Zuhailī(1989), *Al-Fiqh Al-Islām Wa Adillatuh*, j. 5. Damshīq: Dār Al-Fikr, h. 764

<sup>18</sup> Utusan Malaysia, Februari 12, 2010” Wujudkan Rumah Perlindungan Beroperasi 24 jam””

<sup>19</sup> Pensyarah Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Dalam Seminar Isu-Isu Mahkamah Syariah ke 8 :Anak Tak Sah Taraf perlindungan dan kebajikan ini juga di bawah tajuk “*Anak tak sah taraf dari perspektif Islam*” . Datuk Mohd Hashim Yahya<sup>20</sup> ada menyebut tentang tanggungjawab menjaga anak yang dipungut yang tidak diketahui keturunannya ini terletak di bawah tanggungjawab pemerintah sepenuhnya. Di Malaysia kebajikan anak ini berada di bawah tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Kertas kerja ini juga lebih memfokuskan kepada anak tak sah taraf. Begitujuga satu lagi kertas kerja dalam seminar yang sama yang bertajuk” *Perlindungan hak anak tak sah taraf: Amalan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia*” pula membincangkan tentang kedudukan dan perlindungan anak tak sah taraf. Keadaan ini sebenarnya secara tidak langsung melibatkan *Al-Laqaṭ* . Dalam kertas kerja ini, Puan Rosmaini Ahmad selaku penolong pengarah JKM menjelaskan tentang perkhidmatan yang disediakan di JKM dalam usaha mengurus dan memberi perlindungan kepada *Al-Laqaṭ* ini seperti program penempatan kanak-kanak dengan keluarga pelihara. Ketiga-tiga kertas kerja ini banyak membantu penulis dalam penulisan ini.

Selain itu ada satu rencana dari pejabat Mufti Brunei Darussalam yang bertajuk ”*Anak Damit: Membuang dan Memungutnya*”. Rencana ini lebih memfokuskan kepada hal-ehwal *Al-Laqaṭ* . Rencana ini juga banyak membantu penulis dalam kajian ini. Namun rencana ini hanya menerangkan tentang *Al-Laqaṭ* menurut perspektif Islam sahaja.

Penulis juga menemui satu penulisan yang ditulis oleh Dr Azizah Mohamad yang bertajuk “*Pengangkatan dan Pemeliharaan Anak*” dalam buku Undang-Undang Keluarga Islam ( Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia) jilid ke 14. Di dalam

---

<sup>20</sup> Fello Kehormat Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

rencana itu beliau menyebut tentang anak terdampar (*Al-Laqaṭ* ) serta proses pengangkatan dan pemeliharaan anak tersebut mengikut undang-undang Islam.

Penulis berharap agar penulisan ini dapat membantu dan menambah bilangan bahan bacaan yang ada. Daripada penulisan yang ada ini, penulis merasa sedikit keringanan untuk menulis dan menyiapkan disertasi ini. Harapan penulis adalah agar penulisan ini diterima oleh semua pihak.

## **1.8 METODOLOGI KAJIAN**

Seterusnya berhubung dengan kajian ini, kaedah metodologi memainkan peranan yang amat penting. Ini kerana kualiti sesuatu penyelidikan bergantung kepada ketepatan penggunaan metod-metod yang sesuai dengan objek serta tujuan penyelidikan. Perkataan metodologi bererti” Sains (ilmu pengetahuan) bagi mencari jawapan.<sup>21</sup>” Ia berasal daripada perkataan Yunani yang terdiri dari dua suku kata iaitu metodos bererti cara atau jalan<sup>22</sup> dan logos bermaksud kajian tentang atau ringkasnya sains<sup>23</sup>.

Dari sini metodologi bererti ilmu tentang cara atau prosedur yang tertentu bagi memahami sesuatu penelitian dan kajian agar hasil yang diperolehi menepati kehendak ilmiah serta boleh dipertanggungjawabkan.<sup>24</sup>

Dalam kajian ini, terdapat tiga kaedah utama yang digunakan bagi mengumpul data dan maklumat iaitu kaedah penyelidikan perpustakaan, temubual dan peninjauan (observasi).

a)      **Kaedah Perpustakaan**

Menggunakan kaedah ini, penulis dapat memahami tentang istilah-istilah dan perbincangan masalah ini menurut pandangan ulama-ulama dan undang-undang. Pengkajian perpustakaan ini penting bagi mendapatkan kefahaman tentang subjek kajian di samping membuat semakan di antara satu bahan dengan bahan yang lain.

---

<sup>21</sup>Ahmad Mahdzan Ayub, (1985), *Kaedah penyelidikan Sosioekonomi: Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: DBP. h. 9.

<sup>22</sup>Koentjaranigrat, (1986), *Metode-Metode Penyelidikan Masyarakat*, c 8, Jakarta: Penerbit P.T Gramedia. h. 7

<sup>23</sup>Rusli bin Abd. Ghani ( 1989), “Peristilahan Legasi Hippocrates Ars Longga, Vita Brevis”, Pelita Bahasa, Kuala Lumpur: DBP, Nov. 1989. h. 25.

<sup>24</sup>Peter, A. Angeles, (1981), *A Dictionary of Philosophy*, London: Harper and Row Publishers. h. 171.

Beberapa buah perpustakaan telah dimanfaatkan sepenuhnya terutama bagi menjalankan semakan bibliografi melalui pengkalan data berkomputer di beberapa buah perpustakaan. Antaranya ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Malaya Nilam Puri, Kelantan. Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Perpustakaan Pusat Islam, JAWI, Perpustakaan Islam Dār Nur Al-Zahra, Kelantan dan perpustakaan Majlis Agama Islam, Kelantan. Bahan-bahan ini seterusnya diklasifikasikan kepada bahagian-bahagian berikut iaitu buku, jurnal, kertas kerja, tesis, disertasi, risalah, majalah, akhbar dan lain-lain lagi. Pengkajian pepustakaan ini penting bagi mendapatkan kefahaman tentang subjek kajian di samping membuat semakan di antara satu bahan dengan bahan yang lain.

b) Kaedah Pemerhatian

Menerusi kaedah ini, penulis akan ke tempat-tempat yang berkaitan dengan kajian penulis iaitu seperti di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pendaftaran Negara(JPN) dan Rumah Kebajikan Kanak-Kanak (RKK). Melalui kaedah ini penulis akan mendapat gambaran dan jawapan yang lebih tepat dan realistik berbanding dengan data dan maklumat yang bersifat teori di peringkat kaedah perpustakaan dan temubual. Realiti ini memudahkan penulis untuk menganalisis data secara lebih tepat dan betul.

c) Kaedah Temubual

Penulis akan menemubual beberapa orang tokoh yang dapat membantu penulis untuk menyelesaikan kajian ini. Melalui kaedah ini penulis akan mengumpulkan data-data yang diperlukan terutamanya sebagai menambah dan menyempurnakan kajian perpustakaan. Antara tokoh yang ditemubual oleh penulis adalah:-

a) Pegawai Kebajikan Masyarakat

Wan Zabariah Bt Wan Harun, Penolong Pengarah Kanak-Kanak, JKM.

Temubual pada 17 September 2009

b) Pengetua Pusat Penjagaan Kanak-kanak Tengku Budriah Cheras

Safura Bt Shaari, Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan, RKK Tengku

Budriah, Cheras. Temubual pada 16 September 2009

c) Kaunselor

En Muzammi B Yahya, Kaunselor di Kolej Kemahiran Tinggi Mara Pasir Mas,

Kelantan. Temubual pada 18 November 2009

d) Pegawai Hal Ehwal Agama Islam

Ahmad Faizal B. Sudin Ali , Penolong Pengarah Hal Ehwal Agama Islam, JKM.

Temubual pada 7 Oktober 2009

e) Pegawai Psikologi

Lukman Z. Mohamad, Fakulti Sains Pembangunan, UKM. Temubual pada 16

Disember 2009.

Manakala Kaedah analisis data dimulakan dengan menilai data, mengadunkannya sehinggalah membuat pentafsiran dan analisis terhadap data tersebut. Dalam penyelidikan ini, dua metod utama digunakan ketika menganalisis analisis data iaitu metod induktif dan metode deduktif. Metod Induktif: iaitu suatu kaedah penganalisaan data menerusi proses penarikan kesimpulan dari hal-hal yang bersifat khusus kepada kenyataan yang bersifat umum<sup>25</sup>. Sebagai contoh, semua maklumat terkumpul akan dibahagikan mengikut bab-bab yang telah ditentukan Metod ini digunakan di dalam bab pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima.

Metod Deduktif.iaitu cara menganalisa dan melakukan penulisan yang berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari kebuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap hal-hal khusus<sup>26</sup>. Setelah menganalisis kelima-lima topik ini, maka metode deduktif pula akan diguna pakai iaitu dengan mengaplikasikan teori yang telah dirumus dan diputuskan di peringkat teori untuk diadaptasikan dalam kajian, termasuklah dalam konteks membuat perbandingan, menilai dan merumuskan ketepatan carian .

---

<sup>25</sup> *Ibid*, h.. 132. Lihat juga: Henry L. Manheim and Bredley A. Simon, (1977), *Sociological Research: Philosophy and Methods*, Illinois: The Dorsey Press, h.. 61.

<sup>26</sup> Abd. Halim Hj. Mat Diah, (Dr), (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraiian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, AIUM, h. 134

## BAB II

# PEMBUANGAN ANAK DAN KESANNYA DALAM MASYARAKAT DI MALAYSIA

### 2.1 PENDAHULUAN

Pada zaman *jahiliah* (kegelapan), orang arab telah menanam anak lelaki dan perempuan mereka hidup-hidup tanpa ada belas kasihan. Mereka membunuh anak-anak mereka kerana takut ditimpa keaiban, kemiskinan dan kelaparan.<sup>27</sup>

Firman Allah :

وَلَا تَقْتُلُوا أُولَادَكُمْ مِنْ بَيْنِ إِمْلَاقِ نَحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ

Sūrah Al-An'ām (6):151

Maksudnya:

“*dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan,(sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka.*”

Firman Allah:

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُمْ بِالْأُتْسَى ظَلَّ وَجْهُهُ، مُسَوَّدًا وَهُوَ كَظِيمٌ  
يَتَوَارَى مِنَ الْقَوْمِ مِنْ سُوءِ مَا بُشِّرَ بِهِ أَعْوَمِسِكُهُ، عَلَى هُونِ أَمْرٍ  
يَدْسُهُ فِي الْتُّرَابِ أَلَا سَاءَ مَا تَحْكُمُونَ

Sūrah An-Nahl (16):58-59

<sup>27</sup> Sheikh Shafiyu Al-Rahmān Al-Mubarakfūrī(2008), *Sīrah Nabawiyah* ,Kathūr Suhardī(terj.),c.27, Jakarta: Pustaka Kawthār, h. 33

Maksudnya:

58) “Dan apabila dikhabarkan kepada seeorang dari mereka bahawa ia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari(kerana menanggung dukacita), sedang ia menahan perasaan marahnya dalam hati. 59) Ia bersembuni dari orang ramai kerana(merasa malu disebabkan) berita buruk yang disampaikan kepadanya(tentang ia beroleh anak perempuan) sambil ia berfikir: adakah ia akan memelihara anak dalam keadaan hina atau ia akan menanamnya hidup-hidup dalam tanah? Ketahuilah! Sungguh jahat apa yang mereka hukumkan itu.”

Tetapi anak lelaki lebih berasas baik berbanding dengan anak perempuan. Memang adat jahiliah ini memberi penghinaan terhadap martabat kaum wanita dengan mencabut hak hidup bayi perempuan dengan cara menanam mereka hidup-hidup.

Firman Allah:

وَإِذَا الْمَوْرَدُهُ سُلِّطَ بِأَيِّ ذَنْبٍ قُتِلَتْ

Sūrah At-Takwīr (81): 8-9

Maksudnya:

8) ” Dan apabila anak perempuan yang ditanam hidup-hidup: ditanya,9) dengan dosa apakah ia dibunuh”

Setelah kedatangan Islam, maka Islam menetapkan bahawa bagi anak-anak dan ibubapa mempunyai hak masing-masing. Di samping itu Islam juga mengharamkan beberapa perkara untuk melindungi dan memelihara hak-hak tersebut. Anak mempunyai hak untuk hidup. Ibubapa tiada hak untuk mengambil nyawa anak-anak mereka samada dengan membunuh atau menanam hidup-hidup sebagaimana yang dilakukan oleh kebiasaan masyarakat jahiliyah.

Firman Allah:

إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَىٰ أَن لَا يُشْرِكُنَّ بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا

يَسْرِقُنَّ وَلَا يَزْنِينَ وَلَا يَقْتُلُنَّ أَوْلَادَهُنَّ

Sūrah Al-Mumtaḥanah (60):12

Maksudnya:

“...apabila orang-orang perempuan yang beriman datang kepadamu untuk memberi pengakuan taat setia, bahawa mereka tidak akan melakukan syirik kepada Allah dengan sesuatu pun dan mereka tidak akan mencuri, dan mereka tidak akan berzina dan mereka tidak akan membunuh anak-anaknya...”

Berbeza dengan keadaan hari ini, di mana masyarakat Malaysia sudah moden, pemikiran masyarakat pun sudah moden malahan masyarakat sudah semakin jauh dengan adat dan agama. Buktinya hari ini wujud gejala sosial , pergaulan bebas, berzina, merempit, membunuh, merogol, meragut, mencuri, isu vcd lucah, penyalahgunaan dadah, ‘*gengsterisme*’ , membuang bayi dan lain-lain. Hal ini menimpulkan kebimbangan masyarakat terutama pemimpin negara.<sup>28</sup>

Keadaan ini berlaku ekoran dari arus pemodenan dan globalisasi yang melanda di seluruh dunia. Ancaman daripada era globalisasi yang menyaksikan penyebaran fahaman sekularisme lama dalam bentuk baru yang cukup terancang, yang dibuat melalui bantuan media massa dan ICT.<sup>29</sup> Hari ini telah wujud pelbagai budaya yang bertentangan dengan budaya timur seperti budaya *heponisme, hip hop, punk, metal, thrash, blackmetal* dan sebagainya. Maka terjadilah gejala-gejala sosial yang boleh merosakkan masa depan negara

<sup>28</sup> Fatimah Binti Ali(2007),” Masalah Sosial Pelajar dan Hubungannya Dengan Kemerosotan Pembelajaran” *Jurnal Usuluddin*, Bil 25, 2007, h.145-154

<sup>29</sup> Rahimin Affandi Abd. Rahim.Paizah Ismail,Norhayati Mohd Dahlal(2008),”Reformasi Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia:Satu Analisis Terhadap Gagasan Konsep Feqh Semasa” *Jurnal Syariah*, J. 16, b. 2 (2008) h. 185-206

Vani Appalasami memberi contoh kronologi masalah sosial iaitu perbuatan ‘melepak’ yang menyebabkan wujud ‘bohsia’ dan di antara kesan menjadi bohsia ialah ada di kalangan mereka yang mengandung tanpa ikatan perkahwinan yang sah. Akibat daripada tidak ada ikatan perkahwinan yang sah, maka ada di antara mereka yang terlibat tidak bersedia untuk mempunyai anak ataupun pasangan mereka tidak mahu bertanggungjawab terhadap bayi yang dikandung. Justeru berlakulah pembuangan bayi di tempat pembuangan sampah, perhentian bas, masjid dan sebagaimana yang sering dipaparkan di dalam media massa.<sup>30</sup>

Islam melarang pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dan menyuruh mereka menjaga aurat masing-masing kecuali pada mereka yang ditentukan oleh Allah s.w.t. sebagaimana firman Allah dalam surah al-Nur (24) ayat 30-31.

Firman Allah:

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغْضُوا مِنْ أَبْصَرِهِمْ وَتَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى هُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ  
بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٢٤﴾ وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَتَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا  
يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَيَضْرِبَنَّ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبَدِّلْنَ  
زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ إِبَاءِهِنَّ أَوْ أَبَاءِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِهِنَّ أَوْ  
بُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخْوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَاءِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكُ  
أَيْمَانُهُنَّ أَوْ الْتَّبَاعِينَ غَيْرِ أُولَئِكَ الْأَرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الْطِفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهِرُوا عَلَى  
عَوْرَاتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبَنَّ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا تُحْفِيْنَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا  
آيَةُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٥﴾

Sūrah An-Nūr (24): 30-31

<sup>30</sup> Vani Appalasami(2001),”Masalah Sosial di Kalangan Remaja”(Latihan Ilmiah Jabatan Antrapologi Dan Sosiologi, Universiti Malaya)

Maksudnya:

30) “*Katakanlah(wahai Muhammad)kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka;sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuanNya tentang apa yang mereka kerjakan.* 31) *Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka(daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka;dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka, atau bapa mertua mereka, atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara –saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orng yang beriman, supaya kamu berjaya.”*

Dalam ayat ini, Allah s.w.t menjelaskan berbagai-bagai hukum berkaitan dengan hubungan antara lelaki dan wanita, dan bagaimana menjaga pandangan mata dan kehormatan diri di antara mereka. Menjaga aurat dan pandangan mata adalah suatu yang dituntut ke atas mereka kecuali pada mereka yang dibenarkan oleh Allah S.W.t. sebagaimana yang disebut oleh ayat berkenaan.<sup>31</sup>

---

<sup>31</sup> Paizah Haji Ismail(2003),”Status Wanita Dalam Islam: Antara Prinsip Syariah Dan Ijtihad Fuqaha”, *Jurnal Syariah*, j. 11, b. 2, 2003, h. 61-72

## 2.2 PEMBUANGAN ANAK

Pembuangan bayi berlaku disebabkan oleh pergaulan bebas dan seks bebas di kalangan remaja. Mengikut Puan Khadijah Minhat, Pegawai Kaunselor Hospital Pulau Pinang , daripada 285 remaja di mana 228 adalah di rujuk dan 57 orang secara sukarela mendapati 98% tidak hiraukan jangkitan HIV/STD akibat seks, 3 orang pernah buat pengguguran, 28 remaja lelaki dan 12 remaja perempuan melakukan seks kerana tekanan rakan sebaya, 6 orang remaja lelaki dan 12 remaja perempuan mula melakukan seks pada umur 12-14 tahun dan 16 orang remaja lelaki dan 23 remaja perempuan mengadakan seks pada umur 15-18 tahun<sup>32</sup>.

Antara sebab kehamilan anak luar nikah merujuk kepada Rumah *Rawdah Sakimah*<sup>33</sup> adalah disebabkan oleh:-

**Jadual 2.1: Menunjukkan Sebab Kehamilan Penghuni .<sup>34</sup>**

No	Sebab Kehamilan Luar Nikah	Peratus
1.	Perkosa	3.2
2.	<b>Terlanjur</b>	<b>12.9</b>
3.	<b>Luar kawalan</b>	<b>45.9</b>
4.	<b>Lari dari rumah, seks bebas</b>	<b>22.6</b>
5.	Ponteng sekolah	9.7
6.	Murtad/dadah	3.2
7.	Dilacur	3.2

Sumber dari Rumah *Rawdah Sakimah*

<sup>32</sup> Noor Aziah Mohd Awal(Pemikir Jan-Mac 2007), Anak Tak Sah Taraf, h. 57

<sup>33</sup> Adalah sebuah pusat pemulihan milik NGO

<sup>34</sup> Ibid h. 61

Jika dilihat dari jadual di atas, kehamilan remaja yang paling ketara ialah remaja yang berada di luar kawalan, terlanjur dan seks bebas. Fenomena inilah yang semakin menular berlaku dalam masyarakat Malaysia hari ini.

Setiap ibu yang melahirkan anak, pasti tidak tergamak untuk membuang anaknya tambahan lagi untuk membunuhnya. Sedangkan binatang pun menyayangi anaknya, inikan pula manusia yang diberi akal fikiran oleh Allah s. w. t.. Akan tetapi mungkin kerana tekanan yang mengkekang mereka lebih berat menyebabkan mereka yang terlibat sanggup untuk menentang naluri keibuan dan kesudahannya mereka nekad untuk membuang bayi mereka di tong sampah, longkang, masjid dan di mana-mana saja malahan ada yang sanggup membunuh sebelum membuangnya.

Dr. Lukman Z. Mohamad dari Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia ( UKM ) menegaskan, bahawa remaja hari ini mungkin menjadi mangsa penderaan seksual di mana mereka terperangkap dengan janji-janji manis teman lelaki atau terjebak dengan sindiket pelacuran. Setelah mengandung mereka ditinggalkan seorang diri. Justeru mereka takut dibuang oleh keluarga dan tidak diterima oleh masyarakat, menyebabkan mereka nekad untuk menggugurkan anak mereka secara haram samada dengan memakan pil panadol malaria, atau mencucuk dengan sesuatu objek atau pergi ke klinik persendirian, bomoh atau sin sei cina untuk menggugurkan kandungan. Ataupun sekiranya mereka melahirkan bayi tersebut, mereka tergamak untuk membunuh atau bayi tersebut ditinggalkan dalam semak, taman, pintu rumah anak yatim, rumah, hospital dan masjid.<sup>35</sup>

---

<sup>35</sup> Lukman Z. Mohamad(2006), *Children in prostitutions A Study of Young Women in The Rehabilitation centres in Malaysia*, tesis PHD, h. 133

Menurut beliau anak yang mati dan anak yang dijumpai akan menjadi bukti kes. Dengan kata lain anak yang berada di JKM adalah di bawah perintah Mahkamah.<sup>36</sup> Amat malang kerana bayi ini menjadi bahan kes Mahkamah. Tapi itulah hakikatnya yang terjadi kepada mereka. Ini dibuktikan dengan data tentang pembuangan bayi .Di dalam data tersebut 90% bayi yang baru dilahirkan adalah anak luar nikah. Data yang paling tinggi adalah dari tahun 1999-2001. Sila rujuk jadual 2. 2.<sup>37</sup>

**Jadual 2.2 : Kes menunjukkan pembuangan bayi mengikut tahun 1992-2002**

Tahun	Bilangan
1992	55
1993	41
1994	49
1995	Tiada
1996	55
1997	54
1998	19
<b>1999</b>	<b>70</b>
<b>2000</b>	<b>65</b>
<b>2001</b>	<b>97</b>
Jan 2002	47

Sumber dari Polis Di Raja Malaysia 2002

Data ini dengan jelas menunjukkan kes pembuangan bayi di Malaysia, paling ketara adalah pada tahun 1999-2001. Ini adalah data yang diperolehi dari sumber PDRM 2002.

Sementara itu, En. Muzammi B. Yahya, Kaunselor di Kolej Kemahiran Tinggi Mara ( KKTM ) Pasir Mas pula berpendapat bahawa remaja adalah mangsa keadaan, kita tidak boleh terlalu cepat menyalahkan mereka. Untuk mengetahui masalah kenapa

---

<sup>36</sup> Lukman Z. Mohamad, Fakulti Sains Pembangunan, UKM. Temubual pada 16 Disember 2009

<sup>37</sup> Lukman Z. Mohamad(2006), *op. cit*, h. 133

remaja menjadi demikian kita haruslah bergaul dengan remaja, melihat sendiri masalah mereka, mengkaji puncanya, kenapa remaja bertindak demikian?. Sebagai seorang kaunselor, terlalu banyak kes-kes begini yang dirujuk kepada beliau. Kadang-kadang remaja terjebak dengan masalah gejala sosial ini adalah disebabkan kerana tekanan dalam keluarga seperti perceraian ibubapa, terpaksa kerana ditipu oleh teman lelaki atau kebebasan yang terlampau dari ibubapa dan tidak kurang juga yang ingin berseronok. Dengan keadaan ini menyebabkan mereka terlibat dalam masalah sosial<sup>38</sup>.

## 2.3 FAKTOR PEMBUANGAN ANAK

Di sini, penulis hendak membincangkan tentang faktor-faktor yang menyebabkan kes pembuangan anak berlaku, faktor-faktor ini dapat dibahagikan kepada dua faktor utama iaitu faktor dalaman dan faktor luaran.<sup>39</sup>

### 2.3.1 FAKTOR DALAMAN

Faktor dalaman adalah merujuk kepada perbuatan individu yang terlibat dalam masalah pembuangan bayi meliputi sikap, perbuatan, tingkah laku individu tersebut ke arah berlakunya perbuatan itu. Berdasarkan pemerhatian dan pembacaan penulis, faktor-faktor tersebut dapatlah dirumuskan seperti berikut:-

#### 2.3.1.1 Kejahilan

Kejahilan remaja adalah merupakan faktor yang mendorong mereka terjebak di dalam hubungan bebas dan perbuatan zina. Tidak dinafikan remaja hari ini memang

<sup>38</sup> Muzammi Bin Yahya, Kaunselor di Kolej Kemahiran Tinggi Mara Pasir Mas, Kelantan. Temubual pada 18 November 2009

<sup>39</sup> Azahar Bin Yaakub@Ariffin(2000), "Murtad di kalangan saudara baru keturunan India: Satu kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur"( Disertas Master Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 102

cemerlang dalam pelajaran mereka, tetapi dari sudut kerohanian mereka amat kering kontang. Seolah-olah pendidikan agama yang diperolehi melalui subjek pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah masih belum mencukupi. Kesudahannya mereka tidak dapat mengasimilasikannya ke dalam diri mereka.

Tambahan pula apabila ibubapa hari ini kurang mengambil berat terhadap anak-anak. Mereka memberi kebebasan sepenuhnya kepada anak mereka. Mereka tidak mengambil tahu apa yang anak mereka buat, adakah anak mereka sudah sembahyang, dengan siapa mereka bergaul dan lain-lain lagi. Apabila anak mereka terjebak dengan hubungan luar nikah kemudian mengandung, barulah mereka tersentak dan mulalah menyalahkan orang lain biasanya guru yang sering disalahkan kononnya tak pandai mendidik anak-anak mereka <sup>40</sup>. Ibubapa tidak dapat menerima keadaan ini maka kesudahannya anak-anak itu akan dimarahi, diherdik, dibuang dari keluarga malah dihalau dari rumah. Jadi kemana anak-anak ini hendak pergi, teman lelaki pula tidak mengaku dan mengambil sikap lepas tangan, ibubapa pula sudah membuang mereka, tinggallah mereka sendirian, Jadi untuk menyelesaikan masalah menyebabkan mereka mengambil keputusan yang tidak matang seperti hendak menggugurkan kandungan itu atau apabila sudah dilahirkan mereka nekad membuang malahan membunuh anak yang dilahirkan itu.

Bekas Menteri Pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat YB Dato` Dr. Ng Yen Yen memberi komentar tentang masalah ini di mana beliau berkata kebanyakan masyarakat banyak memperkatakan tentang unsur pencegahan masalah ini sedangkan amat jarang memperkatakan tentang cara untuk menanganinya.<sup>41</sup> Begitu juga dengan kejahilan mereka tentang pendidikan seks yang betul menyebabkan mereka terjebak

<sup>40</sup> Ahmad Faizal B. Sudin Ali , Penolong Pengarah Hal Ehwal Agama Islam, JKM. Temubual pada 7 Oktober 2009

<sup>41</sup> Siti Fatimah Abdul Rahman (2008), “Masalah Buang Bayi Perlu Ditangani”, Utusan Malaysia: Julai 8 (<http://ikim.gov.my/v5> , 3 April 2011)

dalam masalah pembuangan anak ini. Islam sendiri menekankan kaedah ‘mencegah lebih baik dari mengubat’. Tetapi apabila sesuatu masalah itu berlaku, maka kita perlu menangani masalah tersebut. Pendidikan seks di peringkat sekolah rendah dan menengah kepada pelajar bukan bererti untuk menggalakkan mereka mereka melakukan seks di usia muda jauh sekali untuk menarik mereka kepada zina. Sebaliknya pendidikan seks adalah untuk memberi pendedahan kepada mereka tentang hakikat kejadian mereka di dunia, bagaimana proses pembentukan manusia dan mereka tahu menguruskan diri mereka dengan baik dari segi dalaman dan luaran. Sekurang-kurangnya pendidikan ini dapat mencegah mereka terlibat dengan perkara yang menyalahi agama.<sup>42</sup>

Agar dengan pendedahan ini juga, mereka tidak mudah terpesona dengan hawa nafsu dan ditipu oleh teman lelaki atau kawan-kawan. Dengan pengetahuan tentang agama dan tentang seks mereka akan faham dan akan menggunakan akal mereka dengan betul, mereka akan dapat menjaga diri mereka sendiri. Jadi, apapun yang mereka lakukan, mereka tidak akan membelakangkan agama. Sebaliknya jika sekiranya mereka tidak mengetahui tentang pendidikan seks ini, mereka akan hanya mencari keseronokan semata-mata, apabila sudah mengandung, mereka tidak teragak-agak untuk menggugurkankannya atau jika kandungannya tidak digugurkan, maka gadis tadi akan melahirkan anak dan besar kemungkinan anak tadi akan dibuang atau dibunuh atau diberikan kepada orang untuk dipelihara.<sup>43</sup>

Menurut Abdullah Nāṣīḥ ‘Ulwān dalam kitabnya *Tarbiyah Al-Awlād fī Al-Islām*<sup>44</sup>, pendidikan seks itu ialah mengajar anak dan memperkenalkan dengan terus terang sejak dari usia mula boleh berfikir serta faktor-faktor yang berkait rapat dengan seks

<sup>42</sup> *Ibid*

<sup>43</sup> *Ibid*

<sup>44</sup> Abdullah Nāṣīḥ ‘Ulwān ( 1996), *Tarbiyah Al Awlād Fī Al-Islām* j. 2., Beirūt, Lubnān: Dār Al-Fikr Al-Mu‘aşir.,h. 387

dan yang berhubungan dengan tabiat semulajadi manusia melalui perkahwinan. Kemudian apabila anak membesar serta mengerti segala urusan hidup, nescaya dia akan tahu apa yang dihalalkan dan apa yang diharamkan oleh agama. Nilai-nilai Islam akan mempengaruhinya dalam kelakuannya dan kebiasaannya. Dia tidak akan terdorong oleh perkara-perkara yang mengikut hawa nafsunya yang sesat dan tidak akan terpengaruh dari jalan yang menghalalkan segala cara. Beliau berpendapat bahawa pendidikan seks yang mesti diambil berat oleh para pendidik terdiri daripada empat peringkat iaitu:-

- i) Anak yang berumur antara 7 -10 tahun, peringkat ini dipanggil umur *tamyiz*<sup>45</sup>, diperangkat ini anak itu harus diberi petunjuk tentang adab-adab minta dan adab penglihatan.
- ii) Anak yang berumur antara 10-14 tahun, peringkat ini dipanggil umur *murāḥaqah*<sup>46</sup>, diperangkat ini anak itu harus dijauhkan dari segala rupa perkara yang menimbulkan nafsu seks.
- iii) Anak yang berumur antara 14-16 tahun, peringkat ini dipanggil umur *baligh*(cukup umur) , diperangkat ini anak itu harus diajar tentang adab-adab perhubungan seks andai sudah bersedia untuk berumahtangga.
- iv) Umur sesudah umur *baligh* iaitu dipanggil umur dewasa, diperangkat ini anak itu harus diajar adab-adab memelihara diri andai masih belum mahu berumahtangga.<sup>47</sup>

---

<sup>45</sup> Boleh membezakan yang bersih dan kotor

<sup>46</sup> Anak yang hampir cukup umur

<sup>47</sup> Abdullah Nāṣīḥ `Ulwān , *op. cit*, h.387

Oleh yang demikian itu, dengan kedua-dua kejahilan ini menyebabkan remaja mudah terjerumus ke dalam masalah sosial ini.

### 2.3.1.2 Keghairahan Mengikut Hawa Nafsu dan Ingin Tahu<sup>48</sup>

Manusia dilahirkan secara berpasang-pasangan lelaki dan perempuan. Memang tidak dapat dinafikan keinginan untuk hidup berpasangan adalah salah satu daripada naluri semulajadi manusia. Malah Islam sendiri menganjurkan umatnya supaya berkahwin sebagai satu jalan untuk memenuhi kehendak nafsu yang tidak terbatas. Di dalam perkara ini Allah s.w.t telah berfirman:

وَمِنْ ءَايَتِهِ أَنَّ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا

إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً

Sūrah Al-Rūm (30):21

Maksudnya:

*“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa ia menciptakan untukmu(wahai kaum lelaki) isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya”*

Ayat ini menunjukkan bahawa fitrah hidup manusia perlukan pasangan hidup, perlukan perkahwinan, perlukan keluarga untuk melayari bahtera kehidupan di dunia.

Sebagaimana firman Allah yang berbunyi:

<sup>48</sup> Hashim bin Haji Bedu, Khairulhelmi bin Katip, Mohd Fahmi bin Mohd Sahid, Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor (2008), ”Keruntuan Akhlak Dan Gejala Sosial Dalam Keluarga; Isu Dan Cabaran”(Kertas Kerja Seminar Kaunseling Keluarga, Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia), h.58

رُّزِّيْنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الْشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ  
مِنَ الْذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَمِ وَالْحَرَثِ ذَلِكَ مَتَّعٌ

الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَيَابِ

Ali ‘Imrān (3): 14

Maksudnya:

“ Dihiaskan(dan dijadikan indah) kepada manusia; kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak pinak; harta benda yang berpikul-pikul, dari emas dan perak, kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan(ingatlah)pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya(iaitu syurga). ”

Ayat ini pula menunjukkan bahawa manusia menyukai perempuan-perempoan, anak-anak, harta benda, binatang peliharaan dan kebun-kebun. Namun untuk memperolehinya adalah dengan cara yang digariskan oleh Islam. Justeru Allah melarang manusia dari melakukan kemungkaran.

Firman Allah:

وَلَا تَقْرِبُوا الْزِنَى إِنَّهُ رَكَانٌ فِي حَشَّةٍ وَسَآءَ سَبِيلًا

Sūrah Al-Isra` (17):32

Maksudnya:

“ Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat(yang membawa kerosakan)”

Dalam ayat ini dengan tegas Allah melarang manusia dari terjebak dengan perzinaan. Akibatnya jika manusia membelakangkan agama, maka mereka akan

mengikut hawa nafsu mereka sendiri, mereka akan tenggelam dalam lautan nafsu tanpa dapat membezakan mana yang halal dan mana yang haram. Selain itu mereka ingin berseronok hanya sekadar untuk ingin tahu. Akibatnya mereka terlanjur yang membawa kepada perlakuan sumbang dan seks bebas. Akhirnya lahirlah penyakit-penyakit sosial dalam masyarakat seperti kelahiran anak luar nikah, pembuangan bayi dan sebagainya.

### 2.3.1.3 Percintaan

Cinta adalah suatu yang suci, sesuatu yang indah, semua orang mempunyai cinta dan berhak untuk bercinta dan dicintai. Allah mengurniakan cinta supaya manusia dapat berkasih-sayang dan bersilaturrahim di antara satu sama lain.

Firman Allah:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًاٰ وَقَبَائِلٍ لِتَعَارَفُواٰ  
إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنَىكُمْ ۝ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ ۝

Sūrah Al-Hujurāt(49): 13

Maksudnya:

“ Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan(dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu disisi Allah ialah yang lebih taqwanya di antara kamu,(bukan yang lebih keterunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya( akan keadaan dan amalan kamu).”

Dalam ayat ini Allah menyuruh manusia berkenal-kenalan untuk menghubungkan silaturrahim dan berkasih sayang sesama manusia. Apabila melibatkan pertemuan lelaki dan perempuan maka lahirlah cinta. Namun cinta yang dikehendaki ialah cinta yang mengikut landasan agama.

Sayangnya cinta ini, seringkali ia telah disalahgunakan di mana hubungan cinta ini dilihat telah menjadi satu alat untuk membuktikan cinta sejati. Akhirnya remaja telah terjebak ke dalam kancang gejala hubungan seks bebas. Fenomena ini sering menjadi-jadi terutamanya di kalangan remaja kononnya untuk membuktikan cinta. Ada juga yang ditipu oleh teman lelaki yang kononnya baik dan bertanggungjawab. Apabila telah dirosakkan, mereka ditinggalkan atau paling malang mereka dijual ke rumah pelacuran.

Matlamat cinta remaja lelaki tidak sama dengan remaja perempuan kerana ia bersandarkan keinginan seksual dan mahu menyahut cabaran rakan sebaya tetapi tidak sanggup bertanggungjawab terhadap tindakan mereka. Sekiranya teman wanitanya hamil,maka mereka akan menuduh kehamilan disebabkan hubungan dengan lelaki lain, mlarikan diri malah sanggup membunuh untuk menghapuskan bukti.<sup>49</sup>

Gejala seks bebas dan pelacuran ini memberi kesan yang lebih buruk dengan kehamilan yang tidak dirancang yang menyebabkan berlakunya gangguan emosi, stress, kemurungan, membunuh diri, pembuangan bayi, kelahiran yang tidak selamat serta jangkitan penyakit kelamin seperti siflis dan AIDS.

---

<sup>49</sup> Harian Metro, Mac 19,2010”Cinta Bersandarkan Nafsu”.

## 2.3.2 FAKTOR LUARAN

Penulis mendapati di sana terdapat faktor luaran yang mempengaruhi remaja. Faktor-faktor luaran itu lebih bersifat pengaruh luaran yang mendominasi suasana dan situasi sesuatu keadaan. Faktor ini secara langsung atau tidak langsung menjadi punca kepada masalah sosial di negara kita. Penulis membahagikan faktor-faktor luaran tersebut kepada beberapa faktor iaitu:

### 2.3.2.1 Pengaruh Budaya Barat

Pengaruh budaya barat sudah bermula semenjak kejatuhan Tanah Melayu ke tangan British pada tahun 1824. Penjajahan itu telah menyebabkan berlakunya pertembungan budaya barat dengan budaya Melayu. Pertembungan elemen-elemen baru yang diperkenalkan oleh penajah dengan amalan-amalan tradisi orang Melayu, banyak mewujudkan konflik dan kontradiksi. Konflik dan kontradiksi ini, terutamanya atas paras nilai, berlarutan hingga ke hari ini walaupun negara kita telah bebas dari cengkaman penjajah. Ini kerana, pengaruh barat dan nilai-nilai dari barat terus melanda, malah menjadi kian dominan. Program-program pembangunan dan perindustriaan yang dilancarkan oleh negara-negara membangun termasuk Malaysia hari ini, masih mengambil model Barat. Begitu juga dengan perkembangan teknologi maklumat menjadikan dunia kini semakin kecil. Gelombang globalisasi yang berlaku menyebabkan segalanya menjadi mudah. Segala perkembangan yang berlaku terutamanya, di negara-negara maju di Barat, akan tersebar dengan begitu cepat di seluruh dunia. Pengaruh barat ini dapat dilihat yang mana semakin menular dalam kalangan masyarakat kita hari ini terutamanya golongan muda-mudi yang mudah terpengaruh dengan aliran muzik dan budaya barat seperti *thrash, heavy metal, black*

*metal, punk , skinhead.* Aliran-aliran ini jelas sama sekali bertentangan dengan ajaran agama Islam.<sup>50</sup> Bukan itu sahaja malah mereka lebih menyenangi cara berpakaian dan fesyen-fesyen terkini yang dibawa dari barat. Mereka menganggap apa yang dibawa oleh barat ini `trend` yang `up to date` dan sesuai dengan kehidupan mereka . Maka pada hari ini lahirlah remaja yang berpakaian tetapi sebenarnya tidak berpakaian, tuntutan agama yang menyuruh mereka untuk menutup aurat sudah tidak diendahkan lagi. Mereka lebih suka meniru kehidupan orang-orang barat.

Lanjutan daripada propaganda globalisasi ini juga telah diwartakan melalui saluran teknologi maklumat dunia bahawa semua produk barat adalah maju, moden, bermutu dan berperikemanusian. Hasilnya, di zaman pasca kemerdekaan (neo-kolonialisme) blok barat telah berjaya meneruskan penjajahan ke atas negara umat Islam dengan senjata yang baru, penguasaan ekonomi global. Hal ini telah ditegaskan oleh Hassan Langgulung dengan:

“Sistem barat ini di mana ada segala-galanya telah memandang negara-negara dan dunia lain tidak lebih dari pasar-pasar besar yang siap untuk membeli barangnya. Sistem ini telah mengubah dunia-dunia lain sekadar sebagai bangsa-bangsa pengguna yang akan menurut telunjuknya, sehingga bila negara-negara tadi menjadi merdeka dan dimerdekakan, sebenarnya dari praktiknya negara-negara tadi hanya memperolehi bendera dan lagu kebangsaan, sedangkan segi-segi kehidupan yang lain seperti ekonomi, kebudayaan, bahasa, pemikiran,keseniaan dan lain-lain masih tetap menurut cara barat.”<sup>51</sup>

---

<sup>50</sup>Hashim bin Haji Bedu, Khairulhelmi bin Katip, Mohd Fahmi bin Mohd Sahid, Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor(2008),”Keruntuhan Akhlak Dan Gejala Sosial Dalam Keluarga; Isu Dan Cabaran”(Kertas Kerja Seminar Kaunseling Keluarga, Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia) h.51-52

<sup>51</sup> Hassan Langgulung (1993), “Menghadapi Abad Kedua Puluh Satu”, (Syarahan Perdana Jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 29 Oktober 1987), h. 31.

Pada dasarnya terdapat dua perkara negatif yang boleh dilihat dalam konteks ini. Pertamanya, fahaman yang menganggap bentuk kebudayaan dan produk barat sebagai maju, baik dan berperikemanusiaan. Hal ini menyebabkan timbul kecenderungan yang menyatakan bahawa bukti kejayaan hidup seseorang itu boleh dilihat dari amalan dan perlakuannya yang menggilai segala bentuk barang produk barat, yang kerap dianggap sebagai budaya `Amerinisation` dan `Macdonaldisation`.<sup>52</sup> Keduanya adalah sikap yang terlalu mendewa-dewakan artis dan produk hiburan barat yang ditaja oleh kesemua media massa perdana, sebagai keperluan hidup zaman moden yang harus ditiru, tanpa memikirkan sama ada kedua-duanya boleh menyumbang kepada usaha pengisian minda dan budaya berfikir yang sihat.<sup>53</sup>

### 2.3.2.2 Pengaruh Rakan Sebaya

Remaja sangat suka berkawan. Kawan-kawan menjadi orang yang rapat dengan mereka. Kawan yang baik, boleh membimbing mereka kepada kebaikan, namun jika tersilap memilih kawan, akan mempengaruhi mereka kepada perkara-perkara yang buruk.<sup>54</sup> Ini kerana faktor rakan sebaya menyumbang kepada salah laku terutamanya kepada pelajar-pelajar yang tercicir dalam pelajaran dan mengalami masalah keluarga. Rakan juga mampu mencorak personaliti seseorang. Justeru itu ibubapa perlu mengetahui dengan siapa anak mereka berkawan.<sup>55</sup>

Selain itu sikap remaja turut menyumbang kepada gejala sosial, kadangkala mereka ini terlalu mudah mempercayai orang lain. Umpamanya, jika mereka merasakan rakan-rakan mereka lebih rapat dan lebih memahami, dengan mudah mereka akan

<sup>52</sup> Salasiah Abd. Wahab (2001), "Madonna, Pascamoden dan Kebudayaan Popular", dalam *Jurnal Yadim*, b.. 2, h. 15-20.

<sup>53</sup> Abdul Rahman Embong (2002), "Faktor Ideologi Politik dan Budaya Dalam Penutupan Minda Melayu Islam", (*Kertas Kerja Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*, 29-31 Januari 2002), h. 6-7.

<sup>54</sup> Hashim bin Haji Bedu, Khairulhelmi bin Katip, Mohd Fahmi bin Mohd Sahid, Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor(2008) *Op. Cit.* h. 58

<sup>55</sup> Azizi Yahaya (2000), "Masalah Sosial Di Kalangan Remaja"(Seminar Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia), 14-15 2000

mengikut apa yang dilakukan oleh rakan-rakan. Mereka lupa bahawa `kawan juga kadangkala boleh makan kawan`. Dalam keadaan ini ramai remaja terjerumus ke dalam gejala sosial.

Pengaruh rakan sebaya ini memberi impak yang besar kepada berlakunya masalah sosial di kalangan remaja. Remaja mempunyai banyak masa untuk bersama temannya berbanding dengan ibubapa dan guru. Ajakan dan pujukan rakan sebaya untuk melakukan gejala sosial menyebabkan remaja terjebak dalam salah laku tersebut. Ini kerana rakan sebaya adalah individu paling hampir dengan remaja selepas keluarga. Remaja lebih cenderung mencurahkan masalah mereka kepada rakan sebaya dan menjadikan mereka sebagai pakar rujuk untuk membuat sesuatu keputusan.<sup>56</sup> Justeru, remaja perlu mengetahui cara untuk mencari teman yang baik yang boleh memberi manfaat kepada mereka.

### 2.3.2.3 Pengaruh Media Massa<sup>57</sup> dan Teknologi Maklumat<sup>58</sup>

Media massa dikategorikan sebagai media cetak seperti akhbar dan majalah dan media elektronik seperti televisyen dan internet. Apa yang dipaparkan di media massa sangat memberi kesan dan pengaruh yang besar kepada perkembangan remaja. Oleh itu apa sahaja yang dipaparkan hendaklah bermanfaat kepada remaja. Namun, ada segelintir majalah-majalah, makalah-makalah, program-program televisyen, drama-drama , serta rancangan-rancangan yang bersifat hiburan semata-mata serta membawa kesan negatif kepada remaja seperti program realiti tv, adegan pergaulan bebas, ciuman, adegan lucah, merempit, minum arak dan lain-lain. Ini membawa kesan yang tidak baik kepada remaja.

<sup>56</sup> Wan Norasiah Wan Ismail(2003),”Akhlak Remaja di Felda Ulu Belitong”(Disertasi Master Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur) h. 133

<sup>57</sup> op. cit, h.58

<sup>58</sup> Azizi Yahaya(2000),*Ibid*, h. 58

Tambahan pula ditambah dengan perkembangan teknologi maklumat yang terkini seperti komputer, *laptop*, internet dan *handphone* yang mampu dimiliki oleh remaja. Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Bakri Mohd Zinin berkata masalah sosial di kalangan remaja mempunyai kaitan dengan teknologi maklumat yang lebih canggih di mana bahan-bahan lucu di internet semakin mudah disebar dan diakses oleh orang ramai termasuk golongan remaja<sup>59</sup>. Kemudahan ini adalah untuk kebaikan pengguna. Namun sekiranya kemudahan ini disalahgunakan, maka berlakulah perkara-perkara yang negatif di kalangan remaja sebagai contoh mereka menggunakan internet untuk melayari ‘website-website’ porno, mereka menggunakan ‘*handphone*’ untuk merakam adegan seks yang dilakukan dan lain-lain. Hal inilah yang membawa kepada gejala sosial di kalangan remaja.

#### 2.3.2.4 Sikap Keluarga

Institusi keluarga penting untuk membantu mengelakkan remaja dari terjebak dengan gejala sosial. Dalam hal ini peranan ibubapa sangat penting, terutamanya sebagai *role model* (idola) kepada anak-anak. Kesibukan ibubapa bukan penghalang ibubapa untuk mengambil berat hal anak-anak mereka. Paling penting ibubapa tahu memainkan peranan dan mengamalkan masa yang berkualiti bersama anak-anak.<sup>60</sup> Suasana kekeluargaan yang baik mampu melahirkan anak-anak yang baik. Keruntuhan rumah tangga menyebabkan keruntuhan sebuah institusi keluarga. Berlakunya perceraian, perpisahan dan pergaduhan keluarga membawa kesan negatif kepada remaja. Keadaan ini menyebabkan mereka terjebak dalam gejala sosial.<sup>61</sup> Ibubapa diberi

<sup>59</sup> Utusan Malaysia, Ogos 16, 2010”Kes Buang Bayi Meningkat”

<sup>60</sup> Hashim bin Haji Bedu, Khairulhelmi bin Katip, Mohd Fahmi bin Mohd Sahid, Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor(2008),”Keruntuhan Akhlak Dan Gejala Sosial Dalam Keluarga; Isu Dan Cabaran”(Kertas Kerja Seminar Kaunseling Keluarga, Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia)h. 59

<sup>61</sup> Azizi Yahaya(2000), op. cit

tanggungjawab untuk menjaga apa yang berada di bawah jagaannya. Sebagaimana firman Allah dalam surah At-Tahrīm ayat 6.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا قُوَّا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا  
مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمِرُونَ

Sūrah At-Tahrīm (66):6

Maksudnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu(berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar(layanannya; mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”*

Ibubapa seharusnya mempunyai masa untuk berkomunikasi dan mengambil tahu tentang perihal anak-anak mereka. Ini kerana jika kurang berkomunikasi menyebabkan komunikasi antara ibubapa dan anak-akan akan menjadi lebih formal dan `rigid` . Di tambah pula dengan wujudnya budaya ‘nursery’, kebanyakan ibubapa Melayu telah menyerahkan tugas membesar dan mendidik anak-anak kepada pusat asuhan ini, serta membataskan tugas mereka hanya kepada usaha mencari rezeki semata-mata.<sup>62</sup> Hal ini kemudiannya telah menyumbangkan kepada renggangnya hubungan kasih sayang di antara ibubapa dengan anak-anak, yang telah menyumbangkan kepada wujudnya fenomena penggantungan anak-anak secara keterlaluan kepada rakan sebaya. Faktor ini menurut beberapa kajian emperikal telah menjerumuskan anak-anak remaja Melayu ke lembah gejala maksiat dan jenayah remaja yang cukup meruncing sekali.<sup>63</sup> Ibubapa hendaklah memberi kasih sayang dan

<sup>62</sup> Yaacob Harun (1992), *Keluarga Melayu Bandar: Suatu Analisis Perubahan*, Kuala Lumpur, h. 1-15.

<sup>63</sup> Muhd Mansur Abdullah (2000), “Renggangnya Hubungan Keluarga Punca Masalah Sosial Remaja”, dalam Mohd. Razali Agus (ed.), *Pembangunan dan Dinamika Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, h. 142-151.

menjadikan anak mereka sahabat untuk menyelami pandangan dan masalah anak-anak mereka. Ibubapa tidak boleh melepaskan tangan dari tanggungjawab menjaga dan mendidik anak-anak hanya kerana sibuk bekerja dan mempunyai masa yang terhad dengan anak-anak.<sup>64</sup>

Ibubapa hendaklah mendidik dan membiasakan anak-anak mereka dengan kehidupan berlandaskan agama sehingga mereka menjadi remaja yang suka berdamping dengan penciptanya.<sup>65</sup> Ibubapa tidak boleh membiarkan anak-anak bersendirian menentukan jalan hidup mereka sendiri. Anak-anak perlukan bimbingan dari ibubapa. Ibubapa harus sentiasa berdoa agar anak-anak mereka terhindar dari perkara-perkara yang tidak diingini. Mereka harus sedar bahawa doa ibubapa sangat penting untuk kesejahteraan hidup anak-anak.<sup>66</sup>

Nabi bersabda<sup>67</sup>:

حدثنا حاجب بن الوليد حدثنا محمد بن حرب عن الزبيدي عن الزهري أخبرني سعيد بن المسيب عن أبي هريرة أنه كان يقول قال رسول الله صلى الله عليه و سلم ما من مولود إلا يولد على الفطرة فأبواه يهودانه وينصرانه ويعجسانه (رواه مسلم)

Maksudnya:

*“Setiap anak dilahirkan dalam keadaan asal yang bersih, maka kedua-dua ibubapanya yang akan menentukan samada anak itu akan menjadi Yahudi, Nasrani dan Majusi.”*

<sup>64</sup> Wan Norasiah Wan Ismail(2003),”Akhhlak Remaja di Felda Ulu Belitong”(Disertasi Master Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur) h. 97

<sup>65</sup> Fatimah Bt Ali(2007),”Masalah Sosial Pelajar dan hubungannya Dengan Kemerosotan Pembelajaran”*Jurnal Usuluddin* , b.25 , h.145-154

<sup>66</sup> Hashim bin Haji Bedu, Khairulhelmi bin Katip, Mohd Fahmi bin Mohd Sahid, Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor (2008),”Keruntuhan Akhlak Dan Gejala Sosial Dalam Keluarga; Isu Dan Cabaran”(Kertas Kerja Seminar Kaunseling Keluarga, Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia), h. 59

<sup>67</sup>Muslim bin Al-Ḥajāj Abū Ḥusain Al-Qushairī Al-Nisābūrī (1972),*Saḥīḥ Muslim* no hadis 2658, j. 4, Beirūt, Lubnān: Dār Ihyā’ Al-Turāth Al-‘Arabi, h. 2047

Begitu juga sekiranya berdepan dengan remaja yang bermasalah, ibubapa perlu peka kepada keadaan situasi yang berlaku, jangan terlalu semberono menyalahkan anak-anak dan menghukum mereka. Sebaliknya perlulah lebih prihatin dan berbincang untuk menyelesaikan masalah. Sebagai contoh, sekiranya anak perempuan mereka mengandung anak di luar nikah. Mereka perlu mencari jalan penyelesaian dengan baik bukan dengan menghalau ,tidak mengaku anak , menggugurkan kandungan atau dengan membuang bayi tersebut. Perbuatan itu tidak akan menyelesaikan masalah sebaliknya lebih memberi masalah. Oleh itu mereka perlu waras dan peka ketika berhadapan dengan masalah seperti ini.

Firman Allah:

وَلَتَكُنْ مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَنَهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Sūrah Ali ‘Imrān( 3):104

Maksudnya:

“ Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru( berda`wah) kepada kebijakan(mengembangkan Islam) dan yang menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah( buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

Dalam ayat ini Allah menegaskan bahawa antara sifat orang yang berjaya ialah menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

## **2.4 STATISTIK *AL-LAQĪT* DI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)**

JKM merupakan satu agensi yang dipertanggungjawabkan untuk melindungi kanak-kanak yang teraninya dan menjadi mangsa penderaan termasuk *Al-laqīt*. Kanak-kanak yang mendapat perlindungan JKM akan ditempatkan di Rumah Kebajikan Kanak-Kanak (RKK). RKK menjadi tempat asuhan dan tempat tinggal mereka. Anak yang ditemui akan diiklankan dalam akhbar-akhbar terlebih dahulu untuk mencari warisnya. Setelah tiada tuntutan dibuat, barulah pihak JKM akan mengambil perintah Mahkamah untuk menjaga anak ini. Jadi anak yang berada di RKK adalah di bawah perintah mahkamah, Anak ini tidak mempunyai status kewarganegaraan. Jadi status mereka adalah sebagai anak belum ditentukan.( lihat lampiran contoh surat kelahiran)

Menurut Puan Wan Zabariah, Penolong Pengarah Kanak-Kanak JKM, bagi yang berstatus belum ditentukan, mereka akan mempunyai *ic* berwarna hijau<sup>68</sup>. Kewarganegaraan mereka boleh ditentu mungkin mengambil masa 2 atau 3 tahun atau lebih lagi<sup>69</sup>. Bagi kes yang mana ibu mereka boleh dikesan, anak itu akan mengikut kewarganegaraan dan agama ibu mereka<sup>70</sup>.

Rumah Kebajikan Kanak-Kanak Tengku Budriah adalah di antara 9 buah RKK di bawah Pentadbiran Jabatan Kebajikan Masyarakat . Rumah Kanak-Kanak ini beroperasi pada 15 Jun 1964 dan mengambil nama sempena Seri Paduka Baginda D.Y.M.M Raja Permaisuri Agong yang ke-3, Tengku Budriah Binti Al-Marhum Tengku Ismail.

---

<sup>68</sup> Wan Zabariah Bt Wan Harun, Penolong Pengarah Kanak-Kanak, JKM. Temubual pada 17 September 2009

<sup>69</sup> Safura Bt Shaari, Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan, RKK Tengku Budriah, Cheras. Temubual pada 16 September 2009

<sup>70</sup> Wan Zabariah Bt Wan Harun, *op. cit*

RKK Tengku Budriah memberi perkhidmatan jagaan dan perlindungan, bimbingan dan kaunseling, pendidikan , didikan Agama dan akhlak, aktiviti di dalam dan di luar, riadah dan rawatan dan perubatan kesihatan. Manakala jenis kanak-kanak yang berada di sini termasuklah kanak-kanak yang terbiar dan ditinggalkan oleh ibu/bapa, kanak-kanak di mana ibu/bapa berada dalam penjara/tahanan, kanak-kanak yang terseksa atau teraniaya seperti penderaan fizikal, mental, seksual atau emosi dan kanak-kanak yang memerlukan penjagaan akibat kemiskinan, pengabaian dan tiada penjagaan.<sup>71</sup>

Untuk menjaga kebajikan anak ini juga JKM memberikan perkhidmatan anak pelihara. Jadi kepada keluarga yang tidak mempunyai anak boleh mengambil mereka sebagai anak pelihara atau anak angkat. Hanya anak pelihara diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) manakala urusan anak angkat pula diuruskan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Ibu/bapa diberi tempoh selama dua tahun untuk bersama anak pelihara. Selepas 2 tahun, jika mereka mahu teruskan, mereka boleh jadikan anak pelihara itu sebagai anak angkat<sup>72</sup>.

Anak Pelihara adalah merujuk kepada seseorang kanak-kanak yang diberi pemeliharaan, jagaan dan kawalan kepada ibu atau bapa peliharaan di bawah perenggan 30 (1)(e) AKK 2001 . Ia dibuat bertujuan untuk:-

- i. Memberi peluang kepada pasangan suami isteri yang tidak mempunyai anak merasai suasana kehidupan berkeluarga mengikut saluran yang betul dan dapat menumpang dan mencurah kasih sayang kepada anak pelihara.

---

<sup>71</sup> [http://www.jkmwpkl.gov.my/?page\\_id=92](http://www.jkmwpkl.gov.my/?page_id=92), 28 Disember 2010

<sup>72</sup> Wan Zabariah Bt Wan Harun, *Op.cit*

- ii. Memberi peluang kepada kanak-kanak menikmati kehidupan berkeluarga dan mendapat belaian kasih sayang serta rangsangan untuk tumbesaran dari aspek fizikal, mental, sosial, emosi dan psikologi.
- iii. Memberi pendidikan holistik yang lebih baik dan sempurna.<sup>73</sup>

RKK di bawah JKM terbahagi kepada dua bahagian<sup>74</sup> iaitu:-

- i) Rumah Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah iaitu:-
  - a) RKK Sultan Abdul Aziz Kuala Kangsar, Perak
  - b) RKK Taman Bakti, Kepala Batas, Pulau Pinang
  - c) RKK Tengku Budriah, Cheras, Kuala Lumpur<sup>75</sup>
  - d) RKK Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan, Pahang
  - e) RKK Kuching dan RKK Kota Kinabalu(18 tahun ke bawah)
- ii) Rumah Kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas iaitu:-
  - a) RKK Arau – Perempuan
  - b) PPKK<sup>76</sup> Serendah Selangor - Lelaki
  - c) RBL<sup>77</sup> Durian Daun, Melaka - Lelaki
  - d) RKK Rembau – Perempuan

Penulis hanya merujuk kepada *Al-Laqaṭ* yang berada di bawah JKM sahaja sebagai contoh utama dan tidak kepada *Al-Laqaṭ* yang berada di rumah kebajikan

---

<sup>73</sup>Jabatan Kebajikan Masyarakat,  
[http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?option=com\\_content&view=article&id=5&Itemid=893&lang=ms](http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?option=com_content&view=article&id=5&Itemid=893&lang=ms) , 28 Disember 2010

<sup>74</sup>*Ibid*

<sup>75</sup> Kanak-kanak yang diletakkan di sini adalah dari 5 negeri iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan(Safura Bt Shaari, Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan, RKK Tengku Budriah, Cheras. Temubual pada 16 September 2009)

<sup>76</sup> Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan

<sup>77</sup> Rumah Budak Lelaki

persendirian (swasta). Berikut ialah statistik berkaitan *Al-Laqaṭ* yang berada di RKK. Di sini penulis akan nyatakan beberapa data tentang *Al-Laqaṭ* secara umum khususnya yang berada di bawah perlindungan JKM.

Terdapat beberapa statistik yang akan ditunjukkan di sini iaitu:-

- a) Statistik bagi tahun 2002-2007 berkenaan kes penderaan kanak-kanak di mana *Al-Laqaṭ* atau anak terdampar termasuk dalam kategori kes penderaan.

**Jadual 2.3: Kes Penderaan Kanak-Kanak Mengikut Jantina Dan Jenis Penderaan**

**2002-2006**

Jenis Penderaan	2002			2003			2004			2005			2006		
	L	P	J	L	P	J	L	P	J	L	P	J	L	P	J
Buang Bayi	53	68	121	50	48	98	16	10	26	22	48	68	20	33	53
Diabaikan	189	168	357	184	205	389	296	267	563	306	285	601	355	327	682
Fizikal	182	172	354	200	210	410	214	231	445	219	212	431	224	271	495
Seksual	22	302	324	28	402	430	41	488	529	42	524	566	20	650	670
Emosi/Psikoloji	15	17	32	5	27	32	26	37	63	34	43	77	13	37	50
Sumbang Mahram	0	0	0	0	0	0	3	27	30	7	50	57	1	48	49
Lain-Lain	31	23	54	13	18	31	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	492	750	1242	480	910	1390	596	1060	1656	630	1170	1800	633	1366	1999

Sumber dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Dari **jadual 2.3** di atas menunjukkan kes pembuangan bayi dari tahun 2002 hingga 2006 yang berjumlah 366 orang termasuk lelaki dan perempuan yang ditempatkan di JKM.

**Jadual 2.4: Kes Penderaan Kanak-Kanak Mengikut Jantina Dan Jenis Penderaan 2007**

Jenis Penderaan	2007		
	L	P	J
Buang Bayi	<b>30</b>	<b>33</b>	<b>63</b>
Diabaikan	392	369	761
Fizikal	298	288	586
Seksual	50	704	754
Emosi/Psikoloji	7	38	45
Sumbang Mahram	2	19	21
Lain-Lain	27	22	49
Jumlah	806	1473	2279

Sumber dari JKM

Manakala dalam **jadual 2.4** pula menunjukkan kes pembuangan bayi bagi tahun 2007 iaitu seramai 63 orang termasuk lelaki dan perempuan. Jadi bayi yang dibuang dan ditempatkan di JKM dari tahun 2002 hingga 2007 ialah seramai 429 orang termasuk lelaki dan perempuan.

b) Statistik bagi tahun 2007-2008 mengikut RKK umur 12 tahun ke atas

**Jadual 2.5: Jumlah Mengikut Rumah Kebajikan Kanak-Kanak (RKK)**

RKK	2007-2008	2008-2009	Jumlah
Arau	3	4	7
Serendah(Sel),D. Daun( Melaka)	0	0	0
Rembau	6	7	13
Kuching(<18)	3	6	9
Kota Kinabalu(<18)	3	8	11

Sumber dari JKM

Dalam **jadual 2.5** ini pula menunjukkan jumlah *Al-Laqaṭ* yang berada di rumah kebajikan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke atas mengikut rumah kebajikan kanak-kanak (RKK) bagi tahun 2007-2009.,

c) Statistik bagi tahun 2007-2008      mengikut RKK umur 12 tahun ke bawah.

**Jadual 2.6: Jumlah Mengikut Rumah Kebajikan Kanak-Kanak(RKK)**

RKK	2007-2008	2008-2009	Jumlah
Tengku Budriah(KL)	47	46	93
Sultan Abdul Aziz(KK)	8	10	18
Taman Bakti(PP)	6	9	15
Tengku Ampuan Fatimah(P)	13	15	28

Sumber dari JKM

Dalam **jadual 2.6** ini pula menunjukkan jumlah *Al-Laqaṭ* yang berumur 12 tahun ke bawah yang terdapat di RKK dari tahun 2007 hingga 2009. Dari jadual ini didapati bahawa jumlah yang tertinggi ditempatkan di RKK Tengku Budriah Cheras, Kuala Lumpur.

d) Statistik bagi kanak-kanak di RKK Tengku Budriah Cheras

**Jadual 2.7: Statistik *Al-Laqaṭ* dan Anak Pelihara**

RKK Tengku Budriah(KL)	<i>Al-Laqaṭ</i>	Anak Pelihara
2007-2008	47	32
2008-2009	46	6

Sumber dari RKK Tengku Budriah, Cheras, KL

Data di **jadual 2.7** menunjukkan bahawa jumlah *Al-Laqaṭ* di RKK Tengku Budriah yang telah diambil untuk dijadikan anak pelihara pada tahun 2007 iaitu seramai 32 orang manakala pada tahun 2008 pula iaitu seramai 6 orang.

e) Statistik anak pelihara<sup>78</sup> di bawah JKM

**Jadual 2.8: Statistik Anak peliharaan mengikut negeri sehingga 17 September 2009**

Negeri	Lelaki	Perempuan
Selangor	24	12
KL	7	8
Melaka	4	2
Johor	9	9
P.Pinang	3	4
Perak	7	5
Pahang	3	7
N.Sembilan	3	1
Kelantan	2	1
Perlis	0	0
Kedah	6	6
Terengganu	2	0
Jumlah	70	55

Sumber dari JKM

Dalam **jadual 2.8** ini pula menunjukkan anak yang telah dijadikan anak peliharaan mengikut negeri sehingga 17 September 2009. Secara keseluruhannya berjumlah 125 orang. Bilangan yang paling banyak ialah bagi negeri selangor iaitu seramai 36 orang. Ibubapa yang ingin memelihara bayi lebih menyukai bayi yang berumur 2 tahun ke bawah berbanding 2 tahun ke atas. Ini disebabkan oleh pengendalian di mana bayi 2 tahun ke bawah mudah untuk dikendalikan.<sup>79</sup>

Data-data ini hanya yang berada di bawah JKM sahaja tidak termasuk yang berada di Rumah Kebajikan Swasta. Bilangan yang ada ini menunjukkan kedudukan *Al-Laqa* yang telah dijadikan anak peliharaan.

<sup>78</sup> Program JKM bagi anak yang berumur 2 tahun ke bawah(Wan Zabariah Bt Wan Harun, Penolong Pengarah Kanak-Kanak, JKM. Temubual pada 17 September 2009)

<sup>79</sup> Wan Zabariah Bt Wan Harun, Penolong Pengarah Kanak-Kanak, JKM. Temubual pada 17 September 2009

## **2.5 KESAN PEMBUANGAN ANAK**

Masalah sosial terutamanya gejala membuang anak adalah bukti yang paling nyata bahawa masyarakat kita sedang dilanda oleh masalah keruntuhan moral yang serius. Kebejatan sosial yang sedang berlaku itu menandakan bahawa masyarakat kita sedang sakit<sup>80</sup>. Dengan pembuangan ini menyebabkan kehadiran *Al-Laqīt* di Malaysia.. Terdapat beberapa kesan yang terhasil daripada masalah pembuangan bayi iaitu:-.

### **2.5.1 Ke atas Individu**

Akhhlak merupakan cermin dan peribadi seseorang individu terutama individu muslim. Oleh itu akhlak sangat penting dalam kehidupan sehari-hari seseorang. Individu yang mempunyai akhlak yang baik akan dipandang mulia dan tinggi, manakala individu yang mempunyai akhlak yang buruk akan dipandang serong dan dicemuh oleh masyarakat . Akhlak yang baik seharusnya dihiasi dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Namun begitu kebanyakan remaja pada hari ini, terutamanya remaja muslim, mempunyai akhlak yang begitu memalukan agama, bangsa dan negara. Banyak kejadian seperti pembuangan anak, zina, perjudian, budaya homoseksual, penagihan dadah dan sebagainya dilakukan oleh remaja muslim pada hari ini yang kebanyakan mereka berpaksikan dan bertunjangkan nafsu dan amalan yang dipengaruhi oleh budaya-budaya Barat dan asasnya mungkin berpunca daripada kurangnya pegangan agama pada diri mereka.<sup>81</sup>

Pembuangan anak contohnya akan menyebabkan individu terlibat merasa bersalah kepada diri sendiri, tambahan pula sekiranya anak yang dibuang itu meninggal,

<sup>80</sup>Hashim bin Haji Bedu, Khairulhelmi bin Katip, Mohd Fahmi bin Mohd Sahid, Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor(2008),”Keruntuhan Akhlak Dan Gejala Sosial Dalam Keluarga; Isu Dan Cabaran”( Kertas Kerja Seminar Kaunseling Keluarga, Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia) h. 57

<sup>81</sup> *Ibid* h. 60

maka individu tadi akan menjadi pembunuh. Begitu juga sekiranya pihak berkuasa dapat mengesan siapa yang bersalah melakukan pembuangan anak. Maka banyaklah masalah yang akan menimpa nanti. Sudah tentulah masalah ini akan memberikan kesan yang mendalam pada diri individu tersebut.

### **2.5.2 Ke atas Keluarga**

Keluarga memainkan peranan yang penting kerana dari institusi kekeluargaanlah kebahagian dan keharmonian sesuatu masyarakat itu bermula. Keruntuhan institusi kekeluargaan akan menyebabkan hilangnya kebahagian dan keharmonian dalam sesuatu masyarakat. Akhlak yang baik dan mulia datangnya daripada sesebuah institusi kekeluargaan yang harmoni dan bahagia. Benarlah kata-kata hikmah yang menyatakan bahawa rumah itu adalah akar segala-galanya. Oleh sebab itu, pembuangan anak akan menyebabkan dan memberikan kesan yang besar ke atas kebahagian dan keharmonian sesuatu institusi kekeluargaan itu<sup>82</sup>. Antara kesan yang akan berlaku terhadap institusi kekeluargaan ialah:

- a) Keruntuhan institusi kekeluargaan akan berlaku. Ibubapa mungkin tidak dapat menerima perbuatan anaknya dan kehadiran cucu luar nikah.
- b) Saling tuduh menuduh di antara suami dan isteri yang akhirnya membawa perceraian.
- c) Tindakan menghalau anak-anak mungkin berlaku dan anak-anak akan hilang tempat mengadu.

---

<sup>82</sup> *Ibid*

### **2.5.3 Ke atas Masyarakat**

Masalah sosial akan memberikan kesan yang sangat besar dalam masyarakat. Jatuh bangunnya sesuatu negara, agama dan bangsa dapat dilihat dari keadaan sosial masyarakat itu sendiri. Tidak dinafikan keadaan masalah sosial pada hari ini sangat membimbangkan. Budaya kuning dari Barat berleluasa tanpa ada sekatan. Sekiranya hal ini tidak dibendung oleh pihak-pihak yang tertentu maka tidak hairanlah pada masa akan datang masyarakat kita akan hancur dan gejala sosial akan tidak dapat dibendung. Oleh itu pihak-pihak atau anasir luar akan cuba mengambil kesempatan atas kelemahan bangsa kita sendiri. Namun begitu kesan yang paling ketara yang akan dapat dilihat sekiranya masalah sosial pada hari ini tidak dikawal ialah:

- a) Masyarakat di negara ini akan menjadi lemah, porak-peranda, berpecah-belah dan tidak bersatu-padu .
- b) Perasaan buruk dan prasangka pasti akan wujud dalam masyarakat. Sifat saling curiga-mencurigai akan bertakhta di hati masyarakat.
- c) Kadar jenayah dalam kalangan masyarakat juga akan meningkat yang mana hal ini disebabkan oleh kadar keruntuhan akhlak di kalangan remaja semakin meningkat.<sup>83</sup>
- d) Wujudnya *Al-Laqa* yang tidak diketahui nasab keturunannya.

### **2.5.4 Ke atas Negara**

Semua pihak terutamanya kerajaan, badan NGO, dan masyarakat itu sendiri harus berganding bahu untuk menangani gejala sosial ini. Antara kesan yang akan berlaku sekiranya tidak diambil tindakan yang sewajarnya ialah:

---

<sup>83</sup> *Ibid* h.60

- a) Negara akan kehilangan generasi dan kepimpinan pada masa hadapan.
- b) Kerancakan pembangunan negara akan terbantut dan keadaan ekonomi negara juga sukar untuk berkembang kerana wujudnya gejala sosial dan keruntuhan akhlak yang tinggi di kalangan masyarakat.
- c) Kadar jenayah dalam negara juga akan meningkat sejajar dengan peningkatan gejala sosial dan keruntuhan akhlak.
- d) Kiranya akhlak remaja pada hari ini terutamanya akhlak remaja Islam hancur dan rosak, maka pandangan bangsa lain terhadap agama yang kita anuti pada hari ini tentulah serong dan buruk.<sup>84</sup>
- e) Wujudnya *Al-Laqaṭ* akan menjaskan imej negara kerana kewujudannya adalah dari masalah pembuangan anak.

## 2.6 KESIMPULAN

Dalam bab ini menghuraikan tentang faktor-faktor pembuangan anak yang berlaku dan secara tidak langsung telah membawa kepada masalah yang baru iaitu *Al-Laqaṭ*, penulis membuat kesimpulan bahawa salah satu punca utama kehadiran *Al-Laqaṭ* di Malaysia adalah disebabkan oleh pembuangan bayi. Keadaan ini akan membawa kepada ramainya anak-anak yang tidak diketahui ibubapa, keturunan, status warganegara dan agama mereka. Ini dapat dilihat melalui statistik yang di ambil di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Jumlah ini akan bertambah dengan wujudnya pembuangan bayi dan bayi yang tidak dituntut di Rumah Kebajikan Kanak-kanak (RKK).

Malahan jika tidak ditangani dengan bijaksana serta perancangan yang teliti keadaan ini pastinya akan mengancam ketenteraman negara kerana boleh membawa ke

---

<sup>84</sup> *Ibid* h. 61

arah kehancuran agama dan bangsa.. Kecemerlangan yang dilaungkan dan digembargemburkan ketika ini tidak memberi apa-apa makna sekiranya gejala sosial masih berleluasa dan tidak seiring dengan agenda untuk mencemerlangkan negara bangsa

Bagaimana hendak mewujudkan negara bangsa yang cemerlang sekiranya generasi muda hari ini rosak akhlaknya. Inilah antara yang menjadi isu dan cabaran besar pemimpin dan semua pihak untuk menentukan negara dan rakyat benar-benar menepati kecemerlangan 54 tahun kemerdekaan. Mereka perlu cakna kepada masalah semasa ini dan perlu mencari formula untuk mengatasinya.

# **BAB III**

## **ANAK BUANGAN (*AL-LAQĪT*) MENURUT HUKUM SHARA'**

### **3.1 DEFINISI ANAK BUANGAN (*AL-LAQĪT*)**

Sebelum kajian ini dihurai dan dipaparkan dengan lebih lanjut, terlebih dahulu dijelaskan definisi *Al-Laqaṭ* iaitu persoalan utama yang menjadi dasar kepada penyelidikan ini.

Dalam *Lisān Al-‘Arab* memberi makna sebagai kanak-kanak yang didapati terbuang di jalanan tanpa diketahui ibubapanya<sup>85</sup>, Begitu juga dalam *Al-Munjid* mendefinisikan sebagai anak yang dibuang<sup>86</sup>.

Manakala dalam istilah shara' pula, terdapat beberapa definisi yang dijelaskan oleh ulama-ulama feqah mengenai pengertian *Al-Laqaṭ* iaitu:

Ulama *Hanafiyah* menta'rifkan *Al-Laqaṭ* dalam kitab *Al-Mabsūt* karangan Imam Al-Sarakhsī sebagai nama kepada kanak-kanak yang hidup serta ditinggalkan oleh ahli keluarganya kerana takut dihina ataupun untuk mengelakkan pandangan serong masyarakat terhadapnya perbuatan zina yang dilakukan.<sup>87</sup> Manakala dalam kitab *Al-Banāyah Fī Sharḥ Al-Hidāyah* karangan Abī Maḥmūd bin Aḥmad Al-‘Aini pula

<sup>85</sup> ‘Alāmah Ibnu Manzūr(1993), *Lisān Al-Arab*, j. 12. Beirût: Maktabah ‘Aqīq Al-Turāth, h. 312

<sup>86</sup> (1994), *Al-Munjid Fī Al-lughah Wa Al-I'lām*, c. 34, Beirût; Dār Al-Mashriq, h. 730

<sup>87</sup> Shams Al-Dīn Al-Sarakhsī(t.t), *Al-Mabsūt*, j. 5, Beirût : Dār Al-Ma’rifah, h. 209

*Hanafiyah* menta'rifkan *Al-Laqaṭ* sebagai nama bagi individu yang dilahirkan dan dibuang oleh keluarganya kerana takut dihina dan untuk mengelak dari tohmahan zina.<sup>88</sup>

Sementara ulama *Shāfi'iyyah* mendefinisikannya di dalam kitab *Nihāyat Al-Muhtāj* sebagai seorang kanak-kanak yang ditinggalkan di sesuatu tempat contohnya di tepi jalan dan tidak ada sesiapa mengaku bahawa kanak-kanak itu adalah anaknya".<sup>89</sup> Begitu juga di dalam kitab *Mughnī Al-Muhtāj* pula *Shāfi'iyyah* menta'rifkan *Al-Laqaṭ* sebagai seorang kanak-kanak yang ditinggalkan di tepi jalan , masjid atau sebagainya di mana tidak diketahui siapa penjaganya yang sah sekalipun kanak-kanak itu telah mumayiz kerana mereka memerlukan pembelaan".<sup>90</sup>

Tidak ketinggalan Ulama *Hanābilah* menta'rifkan *Al-Laqaṭ* sebagai anak yang tidak diketahui keturunannya, bukan seorang hamba, dibuang atau tersesat di jalan dari waktu kelahirannya sehingga umur mumayiz (tahu membezakan antara bersih dan kotor).<sup>91</sup> Manakala dalam kitab *Mubdi' Fī Sharḥ Al-Muqni'* pula sebagai sesiapa yang dibuang samada di jalan atau selainnya dan tiada sesiapa yang mengaku bahawa itu haknya.<sup>92</sup>

Adapun *Al-Laqaṭ* menurut Ibrāhīm Al-Nakhā'i'ī ialah kanak-kanak yang tidak diketahui nasabnya dan bukan hamba, dibuang atau tersesat, maka dipungut oleh manusia.<sup>93</sup> Sementara ta'rifan yang diberikan oleh Imam Ja'afar Al-Ṣādiq ialah orang yang dibuang keluarganya, dan ditinggalkan atas sebab-sebab tertentu. Beliau

<sup>88</sup> Abī Maḥmūd bin Aḥmad Al-'Ainainī ( 1990), *Al-Banāyah Fī Sharḥ Al-Hidāyah*, j. 6, Beirūt: Dār Al-Fikr, h. 752

<sup>89</sup> Shams Al-Dīn Muḥammad bin Abī Al-'Abbas (t.t), *Nihāyah Al-Muhtāj ilā sharḥ Al- Minhāj*,j. 5, Dār Al-Fikr, h. 446

<sup>90</sup> Shams Al-Dīn Muḥammad bin Khaṭīb Al-Sharbainī( t.t), *Mughnī Al-Muhtāj* , j. 3, Qāherah: Maktabah Tawfiqiyah, h. 531

<sup>91</sup> Al-Qādī Abū Wālid Muḥammad Al-Kurtubu Al-Andalūsī (1996),*Bidāyah Al- Mujtahid Wa Nīḥāyah Al-Muqtaṣid*, j. 5, Beirūt: Dār Al-Kutub Al-'Ilmiyah

<sup>92</sup> Abī Ishāq Burhanuddin Ibrāhīm Bin Muḥammad Al-Ḥanbalī(2000), *Al-Mubdi' Fī Sharḥ Al-Muqni'*, j. 5, Maktabah Al-Islāmī, h.

<sup>293</sup>

<sup>93</sup> Muḥammad Rawwāmī Qalqah Jī, *Mawsū'ah Fiqh Ibrāhīm Al- Nakhā'i'ī 'Aṣruhu Wa Hayātuhi*, j. 2. Dār Al-Nafāis, h. 821

membezakan *Al-Laqaṭ* dengan anak yang hilang, di mana anak yang hilang ialah anak yang tidak dibuang oleh keluarga, maka tidak harus memungutnya.<sup>94</sup>

Seterusnya untuk memperlengkapkan lagi ta‘rif dan pengenalan kepada makna *Al-Laqaṭ* maka penulis mengemukakan ta‘rif *Al-Laqaṭ* menurut ulama kontemporari seperti Dr. Wahbah Zuhailī , beliau mendefinisikan *Al-Laqaṭ* sebagai kanak-kanak yang dibuang biasanya kanak-kanak ini dibuang kerana takut untuk melaksanakan tanggungjawab atau takut dihina atau untuk mlarikan diri dari tohmahan zina serta tidak diketahui siapa ibubapa mereka atau atas sebab-sebab yang tertentu<sup>95</sup> Begitu juga Abī Muḥammad Maḥmud Bin Muḥammad ‘Ainainī mendefinisikan sebagai anak yang dilahirkan kemudian dibuang oleh keluarganya kerana takut menjadi miskin atau untuk mlarikan diri dari tohmahan zina.<sup>96</sup>

Jadi daripada definisi yang telah diberikan, penulis dapat simpulkan bahawa *Al-Laqaṭ* adalah kanak-kanak yang bebas merdeka yang telah ditinggalkan serta ditemui terdampar, terbuang, terbiar di jalan dengan tidak diketahui keturunannya(ibubapanya) samada masih kecil atau sudah mumayiz. Maka kanak-kanak yang memiliki ciri-ciri seperti yang dinyatakan ini samada anak buangan , anak terbiar,anak terdampar, anak yang dipungut adalah termasuk dalam kategori *Al-Laqaṭ* . *Al-Laqaṭ* meliputi anak yang sah keturunannya dan anak yang tidak sah keturunannya (anak luar nikah) .

<sup>94</sup> Muḥammad Juwād Mughniyah, *Fiqh Al-Imām Ja‘afar As-Ṣādiq*, j. 3. Beirut: Dār Al-‘Ilm,, h. 308

<sup>95</sup> Wahbah Al Zuhailī(1989), *Al Fiqh Al-Islām Wa Adillatuh*, j. 5.Damshiq: Dār Al Fikr, h. 764.

<sup>96</sup> Abī Muḥammad Maḥmud Bin Muḥammad ‘Ainainī(1990), *Al-Banāyah Fi Sharḥ Al-Hidāyah*, j. 6, Beirut, Dār Al-Fikr, h.752

### **3.2 DALIL TENTANG *AL-LAQİT*<sup>97</sup>**

*Islam* merupakan agama yang sempurna justeru Islam menggalakkan umatnya untuk membuat amal ma'ruf dan kebajikan. Antara dalil-dalil yang menunjukkan mengambil *Al-Laqaṭ* adalah digalakkan dalam Islam berdasarkan kepada Al-Quran dan Al-Sunnah berikut:-

a) Firman Allah:

وَأَفْعِلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sūrah Al-Hajj (22):77

Maksudnya:

“.. serta kerjakanlah amal-amal kebajikan, supaya kamu berjaya ( di dunia dan dan di akhirat.”

Di dalam ayat ini, Allah s.w.t menyuruh hambaNya supaya melakukan perbuatan yang baik dengan membuat amal kebajikan dan menjaga manusia lain jika sekiranya mereka mahu berjaya di dunia dan di akhirat. Amal kebajikan yang dimaksudkan itu ialah memungut dan memelihara *Al-Laqaṭ*.

b) Firman Allah:

وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَانَ آءِ أَحْيَا الْنَّاسَ جَمِيعًا

Sūrah Al-Māidah (5): 32

Maksudnya:

“dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seseorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya.”

---

<sup>97</sup> Muṣṭafā Al-Khīn, Muṣṭafā Al-Bughā dan ‘Alī Al-Sharbajī (1996), *Al-Fiqh Al-Manhajī*, j. 2 , Beirut: Dār Al-Shāmiyah, Damshiq; Dār Al-Qalam , h. 205

Manakala dalam ayat-ini pula. Allah s.w.t menyuruh hambaNya menjaga keselamatan seorang manusia seolah-olah menjaga keselamatan manusia seluruhnya sebagai ganjaran dari Allah. Penjagaan yang dimaksudkan ialah dengan membantu *Al-Laqt*.

c) Sabda Nabi s. a. w.<sup>98</sup>:

حدثنا يحيى بن يحيى التميمي وأبو بكر بن أبي شيبة و محمد بن العلاء الهمداني - واللفظ ليحيى - ( قال  
يحيى أخبرنا وقال الآخران حدثنا ) أبو معاوية عن الأعمش عن أبي صالح عن أبي هريرة قال قال رسول الله  
صلى الله عليه و سلم من نفس عن مؤمن كربة من كرب الدنيا نفس الله عنه كربة من كرب يوم القيمة  
ومن يسر على معسر يسر الله عليه في الدنيا والآخرة ومن ستر مسلما ستره الله في الدنيا والآخرة والله في  
عون العبد ما كان العبد في عون أخيه . . . ( رواه مسلم )

Maksudnya:

” Sesiapa yang melepaskan salah satu kesusahan seseorang mukmin di dunia, Allah akan melepaskan salah satu kesusahannya di hari akhirat. Sesiapa yang memudahkan urusan orang yang susah, Allah akan memudahkan urusannya di dunia dan akhirat. Sesiapa yang menutup keaiban seorang muslim, Allah akan menutup keaibannya di dunia dan di akhirat. Allah akan membantu seseorang hamba sebagaimana dia membantu saudaranya ”

Begitu juga dalam hadis ini, Allah s.w. t akan memberi ganjaran kepada hambaNya yang membantu saudaranya di dunia di mana Allah akan melepaskan kesusahannya , memudahkan urusannya dan akan menutup keaibannya di akhirat kelak.

---

<sup>98</sup> Muslim bin Al-Hajāj Abū Ḥusain Al-Qushairī Al-Nīsābūrī (1972), no ḥadis 2699, j. 4, Beirūt, Lubnān: Dār Ihyā' Al-Turāth Al-'Arabi, h. 2074

### **3.3 KONSEP AL-LAQĪTATAU AL-MANBŪDH MENURUT ISLAM**

*Al-Laqaṭ* atau *Manbūdh* yang bermaksud kanak-kanak kecil yang dibuang di jalan dengan tidak diketahui siapa ibubapanya dan nasab keturunannya.<sup>99</sup>

Dalam membincangkan tentang *Al-Laqaṭ*, beberapa perkara perlu diketahui dengan lebih jelas tentang *Al-Laqaṭ* iaitu mengenai hukum pengambilan, hak penjagaan, syarat orang yang layak memelihara, nafkah, kedudukan agama dan hukum nasabnya.

#### **3.3.1 Hukum Memungut *Al-Laqaṭ***

Untuk mengetahui *Al-Laqaṭ* dari segi hukumnya, penulis telah mendatangkan beberapa pendapat dari para ulama antaranya :-

Ulama *Hanafiyah* dalam *Al-Banāyah Fi Sharḥ Al-Hidāyah* mengatakan bahawa memungut *Al-Laqaṭ* adalah digalakkan, namun sekiranya untuk mengelakkan kebinasaan ia menjadi *fardu kifayah*. Sekiranya seseorang itu mengesyaki anak yang ditinggalkan itu *Al-Laqaṭ*, maka hukum mengambilnya ketika itu adalah wajib.<sup>100</sup>

Sementara ulama *Shāfi'iyyah* dalam *Fiqh Al-Manhajī* menyebut yang mengambil dan mendidik anak yang dijumpai di jalan yang tidak diketahui siapa mereka merupakan *fardu kifayah*<sup>101</sup> Dan dalam kitab *Nihāyah Al-Muḥtāj Ilā Sharḥ Al-Minhāj Fī Fiqh 'Alā Mazhab Imām Shāfi'i* pula menyatakan sebagai sesorang kanak-kanak samada sudah

<sup>99</sup> Wahbah Al-Zuhailī(1989), *Fiqh Al-Islām Wa Adillatuh*, j. 5. Damshīq: Dār Al-Fikr, h. 764

<sup>100</sup> Abī Muḥammad Maḥmud Bin Muḥammad ‘Ainainī ( 1990), *Al-Banāyah Fī Sharḥ Al-Hidāyah*, j. 6, Beirut: Dār Al-Fikr, h. 752

<sup>101</sup> Muṣṭafā Al-Khin, Muṣṭafā Al-Bughā dan ‘Alī Al-Sharbajī (1996), *Al-Fiqh Al-Manhajī*, j. 2 , Beirut: Dār Al-Shāmiyah, Damshīq: Dār Al-Qalam, h. 206

*mumayiz* atau belum, harus untuk diambil kerana mereka memerlukan perlindungan dan pendidikan.<sup>102</sup>

Manakala ulama *Hanābilah pula* dalam *Al-Kāfi Fī Fiqh Al-Imām Aḥmad bin Hanbal* memungut anak yang dibuang adalah *fardu kifayah* sekiranya untuk mengelakkan dari kebinasaan.<sup>103</sup>

Dan dalam kitab *Fiqh Al-Sunnah*, *Sayyid Sābiq* mengatakan bahawa memungut *Al-Laqaṭ*, adalah *fardu kifayah* iaitu sama hukumnya dengan memungut apa sahaja yang hilang dan tiada kewajipan untuk menanggung hidupnya tetapi yang wajib hanya memungutnya kerana jika membiarkannya bererti mensia-siakannya.<sup>104</sup>

### 3.3.2 Hak Penjagaan *Al-Laqaṭ*

Orang yang layak untuk menjaga *Al-Laqaṭ* ialah orang yang menjumpainya. Orang itulah yang lebih berhak untuk mengambil, memelihara dan memberi pendidikan kepadanya sebagaimana disebutkan oleh saudina ‘Umar Al-Khaṭṭāb.<sup>105</sup>

قال يحيى : قال مالك : عن ابن شهاب عن سين أبي جميلة رجل من بني سليم أنه وجد منبودا في زمان عمر بن الخطاب قال : فجئت به إلى عمر بن الخطاب فقال وجدتها ضائعة فأخذتها فقال له عريفه : يا أمير المؤمنين إنه رجل صالح فقال له عمر : أ كذلك ؟ قال : نعم ، فقال عمر بن الخطاب : إذهب فهو حر ، ولك ولاؤه لك علينا نفقته .

<sup>102</sup> Shams Al-Dīn Muḥammad Bin Abī `Abbas Aḥmad Bin Ḥamzah, *Nihāyah Al-Muḥtāj Ilā Sharḥ Al-Minhāj Fī Fiqh `Alā Mazhab Imām Shāfi`ī*, j. 5, h. 447

<sup>103</sup> Sheikh Al-Islām Abī Muḥammad Mawfiq Al Dīn bin Qudamah Al-Muqaddisi ( 2005 ), *Al-Kāfi Fī Fiqh Al-Imām Aḥmad bin Hanbal*, j. 2, Dār Al-Fikr, h. 259

<sup>104</sup> Sayyid Sābiq(t.t), *Fiqh Al-Sunnah*, j. 3, Qāherah: Dār Al-Turāth, h. 240

<sup>105</sup> *Mawsū'ah Al- Sunnah Al-Kutub Al-Sittah Wa Shurūḥuhā Al-Muatṭā' Lil Imām Mālik bin Anas* ( 1992 ), j. 20, c. 2, Istanbul, h.738

Maksudnya:

“ Diriwayatkan oleh Sunain Abū Jamīlah( seorang lelaki dari Banī Salīm) berkata: ”Aku pernah menemukan seorang anak tersesat dijalan di zaman pemerintahan ‘Umar bin Al-Khaṭṭāb r.a , lalu aku membawanya kepada ‘Umar”, lalu ‘Umar berkata: Engkau menemukan orang yang hilang lantas engkau memungutnya. Maka aku lantas berkata: “Kenalanku Ya Amirul Mukminin, sesungguhnya dia ialah seorang lelaki yang soleh”, ‘Umar berkata: ” Apakah demikian keadaanya?”. Dia berkata: ” Ya” maka ‘Umar berkata, “Pergilah bersama dia, dia merdeka dan kamu boleh menjadi wali dan pengasuhnya dan ke atas kamilah nafkahnya.”

Di dalam hadis ini menunjukkan bahawa Saidina ‘Umar menyerahkan hak penjagaan kepada Sunain Abū Jamīlah kerana beliau telah menjumpainya dan menyatakan juga bahawa nafkah itu terletak di tangan pemerintah.

Namun dalam kitab *Al-Bayān Fī Fiqh Al-Imān Al-Shāfi‘ī*, *Shāfi‘yah* mensyaratkan ke atas orang yang memungut itu mendatangkan dua orang saksi yang adil. Ini kerana rasionalnya menghadirkan saksi adalah untuk menjaga harta dan keturunan *Al-Laqīt* tersebut.<sup>106</sup>

Oleh itu, sekiranya menjumpai anak yang dibuang dijalan, perlu diserahkan kepada pemerintah untuk tindakan yang selanjutnya.

### 3.3.3 Syarat Orang Yang Hendak Mengambil *Al-Laqīt*

Di dalam *kitab-kitab feqah*, ada disebutkan tentang syarat-syarat yang perlu ada bagi orang yang hendak menjaga *Al-Laqīt* iaitu *Al-Multaqīt*. Antaranya ialah:-

<sup>106</sup> Yaḥyā bin Abī Al-Khair(2002), *Al-Bayān Fī Fiqh Al-Imān Al-Shāfi‘ī*, j. 8. Beirut: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyah, h. 8

- a) Imām Al-Qādī Abū Wālid dalam *Bidāyah Al- Mujtahid Wa Nihāyah Al-Muqtaṣid* menyatakan bahawa syaratnya ialah merdeka, adil dan cerdik.<sup>107</sup>
- b) Muḥammad Juwād Mughniyah dalam *Fiqh Imām Ja‘afar Al-Ṣādiq*, ‘Ard Istiqlāl pula menyatakan bahawa syaratnya ialah berakal, muslim dan cerdik.<sup>108</sup>
- c) Muṣṭafā Al-Khin, Muṣṭafā Al-Bughā dan ‘Alī Al-Sharbajī dalam *Kitab Fiqh Al-Manhajī ‘Alā Mazhab Al-Imām Al-Shāfi‘ī* menyatakan bahawa syaratnya ialah Islam, adil, cerdik dan bermukim.<sup>109</sup>
- d) Al-Imām Yaḥyā bin Abī Al-Khair, *Al-Bayān Fi Fiqh Al-Imām Al-Shāfi‘ī* menyatakan syarat *Al-Multaqīt* ialah merdeka, Islam, dipercayai, berwang dan bermukim.<sup>110</sup>

Sekiranya *Multaqīt* itu seorang yang *fāsiq*, maka *Al-Laqīt* itu mesti diambil daripadanya kerana *Al-Laqīt* ada kedudukan wilayah tetapi orang *fāsiq* bukan ahli wilayah.<sup>111</sup>

Jadi daripada syarat yang diberikan oleh ulama-ulama ini maka penulis dapat simpulkan bahawa syarat untuk *Al-Multaqīt* ialah Islam, adil, berakal, tidak *fāsiq*, merdeka, berwang, bermukim dan boleh dipercayai. Ini penting kerana *Al-Laqīt* adalah satu tanggungjawab.

<sup>107</sup> Al-Qādī Abū Walīd (1996), *Bidāyah Al- Mujtahid Wa Nihāyah Al-Muqtaṣid*, j. 5, Beirut: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyah

<sup>108</sup> Muḥammad Juwād Mughniyah, *Fiqh Al-Imām Ja‘afar As-Ṣādiq*, j. 3. Beirut: Dār Al-‘Ilm Lilmalāyīn, h. 310-311

<sup>109</sup> Muṣṭafā Al-Khin, Muṣṭafā Al-Bughā dan ‘Alī Al-Sharbajī (1996), *Al-Fiqh Al-Manhajī*, j. 2 , Beirut: Dār Al-Shāmiyah, Damshīq: Dār Al-Qalam , h. 207

<sup>110</sup> Al-Imām Yaḥyā bin Abī Al-Khair(2002), *Al-Bayān Fi Fiqh Al-Imām Al-Shāfi‘ī*, j. 8. Beirut: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyah

<sup>111</sup> *Ibid* h. 12

### 3.3.4 Nafkah

Bagi orang yang menjumpai *Al-Laqaṭ* dan ingin memelihara anak tersebut, tertakluk kepada dirinya samada untuk menjaganya dan menanggung belanjanya sendiri, atau hendak menyerahkan kepada pemerintah, maka pemerintah akan mencari orang yang sesuai untuk menjaga anak tersebut dan nafkah hidupnya dibiayai oleh baitulmal. Begitujuga jika *multaqiṭ* tidak mampu atau lemah dalam menjaga dan memelihara *Al-Laqaṭ* dengan baik maka perlu diserahkan kepada pemerintah kerana tidak mampu itu telah menggugurkan tanggungjawab *multaqiṭ*.<sup>112</sup> Dari segi nafkah *Al-Laqaṭ* boleh dipecahkan kepada dua keadaan:-

- a) Jika *Al-Laqaṭ* mempunyai harta

Tidak wajib bagi yang memelihara memberi nafkah kepada *Al-Laqaṭ* sekiranya di sisi anak itu ada bersamanya harta. Ini kerana harta itu adalah miliknya dan tiada siapa yang mempertikaikannya. Maka nafkahnya adalah daripada hartanya sendiri yang ada bersamanya. Jadi *Al-Laqaṭ* itu tidak memerlukan nafkah dari baitulmal. Akan tetapi sekiranya *Al-Multaqīṭ* menggunakan hartanya sendiri, hendaklah dengan keizinan pemerintah. Ini kerana *Al-Multaqīṭ* akan dapat balik harta yang telah dibelanjakannya untuk *Al-Laqaṭ* itu, akan tetapi jika tanpa izin dari pemerintah, maka perbelanjaannya itu dianggap derma.<sup>113</sup>

- b) Jika *Al-Laqaṭ* tidak mempunyai harta

---

<sup>112</sup> Muhammad Juwād Mughniyah, *Fiqh Al-Imām Ja`afar As-Ṣādiq*, j. 3. Beirūt: Dār al-`Ilm, h. 311

<sup>113</sup> Wahbah Al-Zuhailī(1989), *Fiqh Al-Islām Wa Adillatuh*, j. 5. Beirūt: Dār Al-Fikr , h. 765

Sekiranya *Al-Laqaṭ* itu tidak mempunyai harta, maka nafkahnya dari baitulmal kerana baitulmal mewarisinya. Sekiranya baitulmal tidak dapat menanggungnya kerana tiada wang maka wajib atas kaum muslimin yang akan menanggung nafkahnya.

Firman Allah:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبَرِّ وَالْتَّقْوَىٰ

Sūrah Al-Māidah (5):2

Maksudnya:

*“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa”*

Sekiranya tiada orang yang boleh memberi *Al-Laqaṭ* itu nafkah, maka nafkahnya adalah di tangan *Multaqaṭ* atau orang Islam yang mempunyai perbelanjaan yang sekadar cukup dengan cara berhutang . Dan hendaklah ada penyaksian supaya *Al-Laqaṭ* tadi akan memulangkan kembali wang nafkah kepada *Multaqaṭ*. Sekiranya tiada penyaksian maka jadilah wang itu sedekah.

*Ibrāhīm Nakhā'i* dalam *Mawsū'ah Fiqhnya* menyebut apa yang dinafkah kepada *Al-Laqaṭ* itu adalah apa yang dikehendaki oleh Allah. Begitu juga sekiranya *Al-Laqaṭ* itu anak zina, maka baginya nafkah, sekiranya mahu menganggap nafkah itu sebagai hutang, maka hendaklah ada saksi, sekiranya hanya mahu ganjaran pahala dari Allah sahaja, maka tak perlu disertakan saksi. <sup>114</sup>

---

<sup>114</sup> Mūḥāmmād Ḥasan Qalqah Jī, *Mawsū'ah Fiqh Ibrāhīm Al-Nākhā'i*, Asruhu Wa Hayātuhu,j.2. Dār Al-Nafāis, h. 822

### 3.3.5 Kedudukan Agama

*Al-Laqaṭ* adalah dihukumkan seorang yang merdeka.<sup>115</sup> Pada asalnya manusia itu bebas.

Secara umumnya, terdapat tiga kriteria dalam penentuan agama *Al-Laqaṭ*<sup>116</sup> merangkumi :-

- a) Tempat di mana *Al-Laqaṭ* ditemui (negara Islam atau tidak)
- b) Status agama orang yang menemui *Al-Laqaṭ*
- c) Kombinasi antara tempat dan agama orang yang menemuinya.

Atas asas ini, justeru dapat dibahagikan kepada beberapa keadaan iaitu:-

- a) *Al-Laqaṭ* itu dikira sebagai muslim sekiranya ditemui di negeri Islam sehingga jika dia meninggal perlu diuruskan dengan cara Islam iaitu dimandikan, disembahyangkan dan dikebumikan di perkuburan Islam. Adapun jika ditemui oleh orang Islam atau kafir *dhimmi* di dalam gereja kristian atau yahudi atau di perkampungan yang tiada orang Islam, maka dikira sebagai *kafir dhimmi*.<sup>117</sup> Dan kalau ditemui oleh orang *dhimmi* di negeri Islam dikira sebagai Muslim.<sup>118</sup>
- b) *Al-Nawāwi* dalam *Minhāj Al-Tālibīn* mengatakan bahawa apabila didapati seorang kanak-kanak yang dibuang itu dalam negeri Islam, dan dalam negeri itu ada orang-orang *dhimmi*, atau didapati di negeri yang dibuka oleh Islam dan orang-orang Islam mengakui negeri itu dikuasai oleh orang kafir secara perdamaian, atau orang-orang Islam memiliki negeri itu dengan orang-orang *dhimmi* pula membayar *jizyah* (cukai) dan dalam negeri itu ada orang Islam, maka kanak-kanak yang dijumpai itu dihukumkan sebagai muslim.

<sup>115</sup> Al-Imām Yahyā bin Abī Al-Khair (2002), *Al-Bayān Fī Fiqh Al-Imām Al-Shāfi’ī*, j. 8. Beirut: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyah, h. 4

<sup>116</sup> Wahbah Al-Zuhailī (1989), *Fiqh Al-Islām Wa Adillatuh*, j. 5. Damshiq: Dār Al-Fikr, h. 767

<sup>117</sup> Orang kafir yang berdamai dengan orang Islam

<sup>118</sup> *Ibid* h. 766

c) Adapun jikalau kanak-kanak itu didapati di negeri kafir, maka dihukumkan kanak-kanak itu kafir, sekiranya negeri itu tidak didiami oleh orang Islam, tetapi jika ada di sana didiami orang Islam seperti orang tawanan dan peniaga, maka kanak-kanak yang dijumpai itu sebagai muslim menurut *qawl al-asah*.<sup>119</sup> Begitu juga apa yang dinyatakan oleh *Mazhab Shāfi‘ī* dan *Hanbali*.<sup>120</sup>

Mengikut kenyataan ulama yang telah disebut tadi, dapatlah difahami bahawa hukum agama *Al-Laqaṭ* adalah mengikut tempat yang ia dijumpai, sekiranya dijumpai di negeri Islam atau di negeri yang didiami oleh orang Islam atau ada orang Islam di dalam negeri tersebut, maka *Al-Laqaṭ* dihukumkan sebagai beragama Islam.

Realitinya Malaysia sebuah negara yang diperintah oleh pemerintah yang beragama Islam dan di dalamnya didiami oleh orang yang beragama Islam , maka kalau dilihat dari segi hukum seperti yang dinyatakan oleh ulama, maka *Al-Laqaṭ* yang ditemui di Malaysia status agamanya adalah beragama Islam tidak kiralah samada anak itu anak orang Islam ataupun tidak. Jadi tidak perlu ada keraguan lagi dalam status agama *Al-Laqaṭ*

### 3.3.6 Hukum Nasab *Al-Laqaṭ*

Shara' mensabitkan keturunan berdasarkan salah satu dari tiga cara berikut iaitu<sup>121</sup>:-

<sup>119</sup> Al-Sharbini, Muhammed Khatib (1982), *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifah Ma'āni Alfāz Al-Minhāj*, Damshiq; Dār al-Fikr, j. 3, h. 572-573

<sup>120</sup> Wahbah Al-Zuhailī(1989), *Fiqh Al-Islām Wa Adillatuh*, j. 5. Damshiq: Dār Al-Fikr, h. 767

<sup>121</sup> Muṣṭafā Al-Khinī, Muṣṭafā Al-Bughādān ‘Alī Al-Sharbajī (1996), *Al-Fiqh Al-Manhajī*, j. 2 , Beirūt: Dār Al-Shāmiah, Damshiq; Dār Al-Qalam , h. 201

a) Pengakuan atau *Iqrār* dengan keturunan

Iaitu menasabkan seseorang dengan seorang lelaki atau qabilah tertentu yang memang dikenali oleh ramai orang. Keadaan ini menjadi suatu penyaksian yang benar kerana ramainya orang dan mustahil pada akal sekiranya orang ramai itu berbohong.

b) Pengakuan atau *Iqrār*

*Iqrār* berlaku sekiranya seorang bapa mengaku anaknya atau anak mengaku bapanya sebagai contoh: “Ini anakku”, atau “ini bapaku” atau “ini emakku”. Sesuatu *iqrār* itu akan diterima sekiranya menepati empat syarat<sup>122</sup> iaitu:

- i) *Iqrār* yang diperakui oleh shara`
- ii) Orang yang didakwa mengiyakan *iqrār* pendakwa
- iii) Orang yang berikrar tidak beriqrār untuk kepentingan diri
- iv) Keadaan fizikal menolak *iqrār* itu sebagai suatu cubaan untuk berbohong

c) Keterangan atau penyaksian

Syarat penyaksian ialah dua orang saksi lelaki atau seorang lelaki dan dua orang perempuan bagi *Abū Ḥanīfah* manakala dua orang lelaki sahaja mengikut *Mazhab Mālikiyah*, *Shāfi‘iyah* dan *Hanābilah*. Ketetapan nasab melalui keterangan lebih kuat berbanding pengakuan kerana sesuatu keterangan yang mempunyai bukti yang kukuh boleh membantalkan sesuatu *iqrār*.<sup>123</sup>

---

<sup>122</sup> *Ibid*, h. 202

<sup>123</sup> Wahbah Al-Zuhaili (1989), *Fiqh Al-Islām Wa Adillatuh*, j. 7. Damshiq: Dār Al-Fikr, h. 695

Di sini penulis kemukakan beberapa hukum iaitu:-

- a) Sekiranya ada yang membuat pengakuan bahawa *Al-Laqīt* itu anaknya dan tiada orang yang dapat menyangkal pengakuannya, maka anak itu dinasabkan kepadanya tanpa perlu kepada keterangan. Begitu juga sekiranya yang membuat pengakuan itu seorang perempuan, juga diterima tanpa keterangan.<sup>124</sup>
- b) Kalau ada dua orang yang mendakwa bahawa *Al-Laqīt* itu anaknya tanpa ada keterangan tetapi jika yang seorang itu muslim dan seorang lagi itu kafir, maka yang muslim itu lebih berhak diterima nasabnya atas manfaat kepada *Al-Laqīt* tersebut.
- c) Sekira yang mengaku itu dua orang muslim, dan salah seorang daripadanya boleh menyatakan tanda yang ada ditubuh *Al-Laqīt* itu. Maka mazhab *Hanafiah* memutuskan orang itu lebih berhak ke atas anak itu.<sup>125</sup>
- d) Jika ada dua orang mendakwa dan salah seorang ada keterangan dan seorang lagi tiada, maka boleh digunakan khidmat ahli dalam bidang mengenal nasab (*qiyāfah*)<sup>126</sup> untuk menentukan nasab anak tersebut.

Keturunan adalah tiang kekuatan bagi sesebuah keluarga. Kekeluargaan pula terbentuk atas pertalian darah. Sebagai contoh anak adalah sebahagian dari ayahnya, manakala ayah pula adalah setengah daripada anaknya. Ikatan keturunan adalah satu nikmat yang besar yang dianggerahkan Allah kepada manusia, Dengannya manusia menjadi tenang, berkasih sayang dan beramah mesra. Seterusnya Allah mengukuhkan manusia dengan zuriat keturunan.

<sup>124</sup> Muḥammad Juwād Mughniyah, *Fiqh Al-Imām Ja`afar As-Ṣādiq*, j. 3, Beirūt:Dār Al-‘Ilm, h. 313

<sup>125</sup> *op.cit* Wahbah Al-Zuḥailī , h. 767

<sup>126</sup> *Ibid*, h. 768

Firman Allah:

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ مِنَ الْمَاءِ بَشَرًا فَجَعَلَهُ دَنَسًا وَصِهْرًا وَكَانَ رَبُّكَ

قَدِيرًا

Sūrah Al-Furqān (25):54

Maksudnya:

“Dan Dialah tuhan yang menciptakan manusia dari air, lalu dijadikannya(mempunyai titisan baka dan pertalian keluarga (persemendaan) dan sememangnya Tuhanmu berkuasa(menciptakan apa jua yang dikehendakiNya).”

Justeru, Shara<sup>c</sup> menegah bapa yang mengingkarkan nasab anak-anaknya dan mengharamkan wanita-wanita menasabkan keturunan anak-anaknya kepada selain daripada bapanya yang hakiki. serta melarang keras anak-anak yang menghubungkan nasabnya kepada selain bapanya yang sebenar.

Nabi bersabda<sup>127</sup>:

عن انس قال: قال النبي: من ادعى إلى غير أبيه او إتمنى إلى غير مواليه، فعليه لعنة الله المتتابعة إلى يوم

القيامة (رواه أبو داود)

Maksudnya:

“Barangsiaapa yang mendakwa (berbinkan) kepada bukan bapanya atau bernasab kepada bukan maula<sup>128</sup>nya, maka ke atasnya laknat Allah yang berterusan hingga hari Kiamat.”

<sup>127</sup> Al-'Aẓīm Ābādī Muḥammad Ashrāf bin Amīr (2005). 'Awn Al-Ma'būd 'Alā Sharḥ Sunan Abī Dawūd , hadis no 5115, j. 1, Beirūt, Lubnān: Dār Ibnu Ḥazam, h. 2328

<sup>128</sup> tuannya

### **3.4 KATEGORI *AL-LAQİT***

Secara umumnya, penulis membahagikan *Al-Laqaṭ* ini kepada beberapa bahagian iaitu:-

#### **a) Anak Tertimpa Musibah**

Anak yang tergolong dalam golongan ini adalah anak yang terbuang atau terdampar akibat dari berlakunya bencana alam seperti tsunami, banjir, taufan, gempa bumi dan musibah seperti berlaku kebakaran, kemalangan dan lain-lain. Mereka ini anak yang sah taraf tetapi terbuang akibat ketentuan hidup dan tiada keluarga yang tampil untuk memelihara mereka menyebabkan mereka hidup terbiar, terbuang dan terdampar di jalan.

#### **b) Anak Zina**

Anak zina merujuk kepada anak yang dilahirkan hasil dari perzinaan bukan dari pernikahan yang sah. Anak ini tidak dapat dinasabkan kepada nama bapa kerana dilahirkan di luar pernikahan yang sah. Anak ini termasuk dalam kategori anak tak sah taraf yang tidak diingini dan dibuang kerana ingin menutup malu atas perbuatan diri sendiri dan keluarga. Anak yang dibuang ini menjadi *Al-Laqaṭ* sekiranya tidak diketahui nasab keturunannya.

### c) Anak Hasil Dari Perkosaan

Anak hasil perkosaan di mana anak yang dilahir oleh ibu yang diperkosa atau dirogol sehingga menyebabkan berlaku kehamilan.<sup>129</sup> Kemudian setelah dilahirkan, anak ini tidak dapat diterima dan dibuang oleh ibunya atau keluarganya dan diserahkan ke pusat kebajikan atau diberikan kepada orang untuk dipelihara. Anak ini diklasifikasikan kepada *Al-Laqaṭ* jika ia dibuang dan tidak ada yang mengaku nasab keturunannya.

Jadi di sini, ketiga-tiga kategori anak ini adalah termasuk di dalam kategori anak-anak yang tidak diketahui keturunannya atau *Al-Laqaṭ*.

### 3.5 PERBEZAAN ANTARA AL- LAQAṬ DAN WALAD ZINA

*Al-Laqaṭ* berbeza dengan anak *zina*, Anak *zina* disebut juga sebagai anak tak sah taraf, kita harus tahu membezakan *Al-Laqaṭ* dan anak tak sah taraf. Memang tidak dinafikan yang sebahagian daripada *Al-Laqaṭ* adalah terdiri dari anak yang tak sah taraf. Namun begitu di dalam Islam, terma ini adalah berbeza dan pada masa yang sama kesan kepada hak kanak-kanak ini juga berbeza di antara satu sama lain.

Penulis mencuba untuk memberikan perbezaan antara keduanya melalui beberapa sudut yang boleh membezakankannya dengan lebih jelas dan terang.

---

<sup>129</sup> Ahmad Naṣīr Al-Jundi ( 2000 ), *Al-Nasab Fī Al-Islām Wa Al-Arhām Al-Badaliyah*, Egypt: Dār Al-Kutub Al Qanuniyah, h. 91-92

### a) Nasab

Seorang *Al-Laqīt* tidak boleh dinasabkan kepada sesiapa kerana nasabnya tidak diketahui, segala urusan yang berkaitan dengannya adalah terletak di bawah kuasa kerajaan. Sebaliknya anak tak sah taraf boleh dinasabkan kepada ibu dan keluarga ibunya.

Nabi Bersabda<sup>130</sup>:

عن أبي هريرة عن النبي قال: "الولد للفراش وللعاهر الحجر" (رواه متفق عليه)

Maksudnya:

“Anak itu adalah hak ibunya dan bagi bapa(penzina) adalah batu sahaja.”

Menurut *Ibn ‘Abdul Al-Barri*, hadis ini merujuk kepada ketetapan nasab seorang anak samada daripada bapanya atau tidak. Dalam hal ini, ulama telah berselisih pendapat dalam menafsirkan makna (شارفه), namun jumhur ulama menafsirkannya sebagai ibu<sup>131</sup>. *Al-Shawkanī* dalam menafsirkan hadis ini mengatakan bahawa (العاهر) merujuk kepada penzina lelaki yang tidak akan mendapat apa-apa melainkan batu. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa batu itu melambangkan hukuman rejam bagi penzina yang mempunyai isteri.<sup>132</sup> Kerana itu dia tidak berhak ke atas anak yang dilahirkan hasil dari penzinaan. Walaubagaimanapun anak itu masih mempunyai nasab disebelah ibunya sahaja.<sup>133</sup>

<sup>130</sup> Muhammad Ibn Ismail Al-Šan‘ānī (1997), *Subul Al-Salām Sharḥ Bulugh Al-Marām*, h. 1055, j. 3. Qāherah: Dār Al-Hadīth, h. 307

<sup>131</sup> Muhammad Ibn Ismail Al-Šan‘ānī (1997), *Subul Al-Salām Sharḥ Bulugh Al-Marām*, h. 1055, j. 6. Al-Sa‘udiyah: Dār Ibnu Al-Jawzī, h. 323

<sup>132</sup> Muhammad Ibn ‘Alī Ibn Muḥammad al-Shawkanī (1998), *Nail Al-Awtār*, j. 6. Beirūt: Dār Al-Ma‘rifah, h. 814

<sup>133</sup> ‘Abd Karīm Zaydān(t.t.), *Al-Mufaṣṣal Fī Ahkām Al-Mar‘ah Wa Al-bayt Al-Muslim Fī Shari‘ah Al-Islamiyah*, j. 9, Muassasah Al-Risālah , h. 14

Agama Islam melarang bapa-bapa mengingkari nasab anak-anaknya dan mengharamkan wanita-wanita menasabkan anak kepada selain bapanya yang sah dan begitu juga anak-anak menasabkan diri mereka kepada selain bapanya yang sah<sup>134</sup>: sebagaimana sabda Nabi s.a.w berbunyi<sup>135</sup> :-

حدثنا النفيلي اخبرنا زهير اخبرنا عاصم الاحوال حدثني أبو عثمان قال حدثني سعد بن مالك قال: سمعته أذناني ووعاه قلبي من محمد صلى الله عليه وسلم أنه قال النبي : مَنْ ادْعَى إِلَىٰ غَيْرِ أَبِيهِ وَهُوَ يَعْلَمُ أَنَّهُ غَيْرُ أَبِيهِ فَاجْنَهْ عَلَيْهِ حَرَامٌ... إِلَىٰ الْآخِرِ الْحَدِيثِ (رواه ابو داود)

Maksudnya:

“ *Barang siapa yang mendakwa dirinya kepada selain bapanya sedang dia mengetahui orang itu bukan bapanya, maka diharamkan baginya syurga* ”

### b) **Nafqah**

Segala nafqah dan sara hidup *Al-Laqaṭ* adalah terletak di bawah jagaan orang yang menjumpainya atau di bawah tanggungjawab Baitulmal (pemerintah). Manakala nafqah dan sara hidup anak tak sah taraf pula menjadi tanggungjawab ibunya dan saudara mara sebelah ibunya.

### c) **Pusaka**

*Al-Laqaṭ* tidak diketahui ibubapanya, jadi ia tidak mewarisi apa-apapun melainkan jika diketahui ibu mereka, maka hukumnya sama dengan anak tak sah taraf. Sekiranya mempunyai harta maka harta *Al-Laqaṭ* ini adalah hak baitulmal. Manakala

<sup>134</sup> Wahbah Al-Zuhaili(1989), *Al-Fiqh Al-Islām Wa Adillatuh*, j. 7. Damshiq, Dār Al-Fikr, h. 674

<sup>135</sup> Abī ‘Abd Al-Rahmān Al-Sharf Al-Ḥaq Al-‘Aẓīm Ābādī (2005), ‘Awn Al-Ma’būd ‘Alā Sharḥ Sunan Abī Dawūd ,h. 5113, j. 1, Beirüt, Dār Ibnu Ḥazam, h. 2327

anak tak sah taraf pula tidak terputus hubungan dan keturunan dengan ibunya. Oleh itu mereka boleh mewarisi pusaka antara satu sama lain.

#### d) Wali

Hak perwalian *Al-Laqt* jika anak itu perempuan terletak di tangan sultan atau wali hakim manakala hak perwalian anak tak sah taraf terletak di tangan ibunya. Adapun lelaki yang menyetubuhi ibunya secara haram, samada dia berkahwin atau tidak dengan ibunya tidak sah menjadi wali. Justeru itu perwalian perkahwinan anak tak sah taraf terletak di tangan wali hakim kerana perempuan tidak boleh menjadi wali.

Nabi Bersabda<sup>136</sup>:

حدثنا محمد بن كثير أبا إسحاق حدثنا ابن جرير عن سليمان بن موسى عن الزهري عن عروة عن عائشة قالت قال رسول الله "أيما امرأة نكحت بغير إذن مواليها فنكاحها باطل ثلاث مرات فإن دخل بها فالمهر لها بما أصاب منها فإن تشاحروا فالسلطان ولي من لا ولي له" (رواه أبو داود والترمذى)

Maksudnya:

"Adapun perempuan yang menikai dirinya tanpa izin walinya, maka pernikahannya itu batil, sekiranya telah disetubuhi maka mahar adalah miliknya sekiranya wali-walinya berbantah-bantahan maka sultan menjadi wali bagi sesiapa yang tidak mempunyai wali"

Hadis ini menunjukkan bahawa bagi anak perempuan yang ingin berkahwin memerlukan keizinan daripada walinya dan bagi sesiapa yang tidak mempunyai wali maka sultan adalah wali baginya. Ulama Islam berselisih pendapat tentang persyaratan wali dalam pernikahan namun ulama jumhur mensyaratkan wali dalam pernikahan.<sup>137</sup>

<sup>136</sup> Abī ‘Abd Al-Rahmān Al-Sharf Al-Ḥaq Al-‘Azīm Ābādī (2005), ‘Awn Al-Ma’būd ‘Alā Sharḥ Sunan Abī Dawūd ,h. 2083, j. 1, Beirüt, Dār Ibnu Ḥazam, h. 979

<sup>137</sup> Ibid h. 980

#### e) Perkahwinan

*Al-Laqaṭ* adalah sama dengan insan yang lain, begitu juga anak tak sah taraf. Jadi mereka boleh berkahwin dengan sah dengan mana-mana lelaki atau perempuan.

#### f) Penjagaan

Penjagaan *Al-Laqaṭ* terletak di tangan pemerintah sepenuhnya. Maka pemerintah bertanggungjawab untuk membesarkannya sebagai contoh melalui Rumah Kebajikan Kanak-kanak (RKK). RKK ini terletak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sementara anak tak sah taraf pula berhak mendapat perlindungan sepenuhnya daripada ibunya, keluarga ibunya dan pemerintah.

#### g) Kematian

Kematian *Al-Laqaṭ* ini tertakluk kepada tempat yang dijumpainya, jika ditemui di dalam negeri Islam atau dijumpai dalam negeri kāfir yang didiami oleh orang Islam di dalamnya, maka penyempurnaanya mengikut kaedah Islam. Maka menjadi fardu kifayah ke atas orang Islam menyempurnakan mayat mereka iaitu wajib memandikan, mengkafarkan, menyembahyangkan dan mengkebumikan mayat tersebut di perkuburan orang-orang Islam.

Manakala mayat *Al-Laqaṭ* yang dijumpai di negeri kafir dan negeri itu tidak didiami oleh orang Islam, maka mereka dihukumkan kafir dan haram disembahyangkan. Akan tetapi diharuskan untuk memandikannya dan wajib dikafarkan dan ditanam di perkuburan orang-orang kafir.

Sementara kematian seorang anak tak sah taraf yang belum baligh adalah menurut hukum agama ibunya. jika ibunya beragama Islam maka dia dihukum sebagai seorang Islam. Dengan demikian mayatnya hendaklah diurus secara pengurusan jenazah Islam. Jika ibunya bukan beragama Islam maka dia dihukum sebagai bukan seorang Islam sekalipun lelaki yang menyebuhinya ibunya itu seorang Islam.

Jelaslah bahawa perbezaan antara *Al-Laqaṭ* dan anak tak sah taraf adalah sangat ketara di mana *Al-Laqaṭ* adalah orang yang merdeka dan tidak boleh dinasabkan kepada sesiapa manakala anak tak sah taraf pula dapat dinasabkan kepada ibu dan keturunan ibunya.

### **3.6 KESIMPULAN**

Bab ini menerangkan tentang definisi *Al-Laqaṭ* menurut pandangan ulama-ulama Islam silam dan kontemporari. Dari perbincangan yang dibuat dapatlah disimpulkan bahawa *Al-Laqaṭ* adalah anak yang tersesat di jalan tanpa diketahui keturunannya. Ia tidak boleh dinasabkan kepada sesiapa pun berbeza dengan anak tak sah taraf di mana anak ini boleh dinasabkan kepada ibu dan keluarga ibunya..

*Al-Laqaṭ* adalah seorang yang merdeka dan berada di bawah tanggungjawab pemerintah untuk menanggungnya. Sekiranya ia dijumpai di dalam negara Islam atau di dalamnya ada orang Islam maka mereka dihukumkan beragama Islam. Sekiranya dijumpai di negara orang kafir dan tiada orang Islam di dalamnya, maka mereka dihukumkan kafir.

Begitu juga pengurusan jenazah *Al-Laqaṭ* , sekiranya beragama Islam maka pengurusan jenazahnya mengikut cara Islam dan begitulah sebaliknya. Justeru pemerintah Islam perlu bertindak dengan tegas untuk menyelamatkan akidah *Al-Laqaṭ* kerana ini melibatkan maruah agama Islam.

# **BAB IV**

## **KEDUDUKAN DAN PERLINDUNGAN ANAK BUANGAN**

### **(*AL-LAQIT*) MENURUT UNDANG-UNDANG**

### **DI MALAYSIA**

#### **4.1 KEDUDUKAN DAN PERLINDUNGAN MENURUT UNDANG-UNDANG**

Mengikut Akta Kanak-kanak 2001, *kanak-kanak* didefinisikan sebagai seorang yang berumur di bawah 18 tahun<sup>138</sup>. Di samping itu, bagi tafsiran prosiding jenayah didefinisikan sebagai seorang yang berumur 10 hingga 18 tahun<sup>139</sup>.

Di dalam akta-akta yang terdapat di Malaysia, tiada undang-undang khusus yang memperuntukkan *Al-Laqit* secara jelas di dalamnya begitu juga dengan enakmen-enakmen negeri seperti Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, Enakmen Tatacara Jenayah Shariah, Enakmen Tatacara Mahkamah Shariah dan Enakmen Keterangan Mahkamah Shariah. Yang ada ialah perkara yang berkaitan dengan anak tak sah taraf.

Begini juga dalam akta-akta undang-undang Malaysia tiada terma khusus mengenainya. Namun begitu *Al-Laqit* mendapat perlindungan di bawah Undang-Undang Malaysia melalui penafsirannya. Kedudukan dan perlindungan mereka termaktub dalam beberapa akta. Antaranya Akta Kanak-Kanak 2001, Akta pendaftaran pengangkatan 1952 , Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) dan Kanun Keseksaan(Akta 574) .

---

<sup>138</sup> Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) s.2

<sup>139</sup> Kanun Keseksaan (Akta 574) s. 82

#### **4.1.1 Akta Kanak-Kanak 2001( Akta 611)**

Akta Kanak-kanak 2001 telah digubal bagi tujuan perlindungan kanak-kanak terutama kanak-kanak yang tidak beribu bapa dan kanak-kanak yang teraninya. Ia terpakai untuk kanak-kanak beragama Islam dan bukan Islam, ia juga terpakai bagi tujuan melindungi *Al-Laqaṭ* .

Akta ini mengakui bahawa seorang kanak-kanak, oleh sebab ketidakmatangan dari segi fizikal, mental dan emosinya, memerlukan perlindungan, pemeliharaan dan bantuan khas, selepas kelahiran, untuk membolehkannya turut serta dalam menyumbang secara positif kearah membentuk masyarakat Malaysia madani yang unggul.

Akta ini juga mengiktiraf bahawa tiap-tiap kanak-kanak berhak untuk mendapat perlindungan dan bantuan dalam segala hal keadaan tanpa mengira apa-apa jenis perbezaan, seperti ras, warna kulit, jantina, bahasa, agama, asal usul atau kecacatan fizikal, mental atau emosi atau apa-apa status lain.<sup>140</sup> Peruntukan ini juga selari dengan konvensyen mengenai hak kanak-kanak 1989 dalam perkara 2 iaitu:

“Bahawa hak-hak individu patut dilindungi tidak kira “keturunan, warna, jantina, bahasa, agama, politik ataupun lain-lain pendapat, warganegara, etnik atau asal sosial, harta, kecacatan, kelahiran atau status lain.”<sup>141</sup>

Akta ini memberi perlindungan kepada anak yang dibuang atau dianiaya di mana akta ini memperuntukkan tentang kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.<sup>142</sup> Contoh peruntukan yang melindungi anak yang dibuang ialah:

---

<sup>140</sup> Pendahuluan Akta Kanak-Kanak 2001

<sup>141</sup> Konvensyen mengenai hak kanak-kanak 1989

- (i) Seseorang kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan perlindungan jika kanak-kanak itu tidak mempunyai ibu bapa atau penjaga atau
- (ii) telah dibuang oleh ibu atau bapa atau penjaganya dan selepas siasatan yang munasabah ibu atau bapa atau penjaga anak itu tidak dapat ditemui, dan tiada orang lain yang sesuai sanggup dan berupaya memelihara kanak-kanak itu.<sup>143</sup>

Di antara cara-cara bagi melindungi kanak-kanak, akta ini memperuntukkan tentang perlantikan pelindung kanak-kanak, penubuhan Mahkamah bagi kanak-kanak, kewajipan melaporkan tentang kes-kes anak teraniaya atau dibuang dan sekatan ke atas laporan dan penyiaran media tentang kanak-kanak.<sup>144</sup>

Perbuatan menganiaya atau mengabaikan kanak-kanak adalah dianggap satu kesalahan, antara lain *Seksyen 31(1)(a)* Akta ini memperuntukkan:

*Mana-mana orang, yang merupakan orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak:-*

- (a) *Yang menganiaya, mengabaikan, membuang atau mendedahkan kanak-kanak itu dengan cara yang mungkin akan menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal atau emosi atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiaya, diabaikan, dibuang atau didedahkan sedemikian,*
- (b) *Yang menganiayai dari segi seks kanak-kanak itu atau yang menyebabkan atau membenarkannya dianiayai sedemikian,*

*Melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau keduanya.*

---

<sup>142</sup> Akta Kanak-Kanak 2001 s.17

<sup>143</sup> *Ibid* s.17(1e)

<sup>144</sup> *Ibid* ,s.8, s.11, s. 27,s. 28, s. 29 & s. 15

Peruntukan ini merujuk juga kepada perlindungan anak yang dibuang oleh kedua ibubapa mereka. Setelah ditemui anak-anak ini, akta ini juga memperuntukkan perlindungan anak yang dibuang samada melalui pemeliharaan dan pengangkatan. Akta ini memperuntukkan:

*17(1)(e) kanak-kanak itu( i) tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga atau (ii)telah dibuang oleh ibu atau bapa atau penjaganya dan selepas siasatan yang munasabah ibu atau bapa atau penjaga itu tidak dapat ditemui,  
Dan tiada orang lain yang sesuai yang sanggup dan berupaya memelihara kanak-kanak itu;*

*30(1) Jika mahkamah bagi kanak-kanak berpuas hati bahawa mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapannya di bawah seksyen 19 atau 25 ialah seorang kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, mahkamah bagi kanak-kanak itu boleh:-*

*(e) dalam hal seseorang kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga yang telah terbuang sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan 17(1)(e), membuat satu perintah meletakkan kanak-kanak itu dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalan seorang ibu atau bapa peliharaan yang didapati sesuai oleh ketua pengarah selama tempoh dua tahun atau sehingga kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun, mengikut mana-mana yang lebih pendek, dan sementara menantikan itu, meletakkan kanak-kanak itu di suatu tempat selamat.<sup>145</sup>*

Akta ini seterusnya menyebut:

---

<sup>145</sup> Akta Kanak-kanak 2001 s. 30(1)(e)

*30(4) (b) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa langkah-langkah yang munasabah telah diambil oleh pelindung untuk mengesan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu, membuat suatu perintah menyerahkan kanak-kanak itu untuk diangkat oleh ibu atau bapa peliharaan itu atau mana-mana orang yang berhasrat untuk mengangkat kanak-kanak itu dan dalam mana-mana hal sedemikian-*

*30(4)(bb) Akta pengangkatan 1952( Akta 257)(dalam hal seseorang kanak-kanak yang tidak menganuti agama Islam), Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952( Akta 253) hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.<sup>146</sup>*

Peruntukan ini menyediakan perlindungan kepada kanak-kanak yang dibuang melalui pemeliharaan di mana, sekiranya ibu bapa kanak-kanak itu tidak dijumpai, anak tadi akan diletakkan di bawah jagaan orang lain melalui pemeliharaan atau pengangkatan. Jadi akta ini dengan jelas melindungi anak *Al-Laqa* walaupun tidak menyebut terma itu secara jelas.

Akta ini dengan jelas memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang tidak berasib baik seperti dibuang, dianinya dan diabaikan oleh ibubapa mereka. Selain itu akta ini juga menjatuhkan hukuman kepada pesalah yang membuang, menganinya dan mengabaikan kanak-kanak jika sabit kesalahan. Untuk melindungi kanak-kanak akta ini memberi perlindungan kepada mereka melalui kaedah anak pelihara dan anak angkat.

#### **4.1.2. Akta Pendaftaran pengangkatan 1952**

Akta pendaftaran pengangkatan 1952 juga menyediakan perlindungan kepada *Al-Laqa* dengan cara mengangkat mereka menjadi anak angkat. Ibubapa angkat boleh

---

<sup>146</sup> Ibid , s.30(4)(b)(bb)

membuat permohonan ke Pejabat Pendaftaran Negara dan boleh juga membuat permohonan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat . Pengangkatan ini tertakluk di bawah Akta Pendaftaran pengangkatan 1952 (Akta 253)<sup>147</sup> bagi orang Islam manakala Akta Pengangkatan 1952 ( Akta 257 ) bagi orang bukan Islam.

Akta ini terpakai kepada orang Islam dan bukan Islam. Walaubagaimanapun akta ini tidak bercanggah dengan *hukum shara'* kerana pengangkatan di bawah Akta 253 ini tidak memberikan apa-apa status anak kandung kepada anak angkat.<sup>148</sup>

Mengikut Seksyen 6(1) Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253), anak angkat bermaksud:

*Telah dalam jagaan dan dipelihara serta dididik oleh seseorang atau pasangan sebagai anaknya yang berterusan atau anak mereka secara anak angkat de facto selama 2 tahun sebelum tarikh permohonan.*

*De Facto* bermaksud seseorang kanak-kanak itu berada dalam jagaan, sedang dibesarkan, ditanggung dan dididik oleh mana-mana orang atau pasangan suami isteri bersama tidak kurang dari dua (2) tahun.<sup>149</sup>

Akta ini memudahkan orang-orang beragama Islam atau bukan beragama Islam mendaftarkan pengangkatan anak angkat mereka. Anak angkat dari keluarga Islam hanya dibolehkan berdaftar di bawah Akta ini.

---

<sup>147</sup> Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 ( Akta 253)

<sup>148</sup> *Ibid*, s.6

<sup>149</sup> <http://www.jpn.gov.my/soalanlazim/anak-angkat>

#### 4.1.3 **Kanun Keseksaan(Akta 574)**

Akibat berlakunya gejala pembuangan anak, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil memberitahu bahawa mereka yang terlibat dengan pembuangan bayi akan didakwa di bawah seksyen 302 dan 307 Kanun keseksan yang boleh membawa hukuman mati dan penjara 20 tahun jika sabit kesalahan.<sup>150</sup>

Kanun Keseksaan menetapkan beberapa peruntukan bagi memberi perlindungan kepada anak-anak ini antaranya:-

Seksyen 309A memperuntukkan:

*“Apabila seseorang perempuan, dengan sesuatu perbuatan atau ketinggalan yang bersengaja, menyebabkan kematian anaknya yang baru lahir, akan tetapi pada waktu perbuatan atau ketinggalan itu ia belum cukup pulih dari akibat melahirkan anak itu dan oleh sebab itu ketenteraman fikirannya pada waktu itu telah terganggu maka ia adalah melakukan kesalahan membunuh anak walaupun mengikut keadaanya kesalahan itu adalah terjumlah kepada kesalahan membunuh orang jika tidak kerana seksyen ini.”<sup>151</sup>*

Seksyen 309B memperuntukkan:

---

<sup>150</sup> Kosmo, Ogos 13, 2010, ”Buang Bayi boleh di hukum mati”.

<sup>151</sup> Kanun Keseksaan s.309A

*“ Barang siapa melakukan kesalahan membunuh anak hendaklah diseksa mengikut budibicara Mahkamah, dengan penjara yang boleh sampai dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.”*

Seksyen 302 memperuntukkan:

*“ Barangsiaapa yang melakukan kesalahan membunuh orang hendaklah diseksa dengan bunuh”*

Seksyen 307 memperuntukkan:

*“(1) Barang siapa melakukan apa-apa perbuatan dengan niat atau pengetahuan yang sedemikian dan dalam keadaan yang sedemikian bahawa jika ia, dengan perbuatan itu, menyebabkan kematian ia adalah melakukan kesalahan membunuh orang, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika perbuatan itu menyebabkan cedera kepada seseorang, maka pesalah itu bolehlah dikenakan penjara yang boleh sampai dua puluh tahun.”*

*(2) “Jika seseorang yang telah melakukan kesalahan di bawah seksyen ini masih menjalankan hukuman penjara seumur hidup, atau penjara selama dua puluh tahun bolehlah, jika ia menyebabkan cedera, diseksa dengan bunuh.”*

Seksyen 317 memperuntukkan:

*“ Barang siapa yang menjadi bapa atau ibu seorang kanak-kanak yang berumur kurang dari daripada dua belas tahun, atau yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak itu, mendedah atau meninggalkan kanak-kanak itu dengan niat hendak*

*membuang kanak-kanak itu sama sekali, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.”*

\

Dalam hal ini, sebagaimana dilaporkan dalam Berita Harian bertarikh 11 April 2010 di mana seorang ibu muda bernama Menti Buda, 23 tahun dari Kuching, Sarawak telah didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh bayinya dengan membuang bayi ke dalam longkang. Beliau didakwa yang jika sabit kesalahan akan membawa hukuman gantung sampai mati.<sup>152</sup>

Mengikut akta ini juga, sebarang pengguguran bayi, pembuangan bayi, merahsiakan kelahiran bayi dengan cara mengebumikan mayatnya secara rahsia adalah satu kesalahan dan jika sabit kesalahan berhak menerima hukuman.<sup>153</sup> Begitu juga dalam Berita Harian bertarikh 3 Julai 2010 melaporkan bahawa seorang wanita Indonesia, Rusmiyah, 22 tahun telah mengaku bersalah atas tuduhan membuang bayi di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara hingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.<sup>154</sup> Jadi, bagi anak yang meninggal dunia atau dibunuh oleh pasangan yang terlanjur jika dapat dikenal pasti, perlu mendapat hukuman yang setimpal sebagai pengajaran kepada pasangan lain agar tidak mengambil tindakan yang sama.

Daripada peruntukan di atas, jelas menunjukkan bahawa pembuangan anak adalah satu kesalahan yang serius dan perlu ditangani dengan bersungguh-sungguh. Sekiranya tidak ditangani dengan serius maka selagi itulah masalah ini tidak akan dapat

---

<sup>152</sup> Berita Harian, April 11, 2010 “Pelayan Kedai Kena Dakwa Bunuh Bayi”

<sup>153</sup> Op. cit ,Kanun Keseksaan, s. 312-318.

<sup>154</sup> Berita Harian, Julai 3, 2010 “Wanita Indonesia mengaku membuang bayi di tong sampah”

diatasi. Selain itu akta ini juga menunjukkan undang-undang negara memberi perlindungan sepenuhnya kepada kanak-kanak.

#### 4.1.4 Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506)

Akta Pusat Jagaan 1993 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan pusat-pusat jagaan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Perkhidmatan sosial di negara ini telah berkembang dengan begitu pesat sekali khususnya kalau dilihat dalam bidang kebijakan di mana berbagai perkhidmatan disediakan untuk memenuhi keperluan golongan tertentu. Pelbagai institusi-institusi kerajaan ditubuhkan untuk memberi jagaan, perlindungan dan latihan kepada golongan sasaran tertentu seperti orang cacat, orang-orang tua yang mlarat, **kanak-kanak yang terbiar**, remaja yang terdedah kepada kerosakan akhlak dan juga kalangan keluarga yang ditimpa oleh berbagai masalah sosial.

Selain daripada perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan, terdapat juga anggota masyarakat yang sangat bersimpati untuk bersama-sama menyumbang mengatasi masalah sosial ini. Mereka ini telah menujuhkan pelbagai pertubuhan sukarela untuk memberi khidmat kepada golongan masyarakat yang kurang bernasib baik. Maka wujud lah institusi-institusi seperti Rumah Anak Yatim dan Miskin, Rumah Orang Tua, Rumah Perlindungan serta Pusat-Pusat bagi golongan cacat dan sebagainya.

Jadi daripada akta-akta yang disebutkan ini menunjukkan bahawa negara kita malaysia sangat perihatin dan memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang dianaya termasuklah memberi perlindungan kepada *Al-Laqīt*

## **4.2 KEDUDUKAN DAN PERLINDUNGAN DALAM MASYARAKAT**

Di Malaysia, terdapat beberapa agensi yang penting untuk menjaga dan melindungi *Al-Laqīt*. Agensi inilah yang berperanan untuk melindungi dan menjaga anak-anak yang teraninya dan terabai ini. Agensi-agensi tersebut ialah:-

### **4.2.1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)<sup>155</sup>**

Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir bin Mohamed pada 17 Januari 2001. Fungsi Kementerian kemudiannya telah diperluaskan dan ditukar namanya kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) mulai 15 Februari 2001. Sehubungan itu, Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah diletakkan di bawah Kementerian ini. HAWA kemudiannya di struktur semula dan di kenali sebagai Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Selepas Pilihan Raya Umum Kesebelas pada bulan Mac 2004, fungsi dan tanggungjawab KPWK telah diperluaskan lagi. Pada 27 Mac 2004 fungsi Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah dibubarkan, dan telah dipindahkan ke KPWK. Selaras dengan

---

<sup>155</sup> Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, [http://www.kpwkm.gov.my/new\\_index.php?lang=malay](http://www.kpwkm.gov.my/new_index.php?lang=malay), 22 Julai 2009

pertubuhan tersebut, KPWK telah ditukar nama menjadi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

KPWKM dipimpin oleh Y.B. Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Timbalannya ialah Senator Datin Paduka Chew Mei Fun. KPWKM bertanggungjawab untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya peranan golongan wanita dan institusi kekeluargaan untuk mencapai agenda pembangunan negara. Masyarakat juga diberi kesedaran dan bimbingan dalam aspek pembangunan sosial terutamanya kebijakan masyarakat, bagi mencapai matlamat ke arah mewujudkan masyarakat penyayang dan masyarakat maju selaras dengan Wawasan 2020.

## **Objektif**

- i. Meningkatkan penyertaan dan peranan aktif wanita, keluarga dan masyarakat sebagai penyumbang dan penerima faedah pembangunan negara
- ii. Memelihara hak-hak kepentingan wanita, keluarga dan masyarakat dengan adil dan saksama tanpa unsur diskriminasi
- iii. Memperluaskan peluang yang saksama kepada wanita dan masyarakat dalam bidang sosial, ekonomi dan politik
- iv. Memantapkan institusi keluarga
- v. Mempastikan sistem penyampaian dan sokongan yang cekap dan berkesan.

#### **4.2.2 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)<sup>156</sup>**

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah ditubuhkan dalam tahun 1946. Di dalam jangkamasa 57 tahun, JKM telah mengalami evolusi dalam memenuhi peranannya di dalam pembangunan negara. Bermula dengan penglibatan menangani pelbagai masalah yang timbul akibat Perang Dunia Kedua, peranan dan fungsi Jabatan ini telah berkembang kepada perkhidmatan pencegahan dan pemulihan dalam isu-isu sosial serta pembangunan masyarakat.

JKM adalah satu agensi yang terletak di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Jabatan ini diberi tanggung jawab khusus untuk melindungi anak-anak yang dibuang, terdampar dan terbiar.

#### **Objektif**

- i Memberi perlindungan pemulihan dan kepada kumpulan sasar Jabatan.
- ii Membangunkan masyarakat melalui perubahan sikap dan peningkatan keupayaan untuk berdikari.
- iii Mewujudkan masyarakat yang berbudaya penyayang.
- iv Meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial yang profesional dan perkongsian tanggungjawab yang strategik.

JKM berperanan untuk memberi penjagaan dan perkhidmatan kepada kanak-kanak. Perkhidmatan kanak-kanak menyediakan perkhidmatan melindungi kanak-kanak daripada semua bahaya termasuk jenis penyalahgunaan, penyeksaan, penderaan,

---

<sup>156</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat, <http://www.jkm.gov.my>, 22 Julai 2009

diskriminasi dan eksploitasi. Di samping itu penekanan khusus diberi kepada perkembangan sihat kanak-kanak dari segi fizikal, sosial, emosi dan mental. Mereka juga dilengkapi dengan nilai dan sikap yang sesuai supaya mereka mempunyai haluan dan tujuan sebagai generasi dan pemimpin masa hadapan. Tujuannya adalah untuk mencegah dan mengurangkan kesan masalah sosial ke atas kanak-kanak serta menentukan penjagaan, perlindungan dan pendidikan yang baik bagi kanak-kanak.

JKM mensasarkan kanak-kanak yang memerlukan perkhidmatan/ bantuan untuk mengekalkan kedudukan mereka dalam keluarga sendiri atau keluarga ganti. Mereka memberikan perkhidmatan penjagaan dan perlindungan kepada kanak-kanak yang tersisih dari keluarga, dianiaya atau terbiar .

Antara kategori kanak-kanak yang dilindungi oleh JKM ialah:-

- i) Kanak-kanak yang teraniaya dan terbiar
- ii) Kanak-kanak yang mengemis
- iii) Kanak-kanak yang tiada tempat tinggal
- iv) Kanak-kanak terbuang/terdampar (*Al-Laqīt*)**
- v) Kanak-kanak mangsa perbalahan keluarga
- vi) Kanak-kanak yatim piatu<sup>157</sup>

Dari segi perlindungan kanak-kanak ini terdapat dua jenis perkhidmatan yang diwujudkan iaitu:-

---

<sup>157</sup> *Ibid*

a) **Perkhidmatan Institusi**

- i. Rumah Kanak-Kanak
- ii. Rumah Tunas Harapan
- iii. Pusat Perlindungan Khas (Kanak-Kanak)
- iv. Rumah Perlindungan Ehsan (Kanak-Kanak Jalanan) Kota Kinabalu

b) **Perkhidmatan Luar**

- i. Anak Pelihara
- ii. Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (PPKK) dan Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK)
- iii. Program Khidmat Saksi<sup>158</sup>

**4.2.3 Jabatan Pendaftaran Negara(JPN)<sup>159</sup>**

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Ia bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.

Jabatan Pendaftaran Negara ditubuhkan selepas Peraturan-peraturan Dharurat (Kawasan - kawasan Pendaftaran) 1948 dikuatkuasakan sebagai salah satu langkah

---

<sup>158</sup> *Ibid*

<sup>159</sup> Jabatan Pendaftaran Negara, <http://www.jpn.gov.my/>, 22 Julai 2009

untuk menentang ancaman keselamatan. Peraturan-peraturan ini memerlukan semua penduduk supaya mendaftar dan memperolehi kad pengenalan apabila mencapai umur 12 tahun ke atas. Jabatan ini juga telah diberi fungsi tambahan iaitu untuk mendaftarkan semua peristiwa penting yang merangkumi pendaftaran kelahiran, kematian, anak angkat, perkahwinan, perceraian dan kewarganegaraan.

Namun begitu dalam kes pembuangan anak, bayi-bayi yang dijumpai tidak dapat ditentukan lagi status kewarganegaraan, keturunan dan agama. Yang dapat dilakukan oleh JPN ialah mengeluarkan surat beranak bayi tersebut sahaja. Status agama dan warganegara ini pula mengambil masa yang lama melainkan jika ada tuntutan dan permohonan daripada ibubapa pelihara atau bapa angkat.<sup>160</sup>

JPN menawarkan khidmat anak angkat bagi yang ingin menjadikan anak di RKK sebagai anak angkat. JPN dan JKM kedua-duanya bekerjasama untuk menjaga dan melindungi *Al-Laqa* ini dari segi status nama, hak dan kerakyatan mereka.

---

<sup>160</sup> Wan Zabariah Bt Wan Harun, Penolong Pengarah Kanak-Kanak, JKM. Temubual pada 17 September 2009

## 4.3 MEKANISME PERLINDUNGAN

Terdapat 2 cara untuk memberi perlindungan kepada *Al-Laqaṭ* iaitu:-

### 4.3.1.Pengangkatan

Pengangkatan ( *Tabanni* ) ialah menjadikan anak orang lain sebagai anaknya sendiri. Ia dikenali juga dengan istilah anak angkat dan anak pungut. Anak tersebut akan mempunyai status sama dari segi hubungan darah dan kekeluargaan serta hak yang dikongsi bersama bersama dengan anak kandung samada daripada segi hak penjagaan, hak nafkah, pewarisan harta pusaka keturunan dan sebagainya. Walaubagaimanapun pengangkatan seperti ini haram di dalam Undang-Undang Islam.<sup>161</sup>

Firman Allah:

وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ ۝ ذَلِكُمْ قَوْلُكُمْ بِأَفْوَهِكُمْ ۝ وَاللَّهُ يَقُولُ  
الْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِي الْسَّبِيلَ ﴿٤﴾ أَدْعُوهُمْ لِأَبَاهِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ  
فَإِنْ لَمْ تَعْلَمُوا إِبَاهِهِمْ فَإِخْوَنُكُمْ فِي الدِّينِ وَمَوَالِيْكُمْ

Sūrah Al-Ahzāb (33): 4-5

Maksudnya:

“4) Dan Ia juga tidak menjadikan anak-anak angkat kamu, sebagai anak kamu sendiri.(segala yang kamu da`wakan mengenai perkara-perkara) yang tersebut itu hanyalah perkataan kamu dengan mulut kamu sahaja, Dan (ingatlah) Allah menerangkan yang benar dan Dialah jua yang memimpin ke jalan yang betul.5) Panggillah anak-anak angkat itu dengan berbinkan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah,Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui

<sup>161</sup> Azizah Mohd(2007), *Pengangkatan dan Pemeliharaan Anak*, Undang-Undang Keluarga Islam,j. 14. Kuala Lumpur: DBP, h. 282, 'Atiyyah Saqar(t.t), *Al-Fatāwa: Min Ahsan Al-Ahkām Fī Al-Fatāwa Wa Al-Ahkām*,j. 2. Qāherah: Al-Maktabah Al-Tawfiqiyah, h. 246

*bapa-bapa mereka, maka panggilah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagma dan sebagai ‘maula-maula’<sup>162</sup> kamu.”*

Undang-undang Islam mengiktiraf pengangkatan yang bertujuan untuk memberi pertolongan dan menunaikan tanggungjawab sebagai seorang muslim. Islam juga membenarkan pengangkatan bagi tujuan membenarkan pasangan yang tidak mempunyai anak merasa kasih sayang seorang anak. Namun haruslah berlandaskan prinsip-prinsip agama Islam yang mana seorang anak itu tidak akan berubah status keturunan dan tidak dibinkan dan dibintikkan kepada ayah angkatnya.<sup>163</sup>

Tiada peruntukan undang-undang yang khusus mengenai pengangkatan dalam enakmen negeri-negeri di Malaysia. Tetapi terdapat satu peruntukan mengenai kewajipan menanggung nafkah kanak-kanak yang diterima sebagai ahli keluarga secara tidak langsung boleh diguna pakai untuk memberi nafkah kepada anak angkat.<sup>164</sup>

#### **4.3.2 Pemeliharaan**

Pemeliharaan merujuk kepada mengambil seorang kanak-kanak ke dalam jagaan seseorang.<sup>165</sup> ia dikenali juga anak pelihara mengikut istilah JKM. Pihak JKM mendefinisikan sebagai anak yang dipelihara oleh ibu atau bapa peliharaan dengan kelulusan mahkamah di bawah *Seksyen 30(1)(b)* atau kelulusan ketua pengarah kebajikan masyarakat Malaysia bagi kanak-kanak itu ditempatkan di tempat selamat di bawah *seksyen 30(1)(b)* Akta Kanak-kanak 2001.<sup>166</sup> Pemeliharaan ini bertujuan untuk menjaga dan memelihara kanak-kanak tersebut. Walaubagaimanapun tiada konsep

---

<sup>162</sup> Bekas Hamba

<sup>163</sup> Azizah Mohd(2007), *op.cit*, h. 301

<sup>164</sup> *Ibid* ,h. 303

<sup>165</sup> *Ibid* ,h. 311

<sup>166</sup> Puan Rosmaini Ahmad, *Perlindungan hak anak tak sah taraf :Amalan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia*, Seminar Isu-Isu Mahkamah Syariah ke 8 pada 9hb Mei 2008

pemeliharaan begini dalam Islam. Konsep pemeliharaan dalam Islam adalah sama dengan konsep pengangkatan dalam Islam.

JKM mempraktikkan konsep anak pelihara ini secara meluas. Namun tiada peruntukan yang khusus untuk pemeliharaan kecuali seksyen 78 yang juga terpakai dalam kes pengangkatan.<sup>167</sup>

Pemeliharaan dan pengangkatan adalah satu cara yang baik dan berkesan untuk melindungi *Al-Laqa* kerana ia menyediakan kehidupan berkeluarga kepada mereka. Di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), khidmat pengambilan anak angkat dan anak pelihara ini merujuk kepada penempatan kanak-kanak yang tiada keluarga kepada keluarga angkat supaya mereka dapat terus menikmati kebahagian hidup berkeluarga. Khidmat keluarga pelihara diuruskan oleh JKM manakala khidmat anak angkat diuruskan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).<sup>168</sup>

Institusi ini ditubuhkan bertujuan untuk menyediakan jagaan dan perlindungan gantian kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik agar menjamin pertumbuhan jasmani dan emosi yang sihat dalam suasana yang tenteram dan selamat. Kanak-kanak yang diperintah masuk ke Rumah Kebajikan kanak-kanak(RKK) adalah terdiri daripada kanak-kanak yang didapati didera dan terabai. Kemasukan ke RKK adalah melalui Perintah Mahkamah sebagaimana dinyatakan dalam Akta Kanak-kanak 2001 iaitu:

- a) Seksyen 19(1), kemasukan sementara bagi tujuan siasatan Pegawai Pelindung.

---

<sup>167</sup> Azizah Mohd(2007), *Pengangkatan dan Pemeliharaan Anak*, Undang-Undang Keluarga Islam,j. 14. Kuala Lumpur: DBP, h. 314.

<sup>168</sup> Wan Zabariah Bt Wan Harun, Penolong Pengarah Kanak-Kanak, JKM. Temubual pada 17 September 2009

- b) Seksyen 30(1)(d), Perintah Tetap yang meletakkan kanak-kanak di tempat selamat selama 3 tahun dari tarikh perintah itu atau sehingga kanak-kanak berusia 18 tahun, atau yang mana lebih pendek.
- c) Seksyen 30(1)(e), meletakkan kanak-kanak sehingga dipindahkan kepada keluarga pelihara.<sup>169</sup>

#### **4.4 KESIMPULAN**

Undang-undang Islam yang ada di negara kita perlu dikemaskini dan diselaraskan di semua negeri. Selain itu kegunaannya perlu diperluaskan agar undang-undang Islam dapat diperkasakan di Malaysia. Ini penting kerana undang-undang Islam adalah untuk orang-orang Islam.

Masalah *Al-Laqaṭ* masih belum ada dalam undang-undang Shariah Islam walaupun ianya sudah wujud dalam kitab-kitab Feqh Islam, justeru undang-undang Shariah Islam perlu diberi bidangkuasa terutamanya untuk mengendalikan kes *Al-Laqaṭ*, anak angkat dan anak pelihara. Tapi sayangnya ia berada di bawah perlindungan undang-undang sivil. Justeru penulis menggesa agar masalah *Al-Laqaṭ* diperuntukkan di bawah undang-undang Islam untuk menjamin lagi kedudukan dan perlindungan *Al-Laqaṭ*.

Namun begitu, negara kita Malaysia melindungi kanak-kanak yang dianaiayai termasuklah *Al-Laqaṭ* walaupun ia tidak dinyatakan secara jelas namun ia dilindungi melalui penafsirannya seperti akta kanak-kanak 2001, akta pendaftaran pengangkatan 1952, kanun keseksaan dan akta pusat jagaan 1993.

---

<sup>169</sup> Jabatan Kebajikan Masyarakat  
[http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?option=com\\_content&view=article&id=5&Itemid=893&lang=ms](http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?option=com_content&view=article&id=5&Itemid=893&lang=ms) 28 Disember 2010

Justeru itu di Malaysia , Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensinya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan badan yang berperanan untuk menjaga kebajikan serta memberi perlindungan kepada mereka sehingga mereka berumur 18 tahun. Selain itu masyarakat juga diberi peluang untuk memelihara mereka melalui kaedah anak pelihara dan anak angkat

Hal ini juga menunjukkan bahawa pengangkatan dan pemeliharan kanak-kanak boleh menjadi satu mekanisme yang utama untuk melindungi kanak-kanak yang tidak beribu bapa selain memberi mereka pengalaman mempunyai ibu dan bapa.

## **BAB V**

### **PENUTUP**

#### **5.1 KESIMPULAN**

Dalam bab ini, penulis akan membuat kesimpulan dan cadangan terhadap penulisan yang dibuat di bawah tajuk “*Kedudukan dan Perlindungan Hak Anak Buangan (Al-Laqaṭ) menurut Undang-Undang Islam dan Masyarakat di Malaysia*” seperti yang telah di bincangkan pada bab-bab yang terdahulu. Sebagai kesimpulan utama daripada penulisan tersebut dirumuskan seperti berikut:;

- (i) Anak adalah anugerah Allah yang tidak ternilai yang diberikan kepada manusia untuk meneruskan zuriat keturunan manusia di dunia ini. Justeru itu Islam menyuruh manusia meramaikan keturunannya dengan cara yang sah dan halal iaitu melalui perkahwinan. Islam amat melarang keras perhubungan bebas dan perbuatan zina apatah lagi pembuangan bayi yang akhirnya akan merosakkan institusi kekeluargaan Islam.
  
- (ii) Terdapat dua faktor utama yang membawa kepada gejala pembuangan bayi iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor-faktor dalaman yang utama seperti kejahilan, keghairahan mengikut hawa nafsu dan ingin tahu dan percintaan. Manakala faktor luarannya pula ialah pengaruh budaya barat, pengaruh rakan sebaya, pengaruh media massa dan teknologi maklumat serta sikap keluarga.

(iii) Kesan masalah pembuangan bayi ini membabitkan individu, keluarga,

masyarakat dan negara . Gejala ini tidak akan disembuhkan sepenuhnya jika tiada kerjasama antara semua pihak. Dengan berleluasanya masalah pembuangan bayi maka selama itulah juga wujudnya masalah *Al-Laqaṭ* .

(iv) Di Malaysia, didapati bahawa kewujudan *Al-Laqaṭ* adalah disebabkan oleh masalah pembuangan bayi. Bayi-bayi yang dibuang dan tiada yang datang menuntut menjadikan mereka sebatang kara dan tiada keturunan. Maka mereka akan dipelihara oleh kerajaan melalui Jabatan Kebajikan masyarakat ( JKM)

(v) Terdapat 10 buah Rumah Kebajikan Kanak-kanak(RKK) di Malaysia di bawah JKM iaitu RKK Tengku Budriah, Cheras; RKK Tengku Ampuan fatimah Kuantan, Pahang; RKK Taman Bakti di Seberang Perai dan RKK Sultan Abdul Aziz di Kuala Kangsar, Perak , RKK Arau, RKK Rembau, RKK Durian Daun, Melaka, RKK Serendah, RKK Kota Kinabalu dan RKK Kuching.

(vi) Bilangan *Al-Laqaṭ* yang berumur 12 tahun ke bawah yang berada di bawah JKM tahun 2007-2009 seperti berikut iaitu RKK Sultan Abdul Aziz Kuala Kangsar, Perak seramai 18 orang, RKK Taman Bakti, Kepala Batas, Pulau Pinang seramai 15 orang, RKK Tengku Budriah, Cheras, Kuala Lumpur seramai 93 orang, RKK Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan, Pahang seramai 28 orang. Manakala yang berumur 12 tahun ke atas pula iaitu RKK Arau seramai 7 orang, RKK Rembau seramai 13 orang.

(vii) Bagi kes *Al-Laqaṭ* yang ditemui, kedudukannya di Malaysia adalah sebagai anak yang statusnya belum ditentukan. Walhal menurut hukum shara' mereka adalah bebas dan beragama Islam jika ditemui di negara yang didiami oleh Islam. Pihak JKM akan membuat iklan di dalam akhbar untuk mengesahkan warisnya jika ada. Namun sekiranya tidak dituntut maka anak-anak itu akan ditempatkan di RKK dengan perintah Mahkamah sehingga mereka berumur 18 tahun. Anak ini layak untuk dijadikan anak pelihara sekiranya berumur kurang dari 2 tahun. Keluarga pelihara lebih berminat mengambil kanak-kanak yang di bawah umur 2 tahun berbanding dengan kanak-kanak berumur 2 tahun ke atas.

(viii) *Al-Laqaṭ* bererti anak buangan atau anak terdampar yang ditemui di jalan tanpa diketahui siapa ibubapa atau keturunannya. Namun di Malaysia kewujudan *Al-Laqaṭ* adalah berpunca dari anak buangan yang tidak dituntut .

(ix) *Al-Laqaṭ* berbeza dengan anak tak sah taraf di mana ianya tidak boleh dinasabkan kepada bapa atau ibunya kerana tidak diketahui keturunannya sebaliknya anak tak sah taraf hanya tidak boleh dinasabkan kepada bapanya kerana bukan anak dari perkahwinan yang sah dan hanya boleh dinasabkan kepada ibunya dan kaum kerabat ibunya sahaja.

(x) Kedudukan dan perlindungan *Al-Laqaṭ* adalah di bawah tanggungjawab pemerintah sepenuhnya sekiranya tiada orang yang memeliharanya yang meliputi perlindungan, nafkah, pembelajaran , tempat tinggal dan lain-lain. Mereka juga dilindungi oleh undang-undang di Malaysia melalui Akta kanak-kanak 2001, Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, Akta Kanun Keseksaan

(Akta 574) dan Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506). Walaupun istilahnya tidak secara langsung disebut dalam akta-akta tersebut tetapi apa yang termaktub adalah merujuk kepada mereka. Malangnya *Al-Laqaṭ* tidak termaktub dalam undang-undang Islam melalui enakmen-enakmen undang-undang Shariah walaupun masalah ini banyak dibincangkan dalam kitab-kitab feqah.

(xi) Pengangkatan ( mengambil sebagai anak angkat ) dan pemeliharaan (mengambil sebagai anak pelihara) sebagai satu mekanisme untuk memberi kedudukan dan perlindungan kepada *Al-Laqaṭ* di Malaysia. Ini merupakan satu cara yang mulia disisi agama. Melalui cara ini kebajikan mereka dilindungi melalui proses anak angkat atau anak pelihara. Dengan ini dapatlah mereka merasa kehidupan mempunyai keluarga sebagaimana anak-anak lain.Namun begitu ia mestilah mengikut cara yang dibenarkan oleh Islam.

## 5.2 CADANGAN

### 5.2.1 Cadangan Kepada Individu

(i) Setiap individu terutama individu muslim mestilah memainkan peranan yang penting dalam menghadapi masalah keruntuhan akhlak dan moral ini. Mereka perlu membekalkan diri dengan ilmu dan asas agama yang kukuh kerana masalah sosial membabitkan mereka kini semakin membimbangkan. Ini penting untuk melahirkan jatidiri dan iman yang kuat agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan perkara-perkara yang akan merugikan mereka. Diri individu itu sendiri mahu untuk mengatakan `tidak` kepada masalah sosial tersebut. Dengan ini mereka akan sentiasa berwaspada dan tidak mudah terjebak. Mereka

juga perlu bersama-sama dengan masyarakat, keluarga dan pemerintah untuk mengatasi masalah ini.

- (ii) Individu terutamanya remaja perlu didedah kepada pendidikan seks yang sempurna dan pendidikan agama yang berkesan baik formal atau tidak formal. Mereka juga perlu diberitahu tentang kebaikan dan keburukan , sebab dan akibat dari perbuatan dan perlakuan yang mereka lakukan dan mereka harus bertanggungjawab atas perbuatan itu.. Mereka perlu disedarkan tentang akibat perbuatan mereka terutamanya perbuatan buruk yang akan membawa kerosakan kepada diri sendiri, keturunan, keluarga, masyarakat, agama dan negara.
- (iii) Mereka perlu aktif dan melibatkan diri dengan masyarakat terutama melibatkan diri dalam program-program kebajikan yang berfaedah seperti program motivasi, program kebajikan, khidmat masyarakat, program keagamaan dan lain-lain.

### **5.2.2 Cadangan Kepada Keluarga**

- (i) Ibubapa perlu sentiasa memantau anak mereka bermula dari kecil hingga remaja termasuk mengetahui dengan siapa mereka berkawan, macamana integriti rakan-rakan mereka, bagaimana keadaan mereka di sekolah dan macamana pergaulan mereka luar sekolah.

(ii) Ibubapa juga mesti menitikberatkan pengetahuan agama kepada anak-anak mereka secara formal atau tidak formal. Asas agama yang kukuh akan dapat menyelamatkan diri anak-anak dari segala masalah sosial dan keruntuhan akhlak.]

(iii) Bagi yang ingin mengambil anak angkat atau anak pelihara, dinasihatkan kepada keluarga angkat atau keluarga pelihara untuk memberikan penyusuan kepada anak-anak yang dibela untuk menukar status mereka menjadi anak susuan. Ini adalah untuk menghalalkan hubungan anak tersebut dengan ibubapa angkatnya. Kerana status anak susuan ini sama dengan adik beradik seibu seberapa.

(iv) Ibubapa jangan mudah melatah jika terdapat anak-anak mereka yang mengandung anak luar nikah. Mereka harus menerima anak mereka dengan baik walaupun anak mereka sudah memalukan mereka. Justeru sikap mereka yang terlalu memarahi dan membuang anak mereka inilah yang menyebabkan anak mereka akan merasa diri mereka sudah tidak berguna dan hilang harga diri, tambahan pula jika teman lelakinya pula tidak mahu bertanggungjawab. Keadaan inilah yang akan mendorong gadis malang itu tadi akan mengugurkan, membuang dan membunuh bayinya. Lebih buruk lagi mereka akan mudah terjerumus untuk menjadi bohsia atau pelacur. Oleh itu ibubapa perlu pandai menangani masalah ini dengan sebaiknya agar tidak menyesal.

### **5.2.3 Cadangan Kepada Pihak Berkuasa/Kerajaan**

- (i) Meletakkan peruntukan berkenaan *Al-Laqaṭ* dalam Undang-undang Islam melalui enakmen negeri-negeri serta nyatakan kedudukan mereka secara jelas dan meletakkan bidang kuasa di bawah Mahkamah Shariah. Begitu juga dengan peruntukan berkenaan pemeliharaan dan pengangkatan. Ini amat penting terutamanya berkaitan garis panduan yang dibenarkan dalam Islam.
- (ii) Mengguna pakai kaedah penetapan agama sebagaimana yang telah ditetapkan oleh ulama-ulama dalam kitab-kitab feqah. Memberikan bidangkuasa itu kepada mahkamah syariah untuk menguruskannya.
- (iii) Selain dari memberi perlindungan hak, peruntukan tentang pencegahan juga perlu dikaji semula agar langkah pencegahan lebih berkesan. Di samping itu, peruntukan berkenaan hukuman ke atas pasangan yang terlibat membuang anak jika disabitkan harus dimasukkan dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah. Ini penting untuk mendakwa mereka yang terlibat di Mahkamah Shariah. Secara tidak langsung dapat memperkasakan Mahkamah Shariah itu sendiri.
- (iv) Memperkenalkan undang-undang yang tegas terhadap pesalah yang terlibat dengan pembuangan anak samada anak yang dibuang itu hidup atau mati. Sekiranya undang-undang yang tegas dikuatkuasakan sudah pasti dapat mengurangi kes pembuangan bayi . Hukuman itu pula mestilah adil dan melibatkan semua pihak yang terlibat iaitu pihak lelaki dan perempuan. Malahan

hukuman yang dikenakan dapat mencegah orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama.

(v) Jika perlu, sampel bayi diuji dengan ujian DNA(*Deoxyribonucleic Acid*) untuk menentukan status pasangan yang terlibat dengan anak yang dibuang itu. Ini dilakukan hanya untuk mencari siapa yang terlibat dan seterusnya mendakwa mereka dan jika sabit kesalahan menghukum mereka dengan saksama.

(vi) Pihak berkuasa perlu menyiasat dan memastikan bahawa mereka yang terlibat dengan masalah ini bukan mangsa penganiayaan seperti menjadi mangsa deraan seks, rogol dan sindiket pelacuran. Mereka yang terlibat dengan masalah ini perlu diberi pertolongan dan kekuatan agar mereka tidak merasa tersisih oleh keluarga dan masyarakat.

(vii) Pendidikan seks perlu diajar dan diberikan kepada remaja yang berumur bawah 18 tahun samada melalui seminar-seminar atau pendidikan seks diajar di sekolah-sekolah. Ini bukanlah bertujuan untuk menambahkah masalah sosial sebaliknya untuk memberitahu mereka pendidikan seks yang betul , sehat dan mengikut tuntutan agama.

(vii) Mengukuhkan dan memantapkan pendidikan agama di sekolah rendah dan menengah, mengkaji semula silibus yang diajar jika perlu. Pastikan pendidikan agama samada formal atau tidak formal diberikan keutamaan kepada semua pelajar. Selepas itu buat pemantauan dari semasa ke semasa agar nilai-nilai agama menjadi pegangan pelajar.

(viii) Mewujudkan rumah perlindungan kepada ibu-ibu yang terlanjur atau yang teraninya. Tujuan dibina rumah perlindungan ini bukanlah untuk mendorong mereka mengandung anak luar nikah, tetapi lebih kepada memberi kesedaran dan menjaga anak-anak yang dikandung itu agar tidak digugurkan, dibuang atau dibunuh. Walaupun di Melaka telah diwujudkan sekolah kepada ibu-ibu terlanjur yang mengandung, tetapi ia perlu dikaji dengan lebih teliti lagi, begitu juga dengan penyediaan ‘*baby hatch*’ untuk menjaga bayi yang dibuang juga perlu dikaji dari segi positif dan negatifnya kerana takut disalahgunakan.

(ix) Menyekat dan menapis budaya-budaya yang datang dari luar melalui hiburan, filem-filem, majalah-majalah, fesyen-fesyen, pemikiran dan lain-lain. Ini adalah supaya anasir-anasir yang datang itu tidak bertentangan dengan adat ketimuran dan pegangan agama kita.

(x) Pemimpin yang memimpin negara perlu peka dan tegas dalam menghadapi masalah seperti ini. Amanah dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat perlu ditunaikan dengan sebaik-baiknya. Ini penting untuk memartabatkan agama, bangsa dan negara.

(xi) Kerajaan perlu memperkasakan lagi Jabatan Kebajikan Masyarakat(JKM) terutamanya dalam menangani masalah *Al-Laqīt* . Ini bertujuan untuk meningkatkan lagi peranan yang dimainkan oleh kerajaan dalam memberi perlindungan ke atas *Al-Laqīt*.

Daripada penulisan ini, penulis berharap semua pihak dapat mengetahui tentang duduk perkara berkaitan masalah pembuangan anak dan kehadiran *Al-Laqa* versi Malaysia' ini serta mengetahui betapa teruknya masalah ini sekarang. Perbuatan umat zaman jahiliyah kembali berulang di zaman moden ini malah lebih teruk lagi. Relakah kita melihat anak-anak yang tidak berdosa dibunuh dan dibuang sesuka hati?. Mahukah kita melihat anak-anak gadis kita menjadi seorang penzina dan pembunuh?. Tentulah tidak. Oleh itu, kita harus sedar bahawa masalah ini adalah masalah kita bersama, kerana jika masalah ini tidak dihilangkan akan menyebabkan nama baik agama, bangsa dan negara kita akan tercemar. Janganlah disebabkan 'nila setitik akan rosak susu sebelanga'.

Di harap semoga semua pihak memahami tugas masing-masing dan bekerjasama antara satu sama lain untuk menyelesaikan masalah ini serta menaikkan imej masyarakat Islam khususnya dan masyarakat Malaysia secara umumnya. "Islam itu tinggi dan tiada agama yang lebih tinggi daripadanya".

## BIBLIOGRAFI:

Al-Qur'an al-Karim.

*Al-Qur'an dan Terjemahnya :Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, Darul fikir Malaysia, 1422H dengan izin dan di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

‘Abd. Halim Hj. Mat Diah, (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya.

‘Abd. Karīm Zaydān (t.t), *Al-Mufaṣṣal Fī Ahkām Al-Mar'ah Wa Al-Bayt Al-Muslim Fī Shāri‘ah Al-Islāmiyah*, j. 9, Muassasah Al-Risālah.

‘Abdullah Nāṣīḥ ‘Ulwān ( 1996), *Tarbiyah Al Awlād Fī Al-Islām* ,j. 1. Beirūt, Lubnān : Dār Al-Fikr A-Mu‘āşir.

Abdul Rahman Embong (2002), “Faktor Ideologi Politik dan Budaya Dalam Penutupan Minda Melayu Islam”, (Kertas Kerja Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam, 29-31 Januari 2002).

Abī ‘Abd Al-Rahmān Al-Sharf Al-Ḥaq Al-‘Aẓīm Ābādī (2005), ‘Awn Al-Ma‘būd ‘Alā Sharḥ Sunan Abī Dawūd j. 1, Beirut, Dār Ibnu Ḥazam,

Abī Ishāq Burhan Al-Dīn Ibrāhīm Bin Muḥammad Al-Ḥanbalī (2000), *Al-Mubdī’ Fī Sharḥ Sharḥ Al-Muqni’*, j. 5, Maktabah Al-Islāmi.

Abī Muḥammad Maḥmūd Bin Muḥammad ‘Ainainī(1990) (1990), *Al-Banāyah Fī Sharḥ Al-Hidāyah*, j. 6, Beirūt, Dār Al-Fikr.

Abū Walīd Muḥammad Al-Qurtub Al-Andalūsī (1996),*Bidāyah Al-Mujtahid Wa Nihāyah Al-Muqtasid*, j. 5, Beirūt: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyah  
Ahmad Faizal B. Sudin Ali , Penolong Pengarah Hal Ehwal Agama Islam (Bahagian Warga Tua dan Keluarga), JKM. Temubual pada 7 Oktober 2009.

Aḥmad Naṣīr Al-Jundī (2000), *Al-Nasab Fī Al-Islām Wa Al-Arhām Al-Badaliyah*, Egypt: Dār Al-Kutub Al-Qanūniyah.

Ahmad Mahdzan Ayub, (1985), *Kaedah penyelidikan Sosioekonomi: Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

‘Alāmah Ibnu Manzūr (1993), *Lisān Al-Arab*, j. 12. Beirūt: Maktabah ‘Aqīq Al-Turāth.

*Al-Munjid Fī Al-Lughah Wa Al-I’lām*, c. 34, Beirūt, Lubnān: Dār Al-Masyrik.

Al-‘Azīm Ābādī Muḥamad Ashraf bin Amīr (2005). “*Awn al-Ma’būd ‘Alā Sharḥ Sunan Abī Dawūd*”, hadis no 5115, j. 1, Beirūt, Lubnān: Dār Ibnu Ḥazam

Al-Sharbīnī, Muḥammad Khāṭib (1982), *Mughnī Al-Muḥtaṣī ilā Ma’rifah Ma’āni Alfāz Al-Minhāj*, j. 3, j 4, Damshiq; Dār Al-Fikr.

‘Atiyyah Saqar(t.t), *Al-Fatāwā: Min Ahsan Al-Ahkām Fī Al-Fatāwā Wa Al-Ahkām*, j. 2.

Qāherah: Al-Maktabah Al-Tawfiqiyah.

Azahar bin Yaakub@Ariffin (2000), “Murtad di kalangan saudara baru keturunan India: Satu kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur” ( Disertasi Master Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur) .

Azizah Mohd (2007), *Pengangkatan dan Pemeliharaan Anak*, Undang-Undang Keluarga Islam, J. 14. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Azizi Yahaya (2000) ,”Masalah Sosial Di Kalangan Remaja” (Seminar Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Fakhr Al-Dīn Muḥamad Bin ‘Umar (2000), *Tafsīr Al-Kabīr (Mafātih Al-Ghaib)*c. 1 , j 11, , Beirūt :Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyah.

Fatimah bt Ali (2007),”Masalah Sosial Pelajar dan hubungannya Dengan Kemerosotan Pembelajaran” *Jurnal Usuluddin*, Bil 25, 2007.

Hamka (1990) *Tafsir Al-Azhār* , j. 6, c 1,Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Hashim bin Haji Bedu, Khairulhelmi bin Katip,Mohd Fahmi bin Mohd Sahid,Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor (2008), ” Keruntuhan Akhlak Dan Gejala Sosial Dalam Keluarga: Isu Dan Cabaran”(Seminar Kaunseling Keluarga).

Hassan Langgulung (1993), “Menghadapi Abad Kedua Puluh Satu”, (Syarahan Perdana Jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 29 Oktober 1987).

Henry L. Manheim and Bredley A. Simon, (1977), *Sociological Research: Philosophphy and Methods*, Illinois: The Dorsey Press.

Koentjaranigrat, (1986), *Metode-Metode Penyelidikan Masyarakat*, c 8, Jakarta: Penerbit P.T Gramedia

Lukman Z. Mohamad (2006), “ Children in prostitutions A Study of Young Women in The Rehabilitation centres in Malaysia “, ( tesis PHD ).

Lukman Z. Mohamad, Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia .  
Temubual pada 16 Disember 2009.

*Mawsū‘ah Al- Sunnah Al-Kutub Al-Sittah Wa Shurūhuhā Al-Muattī’ Lil Imām Mālik bin Anas* ( 1992 ), j. 20, c. 2, Istanbul.

Muhammad Rawwāmī Qalqah Jī, *Mawsū‘ah Fiqh Ibrāhīm Al-Nakhāī iṣ-ṣAṣruhu Wa Hayātuhu*, j. 2. Dār Al-Nafāis.

Muhammad bin Ismail Al-San‘ānī (1997), *Subul As-Salām Sharḥ Bulugh Al-Marām*, j.

4. Qāherah: Dār Al-Hadis.

Muhammad bin ‘Alī bin Muhammad Al-Shawkanī (t.t) , *Nail Al-Awtār*, j. 6. , Mansūrah :Maktabah Al-Īmān.

Muhammad Juwād Mughniyah, *Fiqh Al-Imām Ja‘far As-Ṣādiq*, j. 3. Beirūt : Dār Al – ‘Ilm.

Muhd Mansur Abdullah (2000), “Renggangnya Hubungan Keluarga Punca Masalah Sosial Remaja”, dalam Mohd. Razali Agus (ed.), *Pembangunan dan Dinamika Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.

Muhammad Muttawalī Al-Sha‘rāwī(1991), *Tafsīr Al-Sha‘rawi*, j.4, Dār Akhbār Al-Yawm, Qiṭā‘u Al-Thaqāfah.

Muslim bin Al-Ḥajāj Abū Ḥusain Al-Qushairī Al-Nisābūrī (1972), *Sahīḥ Muslim* no hadis 2658, j. 4, Beirūt, Lubnān: Dār Ihyā' Al-Turāth Al-‘Arabi.

Muṣṭafā Al-Khin̄, Muṣṭafā Al-Bughā dan ‘Alī Al-Sharbajī (1996), *Al-Fiqh Al-Manhaji*, j. 2 , Beirūt: Dār Al-Shāmiah, Damshiq: Dār Al-Qalam .

Muzammi B. Yahya , Kaunselor Kolej Kemahiran Tinggi Mara Pasir Mas. Temubual pada 28 Oktober 2009.

Najibah Mohd Zin et al (2007), *Undang-undang Keluarga (Islam)* , j.14, c.1. Dawama Sdn.Bhd, Selangor.

Noor Aziah Mohd Awal (2007), “ Anak Tak Sah Taraf ”, Pemikir Jan-Mac 2007 Paizah Haji Ismail (2003),”Status Wanita Dalam Islam: Antara Prinsip Syariah Dan Ijtihad Fuqaha”, *Jurnal Syariah*,j 11, bil. 2, 2003.

Peter, A. Angeles, (1981), *A Dictionary of Philosophy*, London: Harper and Row Publishers.

Rahimin Affandi Abd. Rahim, Paizah Ismail, Norhayati Mohd Dahlal (2008),”Reformasi Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia: Satu Analisis Terhadap Gagasan Konsep Fiqh Semasa” *Jurnal Syariah*, j. 16, bil. 2 (2008).

Rosmaini Ahmad, Perlindungan hak anak tak sah taraf :Amalan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Seminar Isu-Isu Mahkamah Syariah ke 8 pada 9hb Mei 2008.

Rusli bin Abd. Ghani (1989), *Peristilahan Legasi Hippocrates Ars Longga, Vita Brevis*, Pelita Bahasa, Kuala Lumpur: DBP, Nov. 1989.

Salasiah Abd. Wahab (2001), “Madonna, Pascamoden dan Kebudayaan Popular”, dalam *Jurnal Yadim*, b. 2.

Safura Bt Shaari, Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan, RKK Tengku Budriah, Cheras. Temubual pada 16 September 2009.

Sayyid Sābiq (t.t), *Fiqh Al-Sunnah* , j. 3, Qāherah: Dār Al-Turāth.

Seminar Isu-isu semasa syariah ke 8, Anak tak sah taraf: perlindungan dan kebajikan, “

Perlindungan hak anak tak sah taraf: Amalan Jabatan kebajikan Masyarakat Malaysia”. Tarikh 9hb mei 2008, UIAM Malaysia.

Shams Al-Dīn Muḥammad Bin Abī ‘Abbas Aḥmad Bin Ḥamzah, *Nihāyah Al-Muḥtāj Ilā Sharḥ Al-Minhāj Fī Fiqh ‘Alā Mazhab Imām Shāfi‘ī*, j. 5, Dār Al-Fikr.

Shams Al-Dīn Al-Sarakhsī(t.t), Al-Mabsūt, j. 5, Beirūt : Dār Al-Ma’rifah.

Shams Al-Dīn Muḥammad Bin Khatīb Al-Sharbainī (t.t), *Mughnī Al-Muḥtāj* , j. 3, Qāherah: Maktabah Tawfiqiyah.

Sheikh Al-Islām Abī Muḥammad Mawfiq Al Dīn bin Qudamah Al-Muqaddisi( 2005), *Al-Kāfi Fī Fiqh Al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, j. 2, Dār Al-Fikr.

Sheikh Shafiyu Al-Rahmān Al-Mubarakfūri(2008), *Sīrah Nabawiyah* Kathūr Suhardi (terj.),c.27, Jakarta: Pustaka Kawthār.

Siti Fatimah Abdul Rahman (2008), “Masalah Buang Bayi Perlu Ditangani”, Utusan Malaysia: Julai 8( <http://ikim.gov.my/v5> , 3 April 2011)

Sunan Ibn Mājah (1999), No hadis 1968, c. 1, Riyad : Dār Al-Salām Li Naṣri Wa Al-Tawzī‘.

Vani Appalasami (2001),”Masalah Sosial di Kalangan Remaja”( Latihan Ilmiah Jabatan Antrapologi Dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

Wahbah Al-Zuhailī(1989), *Al-Fiqh Al-Islām Wa Adillatuh*, j. 3. Damshiq: Dār Al-Fikr  
Wan Norasiah Wan Ismail (2003) ,”Akhlak Remaja di Felda Ulu Belitong” (Disertasi Master Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

Wan Zabariah Bt Wan Harun, Penolong Pengarah Kanak-Kanak, JKM. Temubual pada 17 September 2009.

Yaacob Harun (1992), *Keluarga Melayu Bandar: Suatu Analisis Perubahan*. Kuala Lumpur.

Yahyā bin Abī Al-Khair (2002), *Al-Bayān Fī Fiqh Al-Imām Al-Shāfi‘ī*, j. 8. Beirūt: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyah.

Akbar:

Berita Harian 30 Jun 2010.

Harian Metro. 19 Mac 2010.

Utusan Malaysia, 12 Februari 2010

Utusan Malaysia, 2 Julai 2010.

Utusan Malaysia, 16 Ogos 2010.

.

Lelaman Internet:

Jabatan Kebajikan Masyarakat, <http://www.jkm.gov.my>, 22 Julai 2009.

Jabatan Kebajikan Masyarakat, [http://www.jkmwpkl.gov.my/?page\\_id=92](http://www.jkmwpkl.gov.my/?page_id=92), 28 Disember 2010.

Jabatan Pendaftaran Negara, <http://www.jpn.gov.my/>, 22 Julai 2009

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,  
[http://www.kpwkm.gov.my/new\\_index.php?lang=malays](http://www.kpwkm.gov.my/new_index.php?lang=malays), 22 Julai 2009.

Statut :

Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611).

Akta Kesahteraan Anak 1971.

Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952.

Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506).

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984  
( Akta 303).

Kanun Keseksaan (Akta 574).

## **LAMPIRAN 1**

### **KERATAN-KERATAN AKHBAR**

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1030&pub=utusan\\_malaysia&sec=Timur&pg=wt\\_02.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1030&pub=utusan_malaysia&sec=Timur&pg=wt_02.htm&arc=hive)

ARKIB : 30/10/2009

#### **Banteras kes buang bayi**

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD

utusanpahang@utusan.com.my

MARAN 29 Okt. - Masyarakat perlu berganding bahu bagi menangani kes pembuangan bayi di Felda Wilayah Jengka di sini supaya ia tidak menjadi semakin serius. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jengka, Wan Salman Wan Ismail menegaskan, tanggungjawab membanteras gejala sosial itu bukan terletak di bahu ibu bapa dan guru semata-mata tetapi membabitkan semua pihak.

"Institusi keluarga, badan dakwah, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sekolah dan masyarakat perlu bersatu menangani masalah itu daripada menjadi wabak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Utusan Malaysia selepas melawat seorang bayi lelaki yang ditemui ditinggalkan di sebuah pondok bas di Bandar Jengka pada Sabtu lalu, di Hospital Jengka dekat sini semalam.

Mingguan Malaysia pada 25 Oktober lalu menyiaran seorang bayi lelaki yang baru dilahirkan dijumpai orang awam di pondok bas di hadapan Sekolah Menengah

Kebangsan (SMK) Jengka Pusat 2. Bayi lelaki seberat 2.5 kilogram yang kini ditempatkan di Wad Kanak-Kanak hospital itu dijumpai dalam keadaan berselimut dengan tuala dan masih bertali pusat.

Menurut Wan Salman, kejadian pembuangan bayi yang bukan kali pertama berlaku di Felda Jengka itu berpunca daripada pergaulan bebas, pornografi dan terpengaruh dengan filem Barat. Tegasnya, walaupun peratusan yang melakukan jenayah buang bayi adalah kecil tetapi perbuatan itu memalukan masyarakat di Felda Wilayah Jengka. Wan Salman mengingatkan ibu bapa supaya sentiasa memantau pergaulan anak-anak di luar rumah serta mengenali rakan mereka di luar sekolah. Katanya, kawalan terhadap tingkah laku anak-anak di luar rumah boleh mengelakkan mereka daripada terjerumus ke dalam kegiatan tidak bermoral.

"Satu elemen yang perlu ibu bapa beri perhatian ialah penggunaan video dan telefon bimbit di kalangan anak-anak kerana dengan kecanggihan teknologi, mereka dapat mengakses gambar lucah," katanya.

## LAMPIRAN 2

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1025&pub=utusan\\_malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_18.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1025&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_18.htm&arc=hive)

ARKIB : 25/10/2009

### **Bayi ditemui di pondok bas**

Seorang jururawat di Hospital Jengka menunjukkan bayi yang ditemui di pondok bas berhadapan SMK Jengka Pusat 2, Jengka, Pahang, semalam.

MARAN 24 Okt. - Penduduk di sekitar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jengka Pusat 2 dekat sini gempar apabila menemui bayi yang baru dilahirkan di sebuah pondok bas di hadapan sekolah berkenaan hari ini. Bayi lelaki seberat 2.5 kilogram itu dijumpai dalam keadaan berbalut dengan tuala oleh orang ramai kira-kira pukul 8.20 pagi.

Ketua Polis Daerah Maran, Deputi Supritendan Ahmad Johari Shahabuddin berkata, bayi malang yang dalam kesejukan itu ketika ditemui masih mempunyai tali pusat.

"Orang ramai segera menghubungi ambulans dan bayi berkenaan dihantar ke Hospital Jengka untuk pemeriksaan lanjut," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurut Ahmad Johari, pihaknya percaya bayi itu dilahirkan awal pagi ini di tempat lain sebelum ditinggalkan di pondok bas berkenaan.

"Polis belum dapat mengenal pasti keturunan bayi berkenaan dan siasatan masih dijalankan," jelasnya. Sementara itu, beliau menggesa orang ramai supaya memaklumkan kepada polis sekiranya mengetahui mana-mana individu di kawasan mereka yang terbabit dalam pembuangan bayi. Pengarah Hospital Jengka, Sarifudin Saad berkata, setelah melakukan pemeriksaan, pihaknya mendapati bayi itu cukup sifat dan sihat.

"Bayi berkenaan akan ditempatkan di wad kanak-kanak sebelum menyerahkannya kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya.

## LAMPIRAN 3

<http://www.malaysiakini.com/news/133836>

berita harian 2010/09/28

### **Pemuda dihukum penjara 2 tahun buang bayi**

MELAKA: Seorang pemuda dihukum penjara dua tahun manakala kekasihnya, seorang remaja perempuan bawah umur dihantar ke Sekolah Henry Gurney kerana kesalahan membuang bayi perempuan di kawasan Kilang Daibochi di Ayer Keroh di sini, bulan lalu. Majistret Mohd Fairuz Johari memerintahkan remaja perempuan berusia 17 tahun 11 bulan itu ditahan di sekolah itu sehingga dia berusia 20 tahun.

Mohd Zolhalmi Khamis, 18, dari Felda Jelai, Gemas, Negeri Sembilan dan kekasihnya itu, mengaku salah bersama-sama membuang bayi tersebut pada jam 5.10 pagi, 11 Ogos lalu di kawasan Kilang Daibochi di Ayer Keroh di sini.

Kedua-dua mereka didakwa mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, remaja perempuan itu melahirkan bayi tersebut dalam sebuah tandas di kilang itu sebelum memasukkan bayi itu ke dalam beg yang kemudiannya tertuduh pertama (Mohd Zolhalmi) meletakkan beg itu dalam tong sampah di kawasan kilang itu. Mohd Fairuz berkata, mereka akan menjalani hukuman itu bermula hari ini dan perintah remaja perempuan itu dihantar ke Sekolah Henry Gurney dibuat mengikut Seksyen 91(1)(f) Akta Kanak-Kanak 2001.

Beliau berkata, hukuman yang dikenakan terhadap kedua-dua tertuduh berdasarkan fakta kes, rayuan oleh mereka dan laporan akhlak remaja perempuan itu. Katanya, umur muda bukan alasan untuk mereka melakukan kesalahan tersebut dan hukuman berat yang dikenakan itu sebagai pengajaran kepada mereka serta mesej kepada masyarakat supaya tidak melakukan perbuatan itu. Ketika mahkamah memberi peluang mengemukakan rayuan, Mohd Zolhalmi memohon hukuman yang ringan kerana dia sudah bertaubat dan berjanji untuk mengahwini kekasihnya itu apabila kes itu selesai.

Remaja perempuan itu pula merayu supaya dia tidak dipenjarakan kerana sedang menyusukan anaknya itu."Saya tidak sanggup berpisah dengan anak saya," katanya sambil menangis di kandang tertuduh.Timbalan Pendakwa Raya Farah Wahida Md Nor pula, memohon mahkamah mengenakan hukuman yang menjadi pengajaran bukan saja kepada tertuduh malah masyarakat supaya mereka merasa gerun untuk melakukan kesalahan berkenaan. – BERNAMA

## LAMPIRAN 4

<http://mforum.cari.com.my/archiver/?tid-262968.html> 26/4/11

[i=s] Post Last Edit by Syd at 27-12-2010 22:08 [/i]

### **Wujudkan pusat jagaan khas**

KUALA LUMPUR 7 Feb. - Sebuah pusat penjagaan khusus untuk bayi-bayi yang tidak diingini oleh ibu bapa mereka wajar diwujudkan bagi menghentikan kejadian buang bayi.

Timbalan Presiden Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO), Datuk Ramani Gurusamy berkata, dengan adanya pusat sedemikian, ibu bapa yang mengalami tekanan serta tidak mahukan anak mereka mempunyai tempat untuk menyerahkan bayi tersebut. Itu lebih baik daripada bayi dibuang dan dibiar mati kerana mereka tidak bersalah dan berhak untuk hidup, 抒 katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Kelmarin, mayat seorang bayi ditemui terdampar di Flat Lobak, Seremban di sini dengan kepala dan hidung yang masih berlumuran darah serta tali pusat masih terlekat, dibuang oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Gurusamy berkata, kebanyakan wanita yang melahirkan anak luar nikah akan menghadapi tekanan perasaan dan fikiran mereka menjadi buntu.

Tambahan pula, menurut beliau, orang ramai lebih cenderung menghukum daripada membantu wanita tersebut menyebabkan mereka mengambil langkah singkat

untuk menyembunyikan masalah dengan membuang bayi.Justeru penubuhan pusat itu akan dapat membantu bayi dan juga ibu bermasalah ini, katanya.

Pengarah Eksekutif Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Ivy Josiah turut bersetuju agar sebuah pusat penjagaan diwujudkan khas bagi menjamin keselamatan bayi yang tidak diingini.Josiah berkata, pusat tersebut perlu berfungsi sebagai pusat perlindungan kepada wanita terbabit sehingga selamat bersalin sebelum membuat keputusan sama ada hendak menjaga anak itu atau menyerahkannya kepada orang lain.Ini bukan untuk menggalakkan seks luar nikah atau berkaitan isu moral semata-mata, tetapi ia alternatif terbaik bagi mengelak daripada bayi itu dibuang dan mati, jelasnya. Beliau menambah, kejadian melahirkan anak tanpa bapa bukan perkara jenayah tetapi isu moral yang wajar ditangani oleh semua pihak. Jenayah boleh diselesaikan melalui hukuman tetapi masalah sosial memerlukan pendekatan ilmiah dan berlembut ujarnya.

## LAMPIRAN 5

[http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com\\_article&grp=2&sec=&key=1629&cmd=resetall](http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=1629&cmd=resetall) (12010/12/27

### **KPJ-ISH wujudkan pusat perlindungan bayi pertama di hospital**

IPOH: KPJ Ipoh Specialist Hospital (KPJ-ISH) di sini mewujudkan sebuah pusat perlindungan bayi, yang pertama seumpamanya diwujudkan di hospital di negara ini, bagi membendung gejala pembuangan bayi di samping mengurangkan risiko kematian bayi yang baru lahir.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ahmad Nasirruddin Harun, berkata pusat itu ditubuhkan bagi menyediakan tempat jagaan terbaik kepada bayi malang serta yang tidak diingini oleh keluarga mereka "Ia ditubuhkan atas rasa tanggungjawab sosial KPJ-ISH bagi membendung gejala pembuangan bayi yang tidak berdosa ini. Pusat ini hanya mahu menyelamatkan nyawa bayi serta memberi perlindungan sebaik-baiknya kepada mereka," katanya selepas pelancaran pusat berkenaan di KPJ-ISH di sini, hari ini.

Beliau berkata, pusat itu dibuka 24 jam bagi membolehkan mereka yang tidak menginginkan bayi yang dilahirkan boleh meletakkannya di tempat yang disediakan dan akan dikendalikan oleh sekumpulan tenaga mahir serta perunding.Majlis pelancaran yang disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan, Pembangunan, Usahawan, Pelancongan, Hal Ehwal Wanita dan Kebajikan negeri, Datuk Hamidah Osman turut dihadiri Pengarah Perubatan KPJ ISH, Datuk Dr Fadzli Cheah Abdullah.Ahmad Nasirruddin berkata, KPJ-ISH tidak mempunyai kepentingan untuk mengetahui identiti ibu atau individu yang menghantar bayi ke pusat berkenaan.

Sementara itu, Hamidah berkata, kerajaan negeri menyokong penuh program yang dijalankan KPJ ISH kerana ia membantu menangani masalah pembuangan bayi di negeri ini.

Bagaimanapun, katanya, kewujudan pusat itu bukan penyelesaian kepada masalah pembuangan bayi tetapi sekurang-kurangnya ia dapat memberi kesedaran di kalangan pihak berkaitan bagi menyelamatkan nyawa bayi yang tidak berdosa. "Sebelum ini ada beberapa kes membabitkan kematian bayi berikutan dibuang di tempat berbahaya. Jadi kewujudan pusat perlindungan itu dapat dijadikan satu alternatif bagi menangani masalah itu," katanya. - BERNAMA

## **LAMPIRAN 6**

Utusan 22/0gos 2010

### **Sekolah Harapan untuk pelajar hamil**

Oleh AMRAN MULUP  
utusanmelaka@utusan.com.my

MELAKA 21 Ogos – Sekolah menengah untuk remaja hamil luar nikah yang dijadual dibuka oleh kerajaan negeri pada 1 September ini akan dikenali sebagai Sekolah Harapan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, nama itu dipilih berdasarkan tujuan sekolah tersebut diwujudkan untuk memberi peluang kedua kepada pelajar yang hamil luar nikah kembali ke pangkal jalan.

Menurutnya, sejak kerajaan negeri mengumumkan akan mewujudkan sekolah tersebut, ramai ibu bapa dari negeri ini telah menghubungi Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) untuk menghantar anak mereka yang sedang hamil.

“JAIM juga dihubungi oleh ibu bapa dari luar negeri ini yang turut berminat memasukkan anak mereka ke Sekolah Harapan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis berbuka puasa bersama Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob dan kira-kira 250 anak yatim di Masjid Pulau Samak, Batu Berendam di sini semalam.

Anak yatim tersebut dari Rumah Anak Yatim Semarak Kasih, Bemban, Jasin; Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Daerah Jasin dan Rumah Kebajikan Anak Yatim Miskin, Paya Rumput (Payasum).

Turut serta ialah Rumah Anak Yatim Darul Aitam, Bukit Pegoh; Kompleks Anak Yatim Fatimah Al-Zaharah, Bukit Katil dan Sekolah Anak-Anak Yatim Sultan Abdul Aziz Shah, Pantai Puteri.

Mengulas lanjut Mohd. Ali berkata, sekolah tersebut yang menggunakan bangunan dua tingkat milik Syarikat Air Melaka di Jasin, kini sedang dibaik pulih sebelum ia dibuka untuk sesi pembelajaran pada 1 September ini.

Menurut beliau, kerja-kerja membaik pulih bangunan tersebut sedang giat dijalankan dan dijangka siap menjelang hujung bulan ini.

“Sekolah Harapan akan menyediakan empat buah kelas dan pada peringkat awal ini, sekolah ini mampu menampung antara 20 hingga 30 pelajar.

## LAMPIRAN 7

<http://mohamadsofee.blogspot.com/2010/08/tabung-dna-membantu-forensik-buang-bayi.html>

### **Tabung DNA membantu forensic buang bayi**

Kes buang bayi di negara ini semakin menjadi-jadi dan serius apabila hampir setiap hari kita mendengar berita berkaitan jenayah yang amat hina tersebut. Perbuatan yang tidak bertamadun dan langsung tiada peri kemanusiaan itu meningkat mendak lebih 54 peratus sejak Januari sehingga ke hari ini berbanding lapan bulan pertama tahun lepas. Statistik terbaru dikeluarkan oleh Polis menunjukkan terdapat 65 kes buang bayi dilaporkan di seluruh negara sejak awal tahun ini berbanding hanya 42 kes dalam tempoh sama tahun lalu. Ini membuktikan wujudnya kesinambungan yang menakutkan bagi masalah jenayah sosial yang kronik ini.

Sehubungan itu, melihat kepada senario yang semakin parah dan seakan bertukar menjadi barah dalam masyarakat, maka timbul cadangan bijak agar diwujudkan tabung sampel asid deoksiribonukleik (DNA) bagi setiap kelahiran baru di negara ini yang mana kewujudan tabung sampel DNA berkenaan dijangka mampu menjadi mekanisme berkesan dalam rangka membasmi kes pembuangan bayi yang semakin tidak terkawal, di samping membantu pihak berkuasa menangani pelbagai kes jenayah berat lain seperti dilaksanakan di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, New Zealand dan Denmark yang mewujudkan akaun tabung sampel DNA untuk semua rakyatnya.

Sementara itu, jenayah pembuangan bayi akan dapat diselesaikan dengan mudah melalui sampel DNA bayi berkenaan yang boleh dianalisis terus dan keputusan ujiannya boleh mengesan kedudukan, latar belakang dan identiti ibu serta bapa biologi bayi

berkenaan di mana sahaja mereka berada serta boleh ditangkap untuk dibawa ke muka pengadilan pada bila-bila masa bagi menjalani hukuman yang sewajarnya apabila semua rakyat di negara ini mempunyai akaun serta profil DNA masing-masing yang boleh diakses dengan kebenaran Mahkamah untuk dijadikan rujukan jika terlibat dengan jenayah serius. Kewujudan tabung DNA juga secara tidak langsung boleh menakutkan orang ramai daripada terjebak dengan jenayah berat atau melakukannya.

Ini adalah kewujudan tabung DNA adalah seiring dengan kemajuan sains dan teknologi dunia forensik di mana inovasi ini dilihat mampu menyelesaikan trend jenayah yang semakin kompleks, sofistikated serta bermanfaat kepada pihak berkuasa terutamanya pihak Polis dalam mengesan penjenayah di samping memberi hak dan keadilan kepada suspek dalam sesuatu kes jenayah. Kemudahan tabung DNA juga apabila dilaksanakan mampu membantu pihak mahkamah di negara ini misalnya membuat sesuatu keputusan penghakiman dan hukuman yang lebih adil, tepat dan memuaskan semua pihak walaupun kosnya agak tinggi dan negara juga masih kekurangan tenaga pakar di dalam bidang ini.

Peruntukan seperti yang termaktub di dalam Akta Identifikasi DNA 2009 umpsamanya mengkehendaki menyimpan dan menyelenggarakan profil DNA daripada indeks seperti indeks suspek, indeks tempat kejadian jenayah dan indeks orang hilang. Objektif utama Tabung atau bank data DNA sedia ada adalah menyimpan dan menyelenggara indeks ini bagi maksud pengenalpastian manusia berhubung dengan penyiasatan forensik. Profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya yang disimpan dan diselenggarakan dalam tabung atau bank data DNA boleh digunakan untuk membantu dalam penemuan atau pengenalpastian jasad manusia daripada sesuatu bencana dan pengenalpastian orang yang masih hidup atau yang telah mati.

Keputusan DNA yang mempunyai ketetapan hampir 99.9 peratus mampu menjadi mekanisme menyelesaikan pelbagai kes jenayah berat di negara kita di mana melalui kewujudan tabung DNA membolehkan pihak berkuasa mengambil dan menyimpan sampel DNA, menganalisis sampel DNA dan menggunakan untuk tujuan kemanusiaan dan proses keadilan di mahkamah memandangkan data DNA cukup membantu dalam mengenal pasti identiti jasad manusia, malahan juga haiwan dan sebagainya dalam kejadian seperti malapetaka, bencana alam, kemalangan, kehilangan atau kebakaran serta mangsa dan pesalah jenayah berat di negara kita.

Tabung DNA juga memberi kemudahan kepada pihak berkuasa seperti polis untuk menyimpan profil DNA seseorang suspek untuk dijadikan bahan rujukan bagi tujuan menyelesaikan sesuatu kes jenayah pada masa akan datang. Ini sudah tentu memudahkan pihak berkuasa memandangkan bukti cap jari, gambar dan beberapa kaedah forensik lain masih gagal membantu menangani kes-kes jenayah di negara kita. Dalam perkara yang sama, memang tidak dapat dinafikan bahawa data DNA dan segala maklumat seseorang dapat membantu pihak berkuasa menyelesaikan variasi kes jenayah seperti bunuh, liwat, rogol, sumbang mahram serta lain-lain kes jenayah berat di negara kita.

Kadar kejadian jenayah yang tinggi, begitu juga dengan kompleksitinya memerlukan teknik dan peralatan canggih bagi membantu penyiasatan kes oleh agensi terlibat dengan cepat dan adil. Penggunaan DNA semakin berkembang di seluruh dunia dan mengikut pengalaman perlaksanaan dan kejayaan di negara-negara maju membuktikan banyak kes jenayah di sana dapat diselesaikan dengan cepat dan mudah di mana teknologi ini telah digunakan secara meluas di negara berkenaan sejak tahun 1980-an lagi. Oleh demikian, Malaysia perlu dari masa ke semasa perkemaskan segala

peruntukan undang-undang berkenaan DNA melalui undang-undang identifikasi DNA seiring dengan kemajuan forensik.

Kejayaan dalam sesuatu kaedah penyelesaian sesuatu kes jenayah adalah bergantung pada siasatan yang dijalankan dan salah satu mekanisme pendekatan yang efisien dalam mengendalikan kes jenayah berat ialah melalui ujian forensik DNA. Terdapat beberapa kes di Malaysia berjaya diselesaikan menggunakan forensik DNA termasuklah kes-kes berprofil tinggi seperti pembunuhan dan rogol Noor Suzaily Mokhtar pada 2000, kes Canny Ong pada 2003 dan banyak lagi. Secara realistiknya, aplikasi dan teknologi DNA berjaya merungkai bukti prima facie yang diperoleh daripada hasil penyiasatan dan ujian yang dilakukan.